



**DEWAN NEGARA
LAPORAN PENYATA RASMI
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 24

Rabu

18 Disember 2019

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL :	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 55)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Kewangan 2019	(Halaman 32)
Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 2019	(Halaman 52)
Rang Undang-undang Petroleum (Cukai Pendapatan) (Pindaan) 2019	(Halaman 56)
Rang Undang-undang Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Pindaan) 2019	(Halaman 62)
Rang Undang-undang Mata Wang 2019	(Halaman 70)
Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2019	(Halaman 94)
Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2019	(Halaman 96)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Sri SA. Vigneswaran (Dilantik)(LS)
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Haji Abdul Halim bin Abd. Samad (Dilantik)
3. “ Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin
4. “ Tuan Adrian Banie Lasimbang (Dilantik)
5. “ Dr. Ahmad Azam bin Hamzah ((Negeri Sembilan)
6. “ Tuan Aknan A/L Ehtook (Dilantik)
7. “ Tuan Alan Ling Sie Kiong (Dilantik)
8. “ Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram
9. “ Puan Asmak binti Husin (Kelantan)
10. “ Datuk Haji Bashir bin Haji Alias (Dilantik)
11. “ Dato' Chai Kim Sen (LS)
12. “ Datuk Donald Peter Mojuntin (Sabah)
13. “ Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin (Dilantik)
14. “ Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat (Dilantik)
15. “ Dato' Haji Husain bin Awang (Terengganu)
16. “ Datuk Haji Husam bin Musa
17. “ Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah (LS)
18. “ Dato' Isa bin Ab. Hamid (Dilantik)
19. “ Datuk Haji Ismail bin Ibrahim (Dilantik)
20. “ Tuan Ismail bin Yusop (Perak)
21. “ Datuk John Ambrose (Dilantik)
22. “ Tuan Kamarudin bin Abdun [Perlis]
23. “ Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair (Negeri Sembilan)
24. “ Tuan Khairul Azwan bin Harun
25. “ Datuk Lee Tian Sing (Lantikan baharu)
26. “ Tuan Liew Chin Tong- *Timbalan Menteri Pertahanan*
27. “ Puan Lim Hui Ying (Pulau Pinang)
28. “ Datuk Lim Pay Hen (Lantikan baharu)
29. “ Tuan Manolan bin Mohamad (Dilantik)
30. “ Datuk Wira Haji Marzuki bin Yahya- *Timbalan Menteri Luar Negeri*
31. “ Ir. Md. Nasir bin Hashim (Dilantik)
32. “ Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid
33. “ Datuk Mohan A/L Thangarasu (Dilantik)
34. “ Dr. Mohd Radzi bin Md. Jidin- *Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi*
35. “ Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah

36. Yang Berhormat Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff (Pulau Pinang)
37. “ Tuan Haji Muhammad bin Mustafa
38. “ Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff (Dilantik)
39. “ Datuk Ng Chiang Chin (Dilantik)
40. “ Tuan Nga Hock Cheh (Perak)
41. “ Dr. Nuing Jeluing (Lantikan baharu)
42. “ Puan Hajah Nuridah bt Mohd Salleh (Terengganu)
43. “ Datuk Paul Igai (Lantikan baharu)
44. “ Datuk Rabiyah binti Ali (Dilantik)
45. “ Puan Hajah Rahemah binti Idris (Dilantik)
46. “ Datin Rahimah binti Haji Mahamad (Dilantik)
47. “ Puan Raj Munni binti Sabu (Dilantik)
48. “ Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah-
Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan
49. “ Datuk Razali bin Idris (Dilantik)
50. “ Puan Hajah Sabani binti Mat (Perlis)
51. “ Puan Siti Fatimah binti Yahaya (Pahang)
52. “ Puan Sopiah binti Sharif (Dilantik)
53. “ Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh (Selangor)
54. “ Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee (Dilantik)
55. “ Datuk Theodore Douglas Lind (Dilantik)
56. “ Dato' Sri Ti Lian Ker (Pahang)
57. “ Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy- *Menteri Di Jabatan Perdana Menteri*
58. “ Dr. Yaakob bin Sapari (Selangor)
59. “ Datuk Ir. Yong Wui Chung
60. “ Dato' Zahari bin Sarip (Johor)
61. “ Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili (Sarawak)

DEWAN NEGARA

Ketua Pentadbir Parlimen

Datuk Kamis bin Samin

Setiausaha Dewan Negara

Riduan bin Rahmat

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Muhd Sujairi bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (*HANSARD*)

Monarita binti Mohd Hassan

Azhari bin Hamzah

Rosna binti Bujairomi

Alzian binti Baharudin

Halijah binti Mat Sin @ Mt Zain

Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Siti Norlina binti Ahmad

Noraidah binti Manaf

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Nor Liyana binti Ahmad

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Sherliza Maya binti Talkah

Nor Effazimmah binti Maliki

Nur Annisa binti Hamid

Sharifah Nazurah binti Wan Sahdi

Herdawati binti Mohd Amir Abbu

Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim

Nor Sakinah binti Samat

Nurul Atikah binti Basrudin

Ahmad Syahril bin Haji Sikar @ Haji Sika'ri

Azmir bin Mohd Salleh

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Ismalinda binti Ismail

Hazliana binti Yahaya

Amir Arshad bin Ab Samad

Hizamihatim Maggisa bin Juara

Muhammad Firdaus bin Ahmad

Izzul Syazwan bin Abdul Halim

Maryam binti Azinuddin

Mohd Aizuddin bin Pahrol Laili

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA
18 Disember 2019
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Selamat pagi dan salam sejahtera Ahli-ahli Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin.

1. Datuk Abdul Ghani Bin Mohamed Yassin minta Menteri Kesihatan menyatakan, untuk membuat satu kajian penyelidikan terhadap klinik-klinik desa untuk menaikkan taraf, menyediakan kelengkapan peralatan perubatan dan bilik-bilik rawatan yang khas bagi kegunaan pegawai-pegawai perubatan untuk merawat pesakit. Bilik perubatan dan rawatan harus diperbesarkan khususnya bagi setiap klinik desa kerana bilangan pesakit semakin bertambah dari hari ke hari.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dr. Lee Boon Chye]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa merancang pembinaan *facility* kesihatan dan dalam usaha untuk meningkatkan akses dan penyampaian perkhidmatan kesihatan yang komprehensif. Naik taraf klinik desa kepada klinik kesihatan adalah perancangan Kementerian Kesihatan Malaysia bermula Rancangan Malaysia Kesebelas.

Walau bagaimanapun, ia akan dilaksanakan mengikut keutamaan dan bergantung kepada kedudukan kewangan semasa kerajaan. Naik taraf klinik desa kepada klinik kesihatan juga akan melibatkan penambahan bilik-bilik rawatan, peralatan perubatan dan anggota kesihatan sesuai dengan keperluan dengan klinik tersebut dalam mengimbangi pertumbuhan populasi serta kedatangan pesakit.

Untuk makluman Dewan ini, apabila kita naik taraf klinik desa kepada klinik kesihatan Jenis VII, ini melibatkan penambahan perkhidmatan daripada *maternal and child health* (MCH) kepada penambahan *outpatient clinic*. Jadi, ini yang melibatkan penambahan *facility* dan juga keperluan anggota perkhidmatan. Sekian.

Datuk Abdul Ghani Bin Mohamed Yassin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin membawa Klinik Kesihatan Nabawan

Jenis IV cuma ada enam katil untuk lelaki dan juga enam katil untuk perempuan. Klinik kesihatan ini sedang dinaikkan taraf iaitu untuk perumahan bagi kakitangan. Sudah beberapa tahun, status klinik kesihatan ini. Jadi, soalan saya adakah pihak kementerian pada ketika ada menjalankan kajian secara holistik untuk mengubah status Klinik Kesihatan Nabawan ini ataupun membina yang baharu.

Oleh sebab, klinik kesihatan ini menjadi ataupun ada dua klinik kesihatan di Pagalungan dan juga Pensiangan menjadi *feeder* untuk klinik kesihatan ini. Jadi, masalah ia sekarang ini, sekiranya ada kes-kes yang serius ataupun kritikal, pesakit-pesakit cuma akan dihantar ke Hospital Daerah Keningau. Jadi, maka kerana itu, ia memerlukan sebuah hospital yang bertaraf hospital daerah untuk kawasan ini. Sekian, terima kasih.

Dr. Lee Boon Chye: Oleh sebab ini soalan yang spesifik akan dijawab secara bertulis.

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah klinik kesihatan ini ada kemampuan untuk mengambil kes-kes *emergency* ataupun kes-kes kecemasan? Contohnya, klinik kesihatan yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Ghani tadi. Adakah mereka ada kemampuan untuk *handle* kes *emergency*? *Thank you.*

Tuan Yang di-Pertua: Klinik-klinik desa keseluruhannya.

Dr. Lee Boon Chye: Untuk klinik desa ia lebih kepada *maternal and child health* (MCH) untuk ibu yang mengandung dan juga kanak-kanak yang baru lahir. Jadi, keperluan untuk memberi rawatan lebih kepada *first aid* dan seterusnya kalau ada kes-kes yang serius, dia akan dirujuk kepada doktor dan juga kepada hospital yang berdekatan.

Untuk klinik-klinik kesihatan yang- memang ada kebanyakan klinik kesihatan jenis III ada bekalkan Jabatan Kecemasan yang boleh memberi rawatan untuk pesakit-pesakit yang datang untuk kecemasan. Mereka akan memberi *first aid* dahulu dan sekiranya perlu, akan dirujuk kepada hospital yang terdekat, sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, silakan Yang Berhormat Datin Rahimah.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, apakah jaminan kerajaan bahawa stok bekalan ubat-ubatan tidak terputus dan permintaan bekalan boleh dipenuhi selepas konsesi Pharmaniaga ditamatkan dan diganti dengan tender terbuka bagi klinik-klinik desa dan klinik-klinik di luar bandar. Terima kasih.

Dr. Lee Boon Chye: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Kebetulan kalau kita lihat daripada segi peranan Pharmaniaga, dia kendalikan dua aspek. Pertama, lebih kurang 700 senarai ubat yang merupakan *pre approve list*, dan kedua, dia membekalkan logistik untuk bekalkan keperluan semua ubat dan bekalan kesemua *facility* di bawah Kementerian Kesihatan.

■1010

Jadi kontrak tersebut sebenarnya sudah tamat 30 November yang lalu dan telah dilanjutkan selama 25 bulan supaya kita boleh buat peralihan. Apabila peralihan berlaku, kita akan lakukan supaya 700 jenis ubat tersebut akan dibuka tender terbuka supaya kita boleh dapatkan bekalan ubat dan sebagainya. Daripada segi logistik telah diputuskan untuk dilanjutkan selama lima tahun. Jadi saya rasa...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak...

Dr. Lee Boon Chye: ...Tidak bangkit isu berkenaan dengan *break of service* dari segi bekalan ubat kepada *facility* kementerian. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Paul Igai: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili. Silakan.

Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah soalan nombor dua.

2. Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili minta Menteri Hal Ehwal Ekonomi menyatakan, bagaimana fokus kerajaan meneruskan pertumbuhan sektor ekonomi dan tumpuan pembangunan sosial yang lebih seimbang dalam RMKe-12 agar pendekatan pengurusan fiskal Malaysia tidak memberi jurang pendapatan yang lebih melebar dalam kalangan kumpulan B40 dan M40 di Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat Senator. Kerajaan sentiasa komited untuk memastikan pertumbuhan ekonomi negara kekal mampan seiring dengan pengagihan ekonomi adil, saksama dan inklusif. Walaupun pertumbuhan ekonomi negara menunjukkan prestasi yang menggalakkan, namun ia masih belum digembleng sepenuhnya bagi mencapai potensi yang optimum.

Selain itu, terdapat pelbagai isu struktur yang perlu ditangani oleh kerajaan. Menyedari terdapat keperluan untuk menstrukturkan dan menyusun semula pembangunan sosioekonomi negara, kerajaan telah merangka Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB). Wawasan yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 5 Oktober 2019 ini akan menerajui hala tuju negara secara lebih holistik untuk tempoh 2021 hingga 2030. Pelaksanaan WKB akan merangkumi Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) dan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13).

Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, objektif pertama WKB adalah untuk menstrukturkan semula ekonomi ke arah yang lebih progresif berpaksikan ilmu dan bernilai tinggi. Di bawah WKB, selain memperkukuhkan sektor ekonomi sedia ada, tumpuan akan

diberi untuk mempergiat aktiviti pertumbuhan ekonomi masa hadapan yang berpotensi untuk berkembang pesat sejajar dengan perubahan teknologi. Objektif kedua WKB antara lain menumpukan kepada usaha untuk merapatkan jurang ekonomi di antara kelas pendapatan dan wilayah.

Kerajaan yakin penstrukturan semula ekonomi dan tumpuan kepada aktiviti ekonomi bernilai tinggi di bawah WKB akan menyumbang kepada usaha untuk merapatkan jurang ekonomi di antara kumpulan pendapatan. Ini kerana sebahagian besar daripada kumpulan B40 dan M40 bergantung kepada gaji dan upah sebagai sumber pendapatan utama. Perwujudan pekerjaan bergaji tinggi akan membantu kumpulan ini meningkatkan taraf hidup dan kuasa beli mereka.

Selain daripada itu, Teras Strategik Kelima WKB iaitu kesejahteraan sosial, memberi penekanan kepada kebajikan semua kelompok masyarakat terutamanya golongan rentan ekonomi dan kumpulan isi rumah B40. Antara strategi yang akan dilaksanakan termasuklah memperkasakan sistem perlindungan sosial dan mengintegrasikan pangkalan data bagi memastikan bantuan dapat diberikan kepada kumpulan sasaran. Dalam merapatkan jurang ekonomi antara wilayah, kerajaan komited untuk memastikan pembangunan dilakukan secara saksama dan inklusif bagi memastikan pembangunan ekonomi tidak tertumpu di negeri atau kawasan tertentu sahaja.

Dalam hubungan ini, pemetaan kawasan titik tumpuan ekonomi, dengan izin, *economy hotspots* akan dilaksanakan bagi mengenal pasti kawasan luar bandar yang berpotensi sebagai pusat ekonomi yang mampan. Pemilihan strategi bagi setiap lokasi yang ditetapkan adalah berasaskan kepada kekuatan dan keunikan kawasan tersebut. Pengurusan ekonomi yang teragih dan adil akan dilaksanakan dengan memperkukuh logistik dan *facility* perdagangan, meningkatkan kebolehcapaian internet serta menambah baik infrastruktur awam di kawasan luar bandar dan pedalaman.

Fasa pertama pelaksanaan WKB akan diterjemahkan dalam RMKe-12. Pelaksanaan RMKe-12 ini juga akan berlandaskan kepada 17 Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs). Pada masa yang sama, kerajaan komited untuk memastikan pengurusan dasar fiskal yang berhemat dan berdisiplin bagi memacu negara ke arah merealisasikan matlamat WKB. Segala usaha kerajaan ini akan dapat memperkasakan pertumbuhan ekonomi negara serta memastikan pembangunan sosial yang lebih seimbang dan inklusif bagi manfaat seluruh rakyat Malaysia. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat Tuan Zaiedi.

Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan yang telah diberikan tadi. Pada hakikatnya fokus ekonomi yang bergantung kepada perhubungan swasta amat sukar untuk digiat usaha atau

didaya upaya kerana adanya kekangan lain dan dasar lebih diplomatik dan adil kepada kerajaan Sarawak dan Sabah terutama sekali di sektor tenaga, utiliti dan pembangunan infrastruktur awam.

Soalan saya yang pertama, apakah jaminan Kerajaan Pusat dalam memastikan pelaburan yang dimiliki oleh syarikat-syarikat milik Menteri Kewangan Diperbadankan digiatkan bagi merangkumi kerjasama strategik dengan syarikat milik Kerajaan Sarawak dan juga Sabah? Keduanya, sejauh manakah jaringan kerjasama yang lebih strategik di antara *Economic Planning Unit* di Putrajaya dengan *Sarawak Economic Planning Unit* di Kuching bagi mewujudkan satu dasar jalinan kerjasama yang lebih Sarawak *centric* pada masa ini?

Ini kerana Sarawak mempunyai keupayaan yang besar dalam *power generation* ataupun kuasa, pertanian dan pelancongan yang boleh melibatkan masyarakat di luar bandar iaitu golongan yang hendak disasarkan kita iaitu golongan B40 dan M40. Jadi, mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memberi penjelasan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi. Ada dua soalan di situ, saya jawab soalan kedua terlebih dahulu berkaitan dengan jalinan kerjasama strategik di antara Putrajaya dan Kuching tentang pembangunan ekonomi Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam merangka RMKe-12 ini, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi mengadakan sesi libat urus dengan seluruh kerajaan negeri dari Perlis sampailah ke Sabah, kita ke setiap negeri, sama ada saya atau Yang Berhormat Menteri akan turun ke setiap negeri, berbincang dengan kerajaan negeri, mendapat pandangan daripada kerajaan negeri, apakah keperluan negeri dan kita menerangkan tentang *constraint* atau kekangan fiskal yang kita hadapi dan sebagainya.

Ini supaya dalam RMKe-12 ini setiap projek pembangunan akan diberi keutamaan berdasarkan keperluan masing-masing. Kadang-kadang semua negeri memerlukan hospital sebagai contoh. Jadi apa yang lebih penting dalam negeri-negeri tersebut? Antara hospital atau balai polis atau sekolah dan sebagainya.

Jadi sesi libat urus ini merupakan sesi yang terperinci yang kita laksanakan. Kita sudah pusing seluruh Malaysia, termasuklah di negeri Sarawak. Antara penekanan kita berikan dalam sesi libat urus ini adalah untuk kita fahami, apakah kekuatan setiap negeri tersebut. Jadi kita pergi ke Sarawak, kita cuba alami, kita cuba fahami, apakah kekuatan yang ada. Contohnya dari segi pelancongan sebagai contoh.

Dalam bidang pertanian. Seperti mana yang saya sebut tadi, apabila kita merangka *economy hotspots* sebagai contoh, atau titik tumpuan ekonomi kita perlu mengetahui apakah kekuatan negeri tersebut supaya kita dapat menggunakan kekuatan ini secara optimum.

Kadang-kadang di sesetengah negeri, produk pelancongannya cukup banyak tetapi tidak digunakan secara optimum.

Jadi, itulah dalam sebahagian daripada usaha merangka RMKe-12 ini, inilah yang kita telah lakukan di peringkat kementerian dan juga di peringkat pegawai, mereka teruskan *engagement* tersebut. Jadi contohnya di negeri Sarawak, banyak kita mendapat maklum balas daripada pihak kerajaan negeri tentang keperluan negeri, tentang industri-industri yang dirasakan perlu diperkasakan di negeri Sarawak. Itu yang pertama.

Tentang pelaburan swasta, secara umumnya kerajaan sentiasa menggalakkan pelaburan swasta. Di mana-mana negara, pertumbuhan ekonomi dijana oleh pelaburan swasta dan juga oleh *government spending*, pelaburan kerajaan itu sendiri ataupun perbelanjaan kerajaan. Jadi adalah mustahil untuk sebuah negara bergerak hanya bergantung kepada pelaburan atau perbelanjaan kerajaan.

■1020

Jadi secara umumnya kerajaan sentiasa komited untuk memastikan pelaburan swasta dapat ditingkatkan dengan melihat apakah fasilitasi atau kemudahan atau bantuan yang boleh diberikan supaya pelaburan swasta di negara ini terus meningkat termasuklah pelaburan-pelaburan dari anak syarikat milik kerajaan-kerajaan negeri. Terima kasih.

Dr. Yaakob bin Sapari: Soalan tambahan.

Puan Asmak binti Husin: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Dr.

Dr. Yaakob bin Sapari: Antara isu yang dihighlightkan ialah kesenjangan pendapat di sini ialah supaya jurang pendapatan M40 dan B40 dalam soalan ini. Saya memikirkan supaya ada peluang pekerjaan baharu, cipta dengan menggunakan teknologi. Contohnya saya dapati mencuci jalan baik di Kuala Lumpur atau di bandar-bandar utama masih manual. Kenapa tidak menggunakan *road sweeper* umpamanya akan memberi pendapatan yang lebih tinggi dan orang tempatan boleh bekerja.

Contohnya macam *Foodpanda*, *GrabFood*. Ini satu pekerjaan baharu. Anak muda yang suka naik motor boleh bekerja. Saya pernah bertanya kepada mereka, berapa pendapatan mereka? Dia kata dapat RM100, RM120 sehari. Kalau dikembangkan lagi peluang-peluang pekerjaan baharu. *Ecommerce* umpamanya yang mana memberi ruang kepada mereka yang boleh berniaga.

Seterusnya bandar-bandar baharu kena dibina. Kenapa industri tidak berkembang di Kelantan. Saya rasa kena buat satu pelabuhan antarabangsa di Tok Bali. Yang Berhormat Timbalan Menteri orang Kelantan, takkan tidak ada hati hendak majukan Kelantan? Jadi kalau ada pelabuhan besar di Tok Bali yang bertaraf antarabangsa, industri akan berkembang di

keliling di situ. Juga bandar-bandar baharu yang lain kena dibina supaya ada peluang-peluang pekerjaan yang baharu.

Sistem yang ada sekarang ini, graduan lepas habis belajar minta kerja gaji RM1,800. Maknanya graduan kita masuk dalam golongan B40 tidak sampai M40. Jadi sentiasa sistem pekerjaan kita melahirkan mereka dalam kelompok B40...

Tuan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat? *[Ketawa]*

Dr. Yaakob bin Sapari: Minta jawab. Apa rancangan kerajaan? *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Rancangan kerajaan tadi sudah cakap sudah. Silakan Yang Berhormat.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Terima kasih, Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob. Kami sama dari Maktab Tentera Diraja, tengok *tie* pun sama hari ini. So, pertama kali tentang peluang pekerjaan menggunakan teknologi tinggi tentang gaji pekerja. Inilah yang saya sebut tadi di awal tadi tentang isu struktur ekonomi. Saya sentiasa bagi contoh...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri boleh saya, saya ingat soalan itu bertumpu kepada bukan sahaja dari segi infrastruktur tetapi dari segi lain macam yang diberikan tumpuan yang diberikan oleh Yang Berhormat Dr. tadi berkenaan dengan pekerjaan dan sebagainya- hal ehwal ekonomi apakah jawapan kementerian?

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Okey, itu saya sentuh tadi tentang apa yang dibangkitkan. Pertama tadi Kelantan satu hal dan satu lagi tentang *ecommerce*, tentang gaji pekerja, tentang peluang pekerjaan.

Apa yang saya hendak bagi contoh tadi tentang gaji pekerja. Gaji pekerja- saya keluar universiti tahun 1999, gaji pasaran pekerjaan pada waktu itu antara RM1500 hingga RM2500, seorang graduan, tahun 1999. Selama 20 tahun berlalu graduan masih keluar dan menerima dan ada yang terima kurang daripada RM1,500 sebab ada yang sedia untuk menerima.

Secara umumnya, kita lihat *something wrong* atau sesuatu tidak betul dengan struktur yang ada. Jadi inflasi ini atau harga barang ini ia setiap tahun akan meningkat. Jadi apabila harga barang itu meningkat tetapi gaji itu kekal, *stagnant for the past many years*, maknanya apa yang berlaku tekanan kos sara hidup itu cukup terasa.

Oleh hal yang demikian, seperti mana yang saya sebut dalam Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) tadi tumpuan akan diberikan kepada pelaburan-pelaburan yang berkualiti tinggi yang dapat menjana peluang pekerjaan yang berpendapatan tinggi. Apa yang berlaku jika kita kaji kumpulan B40 khususnya- kebanyakan daripada kumpulan B40 ini hasil pendapatan utama mereka adalah daripada gaji. Jika gaji itu rendah, sampai bila pun hasil pendapatan itu tidak akan dapat ditingkatkan.

Maka untuk memastikan gaji itu dapat ditingkatkan kerajaan akan terus menggembeleng usaha untuk membawa industri-industri berteknologi tinggi supaya peluang pekerjaan yang diwujudkan adalah pekerjaan yang bernilai tinggi. Itu yang pertama.

Kedua ialah berkaitan dengan peluang untuk rakyat tempatan bekerja dan juga penggunaan teknologi dalam industri. Apa yang berlaku sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, kita bercakap tentang struktur- apa yang berlaku apabila pekerja-pekerja asing dibawa masuk dengan mudah ke negara ini. Maka insentif atau motivasi untuk syarikat-syarikat atau pelabur-pelabur menggunakan teknologi tidak tinggi. Tidak ada motivasi, tidak ada insentif untuk syarikat menggunakan teknologi kerana mereka boleh mendapatkan tenaga kerja yang lebih murah khususnya tenaga kerja asing.

Sebab itulah kita kata dalam WKB ini kita sedang melihat apakah cara yang terbaik supaya kita dapat memastikan industri-industri ini menggunakan teknologi, menggunakan automasi supaya produktivitinya lebih tinggi, supaya nilai pengeluarannya lebih tinggi, supaya gaji yang dapat dibayar kepada pekerja tempatan juga lebih tinggi. Itu yang tentang bahagian pertama.

Kedua, tentang pelaburan di negeri Kelantan. Inilah yang diberikan penekanan utama oleh Kerajaan Pakatan Harapan khususnya apabila kita bercakap tentang jurang ekonomi antara wilayah. Apa yang berlaku- untuk kita menarik pelaburan. Ia ini *chicken and egg scenario*, dengan izin, sama ada infra dulu atau pelaburan dahulu. So, apa yang berlaku apabila kita tidak mempunyai satu infrastruktur yang lengkap, yang kukuh. Maka pelabur tidak memilih kawasan atau negeri tersebut untuk melabur.

Akan tetapi pada masa yang sama untuk dibina infra ini kita perlukan pastikan bahawa apabila infra ini dibina maka pelabur akan datang. Sebab itu saya kata tadi *chicken and egg scenario*. Oleh hal yang demikian, dalam konteks pembangunan Kelantan kita ingin pastikan bahawa infrastruktur-infrastruktur utama yang perlu diwujudkan, yang perlu disediakan harus disediakan dan disiapkan dalam jangka masa yang segera.

Sebab itulah apabila Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi ke Kelantan, beliau mengumumkan berapa projek-projek utama yang perlu disiapkan dan disegerakan. Contohnya Lebuhraya *Central Spine Road* untuk perjalanan di tengah negeri Kelantan daripada Kota Bharu terus ke Gua Musang dan terus ke Raub dan sebagainya. Itu merupakan tulang belakang pembangunan ekonomi Kelantan. Inilah yang sedang diusahakan sebagai satu contoh.

Kedua, selain daripada bercakap tentang pelaburan-pelaburan besar. Dalam konteks WKB kita juga ingin memperkasakan perusahaan kecil dan sederhana. Maknanya di kawasan luar bandar telah ada perusahaan-perusahaan kecil yang sederhana yang mengambil lima atau enam orang pekerja yang boleh diperkasakan, yang boleh diperkembangkan pasarannya sebagai mana yang disebut Yang Berhormat tadi penggunaan *ecommerce* sebagai contoh. Jika sebelum ini pasarannya terhad kepada Kelantan sebagai contoh. Maka dengan penggunaan teknologi, dengan penggunaan *ecommerce* pasaran itu tidak terhad,

pengeluaran boleh ditingkatkan. Maka lebih ramai pekerja yang dapat diambil. Seterusnya ekonomi kawasan luar bandar dapat dibangunkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi? Tadi...

Puan Asmak binti Husin: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Cakap fasal Kelantankah?

Puan Asmak binti Husin: Bukan, bukan. Bukan fasal Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Puan Asmak binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu saya ingin mengambil peluang untuk mengucapkan takziah kepada mangsa banjir gelombang kedua dan ketiga. Sebab dinihari tadi air naik dengan laju di Jeli. Mungkin satu hingga dua hari akan sampai ke Rantau Panjanglah.

Okey, soalan tambahan saya adalah berkaitan dengan apakah tindakan kerajaan untuk mempersiapkan rakyat khususnya B40 dan M40 untuk menyambut dan merencanakan WKB dan RMK-12.

Ini kerana kalau kita tengok dalam laporan DEB dulu, antara punca kenapa kita tidak dapat capai ekuiti 30 peratus bumiputera. Contoh saya bagi, contoh di Kuala Terengganu, kerajaan beli tanah daripada bumiputera dan kemudiannya membangunkan harta komersial untuk memastikan rakyat ini menyertai dan meningkatkan ekuiti. Akan tetapi ketika itu rakyat tidak ada kemahiran dan tidak bersedia dan tidak ada ilmu. Maka hartanah itu dibeli oleh bangsa Cina yang memang sudah ada kemahiran.

Jadi DEB ini tidak dapat dicapai kerana rakyat tidak bersedia antarnya. Jadi dalam konteks kita hari ini, bagaimana persiapan kerajaan untuk rakyat itu sendiri. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kepentingan kaum bumiputera dalam RMKe-12.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat, pertama sekali antara penekanan utama yang diberikan dalam WKB ini adalah penekanan kepada kesaksamaan keberhasilan ataupun *equitability of outcomes*. Apa yang kita ingin capai dalam WKB adalah *outcomes*- hasil, bukannya memberi peluang.

Jadi apabila kita mempunyai satu *outcomes* yang jelas, apa yang hendak dicapai maka kerajaan akan pastikan bahawa segala keperluan yang perlu ada pada rakyat untuk memastikan *outcomes* tersebut tercapai akan dapat dibantu atau diperkasakan.

■1030

Saya berikan contoh. Sepertimana Yang Berhormat sebut tadi, ada kumpulan atau rakyat yang tidak mempunyai kepakaran, tidak mempunyai ilmu tentang hal tersebut. Maka dalam konteks WKB, apabila kita fokus kepada *outcome*, untuk mencapai *outcomes* ini ataupun keberhasilan ini, maka kita perlu pastikan mereka mempunyai ilmu. Jika mereka tidak mempunyai modal tetapi mempunyai kebolehan, kita boleh pastikan bahawa mereka dibantu

dalam konteks modal dan sebagainya. Akan tetapi apa yang penting, mereka yang dibantu ini adalah mereka yang betul-betul layak untuk memastikan mereka dapat mencapai *outcomes* yang kita tetapkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Donald Peter Mojuntin.

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menanyakan soalan bagi pihak Datuk Donald yang tidak berapa sihat pagi ini. Soalan dia soalan nombor 3.

3. Tuan Adrian Banie Lasimbang [Di Bawah P.M. 23(2)] minta Menteri Pendidikan menyatakan, adakah rancangan Kerajaan Persekutuan untuk menggubal pelan atau *blueprint* reformasi pendidikan negara untuk memastikan generasi muda Malaysia lebih kompetitif dalam dan luar negara, tanpa mengira bangsa dan agama.

Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia menyedari dan sentiasa peka atas perkembangan pendidikan semasa agar ia sentiasa berdaya saing di peringkat global. Matlamat kerajaan dan tujuan sistem pendidikan adalah untuk memastikan generasi muda Malaysia dapat berkembang secara holistik, mempunyai nilai-nilai murni, ilmu dan kemahiran yang diperlukan bagi menerajui negara kelak, selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Bagi tujuan tersebut, KPM telah melakukan transformasi dalam pendidikan bermula dari tahun 2013 melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Pelbagai inisiatif dirancang, dilaksanakan dan dipantau keberkesannya bagi memastikan sistem pendidikan negara berada pada tahap terbaik. Antara inisiatif yang dilaksanakan termasuklah transformasi bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET), memperkasakan bahasa Inggeris dan penerapan Pembelajaran Abad Ke-21 dalam bilik darjah.

Manakala Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT) menggariskan 10 lonjakan bagi mencapai aspirasi pelajar dengan pendekatan untuk mengimbangi akhlak dan agama. Lonjakan ini juga menjelaskan kaedah untuk mengukuhkan lagi sistem pendidikan tinggi terutamanya kualiti dan kecekapan institusi pendidikan tinggi serta meningkatkan daya saing para graduan dalam mendepani persekitaran global yang semakin mencabar.

Penekanan juga diberikan dalam menghasilkan graduan yang seimbang dan holistik dengan minda keusahawanan, penjana pekerjaan dan meletakkan program berasaskan pendidikan dan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) setaraf dengan program akademik dan membudayakan pembelajaran sepanjang hayat.

KPM juga akan terus menggalakkan penyertaan industri di peringkat pengajaran, penyelidikan dan pengkomersilan. Pada masa yang sama, mengharmonikan rangkaian kerjasama institusi pendidikan tinggi awam, swasta dan antarabangsa.

Selain itu, bermula tahun 2018, KPM telah menubuhkan Jawatankuasa Kajian Dasar Pendidikan Negara (JKDPN) yang dianggotai oleh pakar-pakar dalam bidang pendidikan, bertujuan untuk mengkaji serta menyemak semula dasar pendidikan sedia ada bagi melahirkan rakyat Malaysia yang bersedia menghadapi cabaran Revolusi Industri 4.0 ataupun IR 4.0.

Pada masa ini, KPM juga sedang meneliti kebolehlaksanaan syor Jawatankuasa Kajian Dasar Pendidikan Negara kerana KPM percaya bahawa sebarang perubahan dan penambahbaikan melibatkan dasar pendidikan perlu diteliti secara terperinci dan tidak dilakukan secara tergesa-gesa bagi memastikan hasrat dan objektif utama dasar tersebut terlaksana dan bermanfaat untuk semua. Sekian, jawapan saya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat Datuk Donald beri soalan tambahan?

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Ada.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi sebelum saya bertanya soalan tambahan, ingin saya alu-alukan dahulu pelawat daripada Yayasan Seniman India Malaysia ke Dewan Negara. Diharapkan agar lawatan ini dapat memberi manfaat kepada tetamu yang hadir pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan yang saya tanya bagi pihak Yang Berhormat Datuk Donald adalah, apakah pelan tindakan pihak kementerian untuk menaik taraf IPG yang sedia ada untuk memastikan ia dapat memenuhi keperluan latihan guru-guru untuk mengadaptasi perubahan ekosistem pendidikan di era digital ini? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat, walaupun keluar sedikit.

Puan Teo Nie Ching: *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima Ahli Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan tersebut. Kita memang ada satu rancangan untuk menaik taraf dan juga memperkukuhkan IPGM di seluruh Malaysia tetapi rancangan itu kita telah hantar kepada Jemaah Menteri, masih tunggu kelulusan daripada Jemaah Menteri. Jadi kita akan buat pengumuman secara rasmi apabila rancangan kita, hala tuju kita itu telah diluluskan oleh Jemaah Menteri, baru kita punya pengumuman. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, boleh minta soalan tambahan?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Timbalan Menteri, terima kasih atas penjelasan tersebut. Cumanya saya hendak tanya benda yang lebih spesifik untuk penjelasan sebab tadi katanya perancangan tersebut dimulakan seawal 2013. Tadi dalam penjelasan dan sekarang sudah 2019. So, hampir itu... [*Membuat isyarat tangan*] Kalau untuk generasi muda ketika itu Tuan Yang di-Pertua, sudah *gap* dekat umur, saya ingat dekat 2013, sekarang 2019, sudah hampir 10 tahun. Mungkin yang muda itu hari sudah tua.

Jadi soalan saya ialah dalam 2013 hingga 2019 tadi, walaupun tadi kata ada jawatankuasa hendak kaji, mungkin Menteri maklumlah kita sama-sama di Dewan Rakyat dulu. Jawapan Menteri mesti kaji jawatankuasa. Cuma hari ini saya hendak tanya, apa contoh spesifik yang berlaku sepanjang 2013 sampai 2019 ini? Ada contoh-contoh spesifik atau tidak yang ke arah reformasi pendidikan ini sebab tadi dikatakan dimulakan seawal 2013? Mohon penjelasan.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat Senator. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia itu adalah satu pelan strategik sebagai satu dokumen yang sangat penting untuk Kementerian Pendidikan Malaysia. Jawatankuasa kajian yang kita tubuhkan pada tahun 2018 adalah untuk tambah baik ataupun untuk item-item yang tidak sebut kerana seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator tadi, pelan itu sebenarnya disediakan sebelum 2013.

Pada masa itu, banyak kajian telah dibuat, ramai anggota yang telah terlibat dalam menyediakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Akan tetapi seperti yang kita sebut tadi, seperti Yang Berhormat sebutkan tadi, selepas 2013 sampailah sekarang banyak perkara sudah berubah. Oleh sebab itu, kita perlulah tambah baik untuk memperkukuhkan sistem pendidikan kita untuk memastikan ia bersesuaian untuk keperluan pada masa depan.

Saya boleh beri beberapa contoh di sini seperti elemen-elemen baharu iaitu IR 4.0. Pada masa mereka sediakan PPPM sebelum tahun 2013, semasa zaman itu tidak ada IR 4.0 lagi. Jadi sekarang kita perlu tambah baik daripada segi IR 4.0. Oleh sebab itu, elemen-elemen seperti robotik, *big data*-analisis, dengan izin, *and also Internet of Things*, dengan izin. Perkara tersebut perlulah dimasukkan dan diterapkan dalam sistem pendidikan kita supaya graduan kita ataupun pelajar-pelajar kita adalah *future-proof*. Ini sebagai contoh.

Salah satu contohnya saya boleh beri di sini adalah seperti kita telah buat pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan di mana kita telah turunkan umur untuk mengundi. Oleh sebab itu, itu adalah satu perkara yang baru. Apabila pelan pembangunan itu disediakan, kita tidak jangka, tidak sangka ini akan berlaku. Oleh sebab itu, ada pindaan baharu ini kita perlu masukkan elemen pilihan raya umum dalam silibus kita supaya kita boleh menyediakan generasi muda ini untuk mengundi apabila mereka mencapai umur 18 tahun.

Jadi ini adalah beberapa contoh yang saya boleh kongsi dengan Dewan Negara tentang elemen-elemen baharu yang kita terapkan dalam sistem pendidikan kita untuk memastikan generasi muda ini adalah *future-proof*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1040

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ananthan suka sangat hendak tanya Timbalan Menteri Pendidikan.

Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram: Soalan tambahan ialah dalam usaha untuk memantapkan sistem pendidikan negara yang lebih berdaya saing ataupun kompetitif, saya ingin mendapatkan pendirian kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan terhadap desakan yang diberikan oleh pihak tertentu untuk mencabar kewujudan sekolah vernakular di negara ini. Mengapa Kementerian Pendidikan Malaysia masih mengambil sikap berdiam diri walaupun isu ini dibangkitkan sekali lagi? Terima kasih.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya di sini ingin menafikan tuduhan Yang Berhormat Senator bahawa KPM berdiam diri sahaja.

Pertama, apabila perkara ini dibawa kepada Mahkamah Persekutuan, kami sudah menyatakan bahawa- saya sendiri sudah menyatakan bahawa sekolah vernakular ini sudah lama wujud dalam negara kita. Semua parti politik di negara kita, saya rasa bersetuju bahawa sekolah vernakular ini adalah aset yang sangat penting dalam negara kita. Kalau tidak, saya rasa pada zaman Barisan Nasional, sekolah vernakular telah dihapuskan. Betul kah tidak?

Jadi, saya berharap kenyataan ini tidak ada seorang dalam Dewan ini yang mewakili semua parti politik di Malaysia ini tidak menyokong kenyataan ini. Jadi bagi saya, itu adalah satu aset yang penting untuk negara kita. Apabila perkara ini dibawa ke Mahkamah Persekutuan, bagi pihak Kementerian Pendidikan, *AG Chamber's* telah hantar *legal council* mereka untuk membela kerajaan, membela KPM dan juga untuk membela sekolah vernakular di Malaysia ini.

Kenapa *AG Chamber's* yang hantar *legal council*, Peguam Negara saya rasa itu tidak perlu saya jelaskan. *Naturally AG Chamber's* yang akan membela semua agensi kerajaan ataupun kementerian. Jadi tidak boleh cakap KPM berdiam diri sahaja. Saya rasa itu adalah satu tuduhan yang bersangka jahat. Terima kasih.

Puan Asmak binti Husin: Boleh, satu ringkas sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah cukuplah Yang Berhormat.

Puan Asmak binti Husin: Saya ada definisi itu, boleh? Satu sahaja, satu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti, silakanlah Yang Berhormat.

Puan Asmak binti Husin: Okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cuma saya hendak *confirmation*. Saya faham sekolah vernakular ini adalah sekolah persendirian Cina. Kalau SKJC dan SJKT adalah bukan vernakular, betul kah tidak betul? Sebab saya faham macam itu.

Puan Teo Nie Ching: Saya rasa fahaman itu tidak betul. Ini kerana sekarang yang dicabar di mahkamah, kalau kita merujuk kepada kes yang disebut tadi sekolah vernakular di sini merujuk kepada SKJC dan SKJT, okey. Ini kerana sekolah persendirian Cina adalah bukan sekolah kerajaan. Jadi sekarang mereka mencabar kegunaan...

Tuan Yang di-Pertua: Sekolah kerajaan?

Puan Teo Nie Ching: Ya sebagai sekolah kerajaan. Okey, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Puan Sopiah binti Sharif.

4. Puan Sopiah binti Sharif minta Perdana Menteri menyatakan, kesalahan-kesalahan pilihan raya yang telah dikesan sepanjang pilihan raya kecil yang telah diadakan semenjak kerajaan baharu ambil alih. Nyatakan juga kesalahan-kesalahan yang berjaya dikesan semasa PRK Tanjung Piai baru-baru ini. Adakah kerajaan akan menutup sebelah mata- *closed one-eye*, terhadap pelanggaran ini atau ada sebarang tindakan telah diambil.

Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Sopiah binti Sharif.

Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat Senator ini ada tiga, walaupun ada satu soalan tetapi ada tiga- macam beranaklah, tiga ya. Yang Berhormat, soalan yang pertama Yang Berhormat bertanyakan tentang berapakah jumlah laporan kesalahan pilihan raya dalam pilihan raya kecil yang diadakan sembilan kali selepas kerajaan baru.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kesalahan pilihan raya telah merekodkan sebanyak 486 laporan kesalahan pilihan raya bagi pelaksanaan sembilan pilihan raya kecil (PRK) selepas Pilihanraya Umum Ke-14 (PRU 14). Daripada jumlah tersebut, sebanyak 34 laporan polis telah dibuat oleh SPR. Justeru laporan polis masih lagi dalam tindakan siasatan oleh pihak polis PDRM. Antara kesalahan pilihan raya yang direkodkan oleh SPR, bilangan yang paling tinggi adalah melibatkan kesalahan bahan kempen pilihan raya, yang statik.

Kedua, kesalahan melibatkan ceramah ataupun taklimat ataupun syarahan dan kesalahan bahan kempen iaitu yang diedarkan tadi yang statik yang diedarkan. Manakala kesalahan pilihan raya yang direkodkan semasa hari mengundi adalah berkaitan dengan pewujudan barung atau pondok panas, aktiviti merayu ataupun meraih undi dan kenderaan dengan logo parti yang memasuki zon larangan iaitu dengan jarak 50 meter.

Yang Berhormat juga bertanya tentang kesalahan pilihan raya semasa PRK Tanjong Piai. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi kesalahan pilihan raya yang berlaku pada PRK Parlimen P.186 Tanjong Piai, SPR telah merekodkan sebanyak 186 kesalahan pilihan raya. Akan tetapi kebanyakan kesalahan-kesalahan ini kesalahan yang hampir sama, yang berulang-ulang. Antara kesalahannya ialah kesalahan bahan kempen statik, ini di bawah seksyen 24B(6), Akta Kesalahan Pilihan Raya.

Seterusnya kesalahan semasa hari mengundi adalah kesalahan berkaitan dengan pewujudan barung ataupun pondok panas sebanyak 31 kesalahan. Ini di bawah seksyen 26(1)(c), Akta Kesalahan Pilihan Raya dan juga kesalahan aktiviti meraih ataupun merayu undi berdekatan dengan pusat mengundi dengan jumlah sebanyak 47 kesalahan. Ini di bawah seksyen 26(1)(c), Akta Kesalahan Pilihan Raya.

Berdasarkan kepada maklumat yang diperolehi daripada PDRM dan SPRM, sebanyak 41 laporan polis dan empat laporan SPRM telah direkodkan berkaitan PRK tersebut yang mana ia masih dalam tindakan siasatan pihak PDRM dan SPRM. Dalam memastikan urusan pemantauan aktiviti kempen pilihan raya semasa PRK dilaksanakan dengan lancar dan berkesan, SPR telah melaksanakan pelbagai tindakan, antaranya:

- (i) memberikan taklimat dan penerangan mengenai *do's and don't* bagi urusan kempen pilihan raya kepada calon atau wakil calon semasa mesyuarat penyelarasan pegawai pengurus dan calon semasa PRK pada hari penamaan calon;
- (ii) SPR juga telah mengeluarkan kenyataan media untuk memberikan peringatan kepada semua pihak yang terlibat dengan aktiviti berkempen semasa pilihan raya;
- (iii) SPR juga telah menyediakan surat pematuhan peraturan kempen pilihan raya semasa tempoh berkempen dan hari mengundi bagi memaklumkan peraturan dan syarat yang perlu dipatuhi oleh setiap calon dan parti yang bertanding dalam pilihan raya;
- (iv) SPR juga telah menyediakan surat pemantauan SPR semasa hari mengundi kepada calon dan para parti yang bertanding bagi memaklumkan kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan semasa pilihan raya;
- (v) SPR juga telah menyediakan surat aku janji calon semasa tempoh berkempen dan hari mengundi untuk ditandatangani oleh calon yang bertanding semasa pilihan raya bagi memastikan setiap calon yang bertanding adalah komited untuk melaksanakan aktiviti kempen pilihan raya mengikut arahan dan peruntukan undang-undang yang ditetapkan;

- (vi) SPR juga telah mempertingkatkan kerjasama pintar, *smart partnership* dengan jabatan, agensi yang berkait rapat dengan kesalahan pilihan raya seperti PDRM dan SPRM serta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia; dan
- (vii) SPR juga telah memaparkan maklumat berkaitan tindakan penguatkuasaan dan statistik laporan PDRM dan SPRM yang dipantau oleh SPR di *Facebook*, *Twitter* dan juga portal SPR.

Mengenai Yang Berhormat mengatakan adakah kerajaan telah menutup mata terhadap pelanggaran pilihan raya ini, untuk makluman Yang Berhormat kami membuka kedua-dua belah mata kami.

Jadi, Yang Berhormat sebenarnya Yang Berhormat tuduhan itu tidak benar. Kami tidak menutup mata, kami memang mengambil kira dan sebenarnya Yang Berhormat kalau Yang Berhormat, kita melihat secara dengan jujur memang telah banyak perubahan yang berlaku selepas kita mengambil alih. Banyak yang kita sudah mudahkan Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat hendak, saya boleh senaraikan tetapi Yang Berhormat tidak tanya, saya tidak jawablah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat soalan tambahan.

Puan Sopiah binti Sharif: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jawapan yang begitu padat sebab apa kita sekarang menghadapi banyak pilihan raya kecil.

■1050

Jadi, saya rasa tidak ada soalan yang saya hendak kemukakan pada hari ini soalan tambahan. Terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Dato' Isa.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita melihat kepada beberapa laporan tentang kesalahan pilihan raya, SPR melaporkan dalam PRU14, seramai 62 calon tidak menyerahkan penyata pilihan raya. Mungkin sebahagiannya pun sudah menjadi Yang Berhormat. Kemudian NGO Bersih melaporkan daripada PRK Cameron Highlands, 23 kes kesalahan pilihan raya. BERNAMA melaporkan PRK Tanjong Piai, 93 kes. Kalau yang dilaporkan oleh SPR tadi ada 186 kes.

Saya melihat bahawa rakyat perlu dididik tentang kematangan politik, tentang demokrasi negara. Saya mencadangkan supaya diwujudkan satu institut politik negara supaya pekerja pilihan raya, calon-calon ataupun parti-parti yang bertanding diwajibkan atau disarankan mengikuti kursus-kursus pendek ataupun jangka panjang kepada mereka ini supaya lebih bertanggungjawab dalam mengurus pilihan raya. Sekian, terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Tentang soalan Yang Berhormat tentang kegagalan sesetengah calon untuk lepas pilihan raya menyerahkan penyata pilihan raya. Yang Berhormat, saya hendak betulkan, pertamanya Yang

Berhormat, semua Ahli Parlimen ataupun Ahli Dewan Rakyat khususnya yang bertanding di pilihan raya yang lepas yang dalam PRU14 ini semuanya telah menyerahkan penyata pilihan raya.

Jadi, tidak timbul mereka adalah orang-orang yang terlibat dengan kesalahan. Tentang Yang Berhormat kata kalau dalam pilihan raya kecil selepas pilihan raya itu mereka gagal menyerahkan penyata pilihan raya, itu akan memberi kesan kepada pilihan raya yang akan datang, PRU15, yang 14 tidak tahu lagi Yang Berhormat, yang 15 nanti. Memang kena serahkan. Cuma saya hendak sarankan kalau sekiranya ada mana-mana calon yang didapati kalau mereka mungkin telah gagal menyerahkan penyata pilihan raya dalam waktu yang ditetapkan dalam undang-undang, mereka boleh mendapatkan perintah mahkamah.

Mereka kena pergi ke mahkamah dapatkan peguam untuk dapatkan lanjutan masa dan sebagainya ataupun berurusan dengan SPR. Secara umumnya, SPR pada masa ini kita akan cuba *facilitate* lah sebab kita pada dasarnya Yang Berhormat, kita tidak mahu hendak halang mana-mana orang yang hendak bertanding dalam pilihan raya. Itu secara umumnya. Tentang Yang Berhormat kata tentang pendidikan itu, saya hendak beritahu Yang Berhormat, sebenarnya SPR juga sekarang mengadakan banyak *engagement*.

Malahan kita telah pergi ke peringkat-peringkat sekolah lagi untuk mendidik, daripada peringkat awal lagi kita sudah didik rakyat supaya tahu pilihan raya sebab daripada awal lagi kita kena hendak pastikan rakyat terlibat dalam demokrasi ini. Sebab itu Yang Berhormat, apa Yang Berhormat cadangkan itu untuk memberikan pendidikan kepada ahli politik saya bersetuju dan saya rasa SPR akan mengambil...

Tuan Yang di-Pertua: Yang fasal institusi.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Institusi.

Tuan Yang di-Pertua: Sebuah institusi.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tentang institusi Yang Berhormat, saya rasa benda ini memang setakat ini tidak ada lagi Yang Berhormat tetapi Yang Berhormat di belakang saya ini ada pegawai-pegawai SPR yang akan mencatatkan. Mereka Yang Berhormat, memang kita amat mengambil berat sekali cadangan-cadangan ini. Sebab itu dekat *engagement* banyak yang kita dapat. Termasuk daripada kita *engage* dengan Orang Asli dan sebagainya, banyak cadangan yang dibuat dan banyak yang kita hendak buat Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Puan Raj Munni binti Sabu: Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Ismail. Dua perempuan, satu lelaki
[Ketawa]

Tuan Ismail bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam semua PRK yang berlaku selepas PRU, saya secara peribadi terlibat sebagai pemerhati dalam reformasi yang dibuat oleh pihak SPR selepas pilihan raya ialah melantik pemerhati-pemerhati untuk memantau PRK yang berjalan.

Akan tetapi di Tanjong Piai, saya dimaklumkan oleh pihak SPR bahawa saya tidak boleh jadi pemerhati kerana satu, gambar saya sebagai Senator ini *diviralkan*. Kemudian dikatakan saya sebagai orang parti tetapi saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Tuan Yang di-Pertua: Di dalam negeri atau di luar negeri.

Tuan Ismail bin Yusop: ...Dan juga SPR [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Ini dalam negeri atau luar negeri Yang Berhormat?

Tuan Ismail bin Yusop: Di PRK Tanjong Piai. Minta maaf sebab saya dilantik sebagai pemerhati itu mewakili NGO. Satu badan NGO yang namanya Akademi Pendidikan Demokrasi dan ramai kawan-kawan yang lain juga termasuklah beberapa NGO yang lain dilantik sebagai pemantau yang saya tahu juga sebagai orang parti termasuk Pengerusi ERC sendiri Tan Sri Rashid adalah orang parti tetapi juga dalam PRK hadir sebagai pemantau.

Jadi, saya hendak penjelasan apakah sebenarnya kelayakan yang boleh seseorang itu menjadi pemantau dalam PRK. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Kriteria pemantau.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih. Yang Berhormat sebelum saya jawab itu Yang Berhormat, saya hendak beritahu Yang Berhormat, apakah pihak-pihak yang dibenarkan oleh SPR untuk memantau. Lebih kurang ada 19 Yang Berhormat agensi. Antaranya SUHAKAM, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa (UIA), BERSIH 2, Persatuan Orang Kota Bharu Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor, Persatuan OKB dipanggil.

Kemudiannya Kelab Pemikir Politik Nasional (KPPN), ENGAGE, OKU Sentral, Dewan Perhimpunan Cina Kuala Lumpur dan Selangor, *Malaysian Corruption Watch*, Jawatankuasa Khas Pembaikan Sistem dan Undang-undang Pilihan Raya Jabatan Perdana Menteri (ERC). Kemudiannya Institut Darul Ehsan, *Institute for Democracy and Electoral Assistance* (IDEA) and *Nature*, TINDAK Malaysia, Pertubuhan Akademi Pendidikan, Demokrasi dan Kewarganegaraan Malaysia (APDK)...

Tuan Ismail bin Yusop: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Ya [*Ketawa*] Benar ini, dibenarkan patutnya dibenarkan tetapi mungkin Yang Berhormat lah. Tidak dibenarkan?

Tuan Yang di-Pertua: Persatuan tidak dibenarkan

Tuan Ismail bin Yusop: Tuan Yang di-Pertua dengan izin.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tidak, Yang Berhormat tidak dibenarkan atau persatuan?

Tuan Ismail bin Yusop: Saya dimaklumkan bahawa saya tidak layak, tidak boleh jadi.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Yang Berhormat lah, Yang Berhormat seorang lah.

Tuan Ismail bin Yusop: Ya, puncanya kerana isu di Sandakan apabila Pengerusi ERC Sabah Yang Berhormat Datuk daripada Beaufort itu, Yang Berhormat Datuk, mengemudi Keadilan Sabah dulu, Yang Berhormat Datuk ..

Seorang Ahli: Datuk Lajim.

Tuan Ismail bin Yusop: Yang Berhormat Datuk Lajim. Yang Berhormat Datuk Lajim Ukin juga tidak dibenarkan pada waktu itu. Jadi isunya ialah orang politik tidak boleh jadi pemerhati tetapi saya hadir daripada semua PRK bukan atas nama parti. Saya atas nama NGO APDK itu jadi itu saya agak hairanlah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih saya habiskan dulu Yang Berhormat. Termasuk juga NGO.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, yang kita tidak hendak tahu yang siapa yang dibenarkan, kriteria.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Yang Berhormat, saya hendak beritahu Yang Berhormat sebenarnya Yang Berhormat dalam kes orang politik macam ini Yang Berhormat memang sebenarnya SPR pun dalam dilema juga sebab kadang-kadang ada aduan, tidak *independent*.

Jadi saya merasakan Yang Berhormat, mungkin Yang Berhormat kena pilih sama ada hendak jadi ahli politik ataupun NGO semata-mata [*Ketawa*] Tidak apa Yang Berhormat [*Ketawa*] Kawan juga ini tetapi Tuan Yang di-Pertua sebenarnya secara umumnya memang kita benarkan semua NGO. Akan tetapi kadang-kadang ada orang politik yang terlibat NGO dan ini dilema daripada SPR, dilema dia.

Jadi kadang-kadang pada masa itu, SPR merasakan mungkin berlakunya laporan dan sebagainya dan tidak dibenarkan tetapi secara umumnya Yang Berhormat kalau NGO semata-mata memang tidak ada masalah.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Puan Hajah Sabani binti Mat: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ini dua-dua saya akan bagi sekejap. Silakan Yang Berhormat Puan Raj Munni.

Puan Raj Munni binti Sabu: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya Jabatan Perdana Menteri, kerajaan telah pun mewujudkan satu Jawatankuasa Khas Penambahbaikan Sistem dan Undang-undang Pilihan Raya yang difahamkan ada 15 tumpuan.

Bilakah 15 laporan interim berkaitan dengan 15 agenda *reform* ini diserahkan kepada kerajaan dan diumumkan kepada kita? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Yang Berhormat, untuk makluman Yang Berhormat, tentang ERC, saya difahamkan Yang Berhormat ada dua peringkat. Satu peringkat interim *report* yang patutnya saya difahamkan akan diberikan pada akhir tahun ini, pada bulan 12 inilah. Satu lagi yang laporan *final* itu Yang Berhormat. Kita ada dua peringkat kita akan sediakan laporan interim dan juga laporan *final*.

■1100

Jadi Yang Berhormat kalau laporan *final* sudah siap nanti saya percayalah, *insya-Allah* kita akan minta kalau boleh dibincangkan di Parlimen kah, termasuk Dewan Negara kah, untuk dibahaskan kah, itu terpulanglah kepada keputusan kerajaan.

Puan Hajah Sabani binti Mat: Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Soalan saya, kita sedia maklum bahawa Dewan Rakyat dan Dewan Negara telah meluluskan hak mengundi 18 tahun secara automatik. Cuma, apakah perkembangan terkini yang dilakukan oleh SPR sebagai persediaan bagi menghadapi keadaan tersebut? Dan berapa jangka masa yang diperlukan oleh SPR untuk melaksanakannya dengan sepenuhnya?

Kedua, Yang Berhormat Menteri, saya minta apa sahaja arahan ataupun peraturan yang hendak dikeluarkan oleh SPR biarlah melihat dahulu kemampuan agensi yang hendak melaksanakannya. Umpamanya, apa yang berlaku semasa Pilihanraya Kecil Tanjung Piai baru-baru ini di mana dikatakan SPR ada mengeluarkan arahan supaya semua jentera parti perlu bermohon permit. Akan tetapi, apabila pihak-pihak tertentu cuba hendak bermohon kepada pihak polis iaitu permit dengan polis lah. Jadi, pihak polis tidak mampu. Ini secara tidak langsung akan menjejaskan kewibawaan kerajaan yang ada sekarang. Sekian, terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey, Yang Berhormat saya hendak betulkan yang pertama soalan tentang permit itu ya. Yang Berhormat sebenarnya bukan minta permit daripada polis. Itu masa Akta Polis yang dahulu seksyen 27. Tidak pakai lagi sudah. Seksyen 27 sudah dipadamkan pun.

Apa yang berlaku Yang Berhormat di bawah undang-undang-undang ini ada seksyen 24 (B) berkaitan dengan Permohonan Semasa Pilihan Raya Berkempen oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR). Jadi Yang Berhormat kena bezakan ya. Bila minta dengan polis, polis tidak bagilah sebab dia tidak ada kuasa pun hendak bagi- *in the first place*. Itu yang pertama.

Jadi Yang Berhormat, saya harap tentang Yang Berhormat kata untuk baru ini memang ada isu apabila berlakunya kempen rumah ke rumah dikatakan kenapa hendak perlukan permit. Sebenarnya Yang Berhormat apa yang berlaku ialah sebelum ini kempen rumah ke

rumah ini betul-betul buat di rumah-rumah, tidak ada ceramah. Akan tetapi, apa yang berlaku dalam pilihan raya khususnya masa Pilihan Raya di Cameron Highland. Apabila buat kempen *walkabout* ini di pasar-pasar malam atau pasar pagi ya didapati ada sesetengah parti politik turut menggunakan *microphone* dan sebagainya untuk berceramah.

Akan tetapi bila satu parti sudah bermula, parti lain akan mulakan juga. Jadi, itu menyebabkan polis merasakan bila berlakunya ceramah berdekatan ini akan menyebabkan berlakunya faktor takut berlaku pergaduhan dan sebagainya. Oleh sebab itulah dekat situlah idea kenapanya dikata perlukan permit. Akan tetapi, sebenarnya Yang Berhormat untuk *walkabout*, semua permit diberikan. SPR bagi semua. Akan tetapi oleh sebab jadi isu benda ini sebab dulu-dulu Yang Berhormat, kerajaan dahulu kalau kena dapat kompelin, mereka marah.

Sekarang kerajaan sekarang baik, sebab itu yang orang kompelin itu [*Ketawa*] Kita dengar. *We are listening*. Jadi, Yang Berhormat saya rasa itulah sebenarnya yang berlaku Yang Berhormat bukan kerana SPR dia ini pilih bulu dan sebagainya sebab itu yang berlaku ya. Saya rasa itu jawapan saya. Terima kasih.

Puan Hajah Sabani binti Mat: Tuan Yang di-Pertua, ada satu lagi soalan yang soalan itu berkenaan berapa tempoh sebab dahulu SPR...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Umur 18 tahun? Okey, okey saya ingat, ingat.

Tuan Yang di-Pertua: Pelaksanaan 18 tahun ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey, Yang Berhormat sebenarnya bila lulus Perlembagaan itu 18 tahun itu dia termasuk juga rang undang-undang yang berkaitan lain juga terpaksa di pinda kan juga. Banyak, banyak dia bukan kata ada kuasa *consequential* ada benda yang kita kena ambil kira, SPR sekarang bekerja keras Yang Berhormat.

Kita punya *target* Yang Berhormat, seboleh-boleh pilihan raya akan datang yang ke-15 itu 18 tahun sudah dapat dilaksanakan. Itu *target* kitalah. Akan tetapi, kalau sekiranya Yang Berhormat doa banyak-banyak mungkin Pilihan Raya Sarawak pun mungkin kalau dapat laksanakan *insya-Allah* akan dilaksanakan. Itu kita punya hasratlah ya.

5. Datuk Paul Igai minta Menteri Kesihatan menyatakan, apakah syarat-syarat bagi permohonan subsidi pesakit buah pinggang yang kurang berkemampuan menjalani rawatan hemodialisis di pusat hemodialisis badan bukan kerajaan yang berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia. Setakat tahun 2017 hingga sekarang, berapa ramai yang dapat bantuan seperti itu dan adakah jumlah peratusan, meningkat. Adakah pusat hemodialisis di seluruh negara mencukupi.

Datuk Paul Igai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *I think* soalan saya yang tadi di sini saya fikir sudah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri semalam. Akan tetapi, izinkan saya Tuan Yang di-Pertua memberi- kerana semalam saya tidak sempat tanya *supplementary question*.

Saya ada dua soalan sebelum saya punya soalan. Soalan saya hari ini nombor 5.

Saya terus ya tanya yang soalan tambahan, boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ini ada saya pun pelik sedikit kerana soalan asal ini Yang Berhormat cakap sudah jawab so terus sahaja tanya soalan.

Datuk Paul Igai: Okey, soalan tambahan ya.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah buang masa lah.

Datuk Paul Igai: Terima kasih. Adakah kementerian bercadang menambahkan *machine* hemodialisis di Hospital Bahagian Kapit, satu.

Kedua, mungkin jawab bertulis- *which* saya minta senarai, apa yang ditambah macam mesin, para spesialis dan doktor-doktor perkhidmatan di Hospital Kapit dan di klinik-klinik di Bahagian? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Okey terima kasih. Soalan spesifik Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dr. Lee Boon Chye]: Soalan spesifik saya jawab secara bertulis. Cuma di sini boleh saya ulang kan sedikit sebanyak jawapan lengkap yang ditanya walaupun semalam ada terangkan sedikit tetapi ada maklumat yang saya tidak terangkan bukan maklumat baharu.

Tuan Yang di-Pertua: Secara ringkas Yang Berhormat Menteri.

Dr. Lee Boon Chye: Maklumat tambahan sebab soalan tersebut itu sebenarnya ada tiga bahagian dari segi hemodialisis yang pertama berkenaan dengan subsidi dan syarat yang itu saya telah jawab semalam.

Kedua, jumlah pesakit yang menerima. Saya hendak ulang kan sedikitlah cuma untuk pada tahun 2017 seramai 2,415 pesakit yang menerima, pada tahun 2018 seramai 2,457 pesakit yang menerima subsidi dan pada tahun 2019 seramai 3,315 pesakit yang menerima subsidi tersebut.

Soalan ketiga, adakah pusat hemodialisis di seluruh negara mencukupi? Untuk makluman Dewan ini, di seluruh negara ada lebih seramai 42 ribu pesakit yang menjalani hemodialisis dan antaranya seramai 11,588 pesakit menjalani dialisis di kemudahan Kementerian Kesihatan dan antara seramai 11,588 ini, seramai 8,900 adalah hemodialisis, seramai 2,688 adalah *Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis* (CAPD) dan masih ada seramai 2,958 pesakit dalam *waiting list*.

Jadi, memang dari segi kemudahan tidak mencukupi kita merancang untuk menambah sekiranya sumber ada dan kakitangan ada. Akan tetapi, kita juga galakkan supaya kalau bolehlah pesakit itu cuba alih kepada *peritoneal dialysis* yang tidak perlu *machine* ataupun menggalakkan mereka membuat *kidney transplantation*. Ini jawapan saya. Sekian.

6. Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, belia yang berumur 18 tahun adalah layak untuk mengundi dan sebahagian daripada pengundi baru kategori belia ini adalah penganggur. Apakah kadar pengangguran terkini bagi golongan belia dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengurangkan kadar pengangguran belia di negara ini.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]: Baik terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat.

Berdasarkan kepada *survey* Tenaga Buruh Jabatan Perangkaan Malaysia tahun 2018 kadar pengangguran di negara kita ialah sebanyak 3.2 peratus manakala kadar pengangguran belia iaitu yang berumur di antara 15 hingga 24 tahun ialah sebanyak 10.9 peratus.

Namun begitu untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, walaupun nampak angka itu tinggi kadar pengangguran belia itu tinggi berumur 15 hingga 24 tahun tetapi dia berasaskan dia adalah satu fenomena biasa bagi negara-negara maju dan negara-negara membangun. Ini kerana proses transisi dan ada kalangan mereka itu 15 selain daripada 24 itu yang masih dalam belajar sama ada di sekolah menengah ataupun sampai di peringkat universiti dikirakan mereka itu merupakan penganggur.

Jadi, diambil daripada umur 15 sehingga 24 tahun. Jadi, termasuk juga mereka itu ialah mereka yang masih belajar dan juga mereka yang selepas belajar ataupun tercicir belajar. Jadi, proses peralihan daripada alam belajar kepada alam hendak bekerja, tengah mencari kerja dan sebagainya. Jadi, kalau mengikut rekod yang ada kepada *JobMalaysia* pula iaitu pendaftaran pencari kerja yang aktif mengikut umur yang tidak bekerja tetapi dia daftar dengan *JobMalaysia* untuk hendak cari kerja.

Yakni yang berumur antara 15 sehingga 19 seramai 20,760 orang, yang berumur antara 20 sehingga 24 tahun seramai 94,282 orang ataupun jumlahnya seramai 115,42 orang iaitu berumur di antara 15 sehingga 24 yang tidak bekerja daftar untuk mencari kerja.

■1110

Ada pula orang yang berumur antara 15 hingga 24 tahun tetapi mereka ini dah bekerja. Akan tetapi hendak bertukar *environment* atau pun jenis pekerjaan dan sebagainya. Jadi, mereka ini berjumlah 119,391 orang. Jadi jumlah kedua-dua tadi itu yang berdaftar, yang berumur antara 15 ke 24 tahun itu ialah 234,433 orang. Jadi, ini antara kadar pengangguran belia dan juga pencari kerja yang berdaftar dengan *JobsMalaysia*.

Kalau kita mengikut apa yang dilihat di peringkat *international*, kadar pengangguran belia di negara-negara membangun dan maju seperti negara China 12.4 peratus, India 9.7 peratus, New Zealand 14.4 peratus, Norway 10.1 peratus, Australia 13.5 peratus.

Jadi, kita ini masih lagi setara dan juga lebih rendah daripada negara-negara yang saya sebutkan tadi. Kita juga telah melakukan proses untuk membantu golongan belia ini seperti yang saya sebutkan tadi iaitu melalui program portal *JobsMalaysia*, mereka boleh daftar dan

kemudian kita akan *match*-kan antara kelayakan-kelayakan yang ada kepada mereka dengan jumlah kekosongan pekerjaan yang ada. Kemudian kita membuat program-program karnival pekerjaan dan sebagainya untuk membolehkan mereka diberikan peluang-peluang untuk ditemu duga dan diambil untuk bekerja.

Sehingga hari ini yang terkini, semalam saya sebut sehingga Oktober, ini sampai 30 November iaitu jumlah yang kita telah berjaya menempatkan peluang pekerjaan kepada anak-anak Malaysia termasuk belia tadi ini, semuanya berjumlah 146,203 orang. Semalam saya sebut 137 ribu orang iaitu sehingga 31 Oktober tetapi ini sehingga 30 November, 146,203 orang. *Alhamdulillah*. Terima kasih.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya tidak sepadan antara peluang pekerjaan dan kelayakan pendidikan yang lebih cenderung kepada akademik daripada vokasional. Apakah langkah-langkah yang berkesan diambil untuk mengurangkan pengangguran ini di kalangan belia?

Soalan yang kedua ialah, apakah upah atau gaji yang rendah di bawah kadar pasaran menjadi faktor mengapa belia kita mensia-siakan pekerjaan dan majikan pula lebih suka pekerja asing yang boleh dibayar upah yang lebih murah? *Sorry*.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Baik terima kasih kepada Yang Berhormat. Berkaitan dengan soalan yang pertama tadi, kita cuba membantu mereka iaitu pertama sekali kita mengharap mereka yang berada di bangku sekolah hari ini supaya mereka telah boleh diberikan gambaran pilihan laluan pendidikan selepas daripada SPM itu iaitu bukan sahaja laluan pendidikan akademik tetapi laluan pendidikan kemahiran.

Ini kerana ini merupakan jaminan kebolehpekerjaan yang lebih tinggi. Sejumlah 92 ke 94 peratus mereka yang memilih laluan pendidikan kemahiran TVET ini mendapat peluang-peluang pekerjaan. Sama ada walaupun dia serendah Sijil Kemahiran Menteri Tahap 1 (SKM-1), sekali pun mereka mempunyai peluang yang lebih besar untuk memasuki alam pekerjaan.

Jadi, kita harap tidak hanya murid-murid sekolah ini, anak-anak kita ini hanya diberikan gambaran tentang laluan akademik, tidak boleh masuk universiti, dia tidak tahu hendak buat apa. Jadi masih ada laluan pendidikan TVET yang disediakan oleh kerajaan untuk menjadi pilihan kepada mereka. Keduanya ialah kita mengharap mereka yang telah pun memasuki alam pekerjaan ini, majikan mereka itu akan membuat *reskilling* dan *upskilling* untuk disesuaikan dengan perkembangan semasa IR 4.0 ini supaya mereka terus relevan dalam alam-alam pekerjaan.

Kemudian masalah gaji ini, kita cuba menggariskan kursusnya ada 160 lebih pekerjaan yang berkaitan dengan kemahiran supaya mereka boleh menjadi panduan buku yang dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Manusia, panduan untuk mereka diberikan gaji yang munasabah berasaskan kepada kelayakan kemahiran.

Akan tetapi, adapun pihak majikan kadang-kadang tidak mengguna pakai, dia hanya lebih menggunakan pakai iaitu syarat gaji minimum. Bila sebut gaji minimum RM1100, dia pun bagi RM1100 walaupun kelayakan seseorang itu sama ada kemahiran ataupun akademiknya sepatutnya lebih daripada RM1100. Jadi, kita harap majikan harus melihat berasaskan kepada kelayakan dan juga pengalaman.

Datuk Razali bin Idris: Saya hendak tanya soalan pendek sahaja berkenaan dengan pengangguran belia di kalangan yang berpendidikan tinggi. Jurang perbezaan di antara yang berpendidikan tinggi di kawasan bandar dan juga luar bandar. Jadi soalan saya, berapakah kadar pengangguran belia yang berpendidikan tinggi yang menganggur di bandar berbanding dengan luar bandar? Itu sahaja Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Baik. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Razali. Kalau mengikut laporan yang baru dikeluarkan oleh DOSM baru-baru ini berkaitan dengan statistik siswazah 2018. Siswazah kita sebanyak 4.96 juta orang dan 80.4 peratus ialah mereka yang sudah pun berada dalam alam pekerjaan. Ada yang masih menganggur 3.2 peratus dan yang tidak hendak bekerja dan tidak minat bekerja, siswazah yang tidak hendak bekerja dan tidak minat bekerja. Ini ikut laporan DOSM lah 16.4 peratus. Itu angka yang telah pun dikeluarkan oleh pihak DOSM. Terima kasih. Saya tidak ada lagi angka tersebut sebab perlu dapatkan daripada DOSM, *insya-Allah*. Nanti saya akan bagi secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri, tadi Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas ada minta yang berkenaan dengan ia bermakna bahawa remaja kita ini yang berpelajaran tinggi berbanding dengan pekerja asing. Tadi dia bertanya berbanding dengan peluang pekerjaan, kita ada banyak pekerja asing yang datang berbanding dengan yang remaja dalam negeri. So, ini bermakna seperti mana yang telah diberitahu oleh Menteri tadi bahawa ini tertakluk kepada pendidikan dan remaja di negara kita ini yang tidak dapat bekerja ini berpelajaran tinggi berbanding dengan pekerja asing.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Sebenarnya bagi saya bahawa, kita sangat mengawal kemasukan pekerja asing hanya kepada sektor-sektor tertentu sahaja. Akan tetapi dalam masa yang sama kita lebih mengutamakan majikan- memberikan penekanan kepada majikan dan mensyaratkan kepada majikan mesti rakyat Malaysia terlebih dahulu. Sama ada siswazah ataupun yang bukan siswazah. Kemudian bila tidak dapat untuk menempatkan anak-anak Malaysia ini, baru lah ada pilihan. Akan tetapi bukan kepada semua sektor, hanya pada sektor-sektor tertentu khususnya kebanyakan pekerja asing ini dalam sektor perladangan ataupun dalam sektor pertanian.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan tahniah kepada Menteri kerana berusaha untuk menempatkan belia-belia yang tidak bekerja dan penganggur ini. Cuma soalan saya pendek sahaja Yang Berhormat Menteri. Sasaran kita

untuk tahun hadapan ini, berapa jumlah belia-belia menganggur ini untuk mendapat pekerjaan baharu? Di mana kita tengok sekarang ini, banyak sektor seperti peruncitan dan restoran yang pekerjaannya adalah orang asing dan berapa sasaran kita untuk mengurangkan pekerja-pekerja asing ini dan menempatkan belia-belia rakyat Malaysia yang tidak bekerja ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan yang baik itu.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Sebenarnya untuk...

Tuan Yang di-Pertua: Sasaran untuk tahun hadapan.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Ya. Ya tahu. Berkaitan dengan sektor peruncitan, sebenarnya sudah ramai warga Malaysia memasuki sektor peruncitan dan mereka melalui latihan kemahiran ini melalui sistem SLDN yang dibuat oleh berbagai-bagai syarikat termasuk pasar raya-pasar raya besar, *Tesco* dan sebagainya memberikan latihan yang cukup baik dan pencapaian mereka sangat baik dan ini menunjukkan bahawa kebolehan anak-anak Malaysia untuk memasuki sektor-sektor peruncitan ini. Kita akan mempertingkatkan lagi usaha-usaha kita seperti mana kalau khususnya dalam konteks siswazah ini kerajaan telah pun memperuntukkan hampir RM6 bilion untuk tempoh 5 tahun untuk menyediakan 350 ribu peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia khususnya di kalangan siswazah menganggur.

■1120

Kita memberikan insentif dan akan bermula pada suku kedua kalau tidak silap saya program ini pada suku kedua tahun 2020 iaitu kepada graduan yang menganggur melebihi 12 bulan dan akan diberikan insentif kalau mereka dapat bekerja untuk diberikan elaun sebanyak RM500 sebulan dan kepada majikan sebanyak RM300 sebulan.

Jadi kita ada program-program seperti Perintis Kerja, Wanita Kerja, Graduan Kerja dan sebagainya. Semua ini akan dapat membantu kepada menambahkan peluang-peluang pekerjaan khususnya kepada golongan belia dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada sasaran di bawah kementerian untuk tahun depan, mengurangkan peratus pengangguran.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Saya perlu mendapatkan maklumat yang lebih jelas.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dipersilakan Yang Berhormat Dr. Nuing Jeluing.

Dr. Nuing Jeluing: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum Yang Berhormat Menteri menjawab, izinkan saya memperjelaskan soalan saya sebab saya nampak apa soalan di sini tidak berapa lengkap berkenaan dengan *sentence* nombor satu itu.

Perkara yang saya tanya menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan pemacu perkongsian perjalanan seperti Grab, pemandu sebagai PSV atau *public service vehicle* yang akan menjalani pemeriksaan perubatan yang ditetapkan. Sekian, terima kasih. Soalan saya nombor tujuh.

7. **Dr. Nuing Jeluing** minta Menteri Pengangkutan menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan pemacu perkongsian perjalanan- contoh Grab, adalah merupakan pemandu *public service vehicle* (PSV). Apakah peratusan pemandu yang telah menjalani peperiksaan perubatan yang ditetapkan baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua: Jawapannya sama sahaja?

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Kamarudin Jaffar]: Lebih kurang sama Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing. *Assalamualaikum* dan salam sejahtera. Ada dua bahagian ringkas Yang Berhormat Senator bertanyakan iaitu tentang bagaimana kita mempersiapkan pemandu-pemandu teksi dan *e-hailing* dan keduanya tentang keperluan menjalani dan kelulusan dari segi perubatan.

Jadi, secara ringkasnya Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia ini, untuk makluman Yang Berhormat Senator, seksyen 56, Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*], menyatakan bahawa semua pemandu perkhidmatan awam termasuk kenderaan *e-hailing* perlu mempunyai lesen memandu vokasional atau PSV.

Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) juga memperkenalkan kurikulum baharu iaitu Kursus Asas Profesionalisme Pemandu Perkhidmatan Kenderaan, Perkhidmatan Awam Bagi Industri Teksi dan Perkhidmatan *e-hailing* ataupun PKPA yang telah digunakan secara rasminya bermula 1 April 2019 di semua institut latihan memandu seluruh negara.

Sehingga 16 Disember 2019, sebanyak 140,672 pendaftaran diterima untuk menjalani ujian memandu dan daripada itu, 97,285 orang pemandu telah lulus ujian PSV untuk teksi dan *e-hailing* dengan jayanya dan dikeluarkan lesen memandu vokasional ataupun PSV, teksi *e-hailing* di seluruh negara.

Setiap permohonan untuk menjawab bahagian kedua, lesen memandu vokasional wajib disertakan dengan laporan pemeriksaan perubatan iaitu dinamakan Borang JPJ L8A yang merupakan salah satu dokumen yang wajib untuk pergi kepada ujian memandu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat.

Dr. Nuing Jeluing: Saya ada dua soalan tambahan. Nombor satu, saya sebagai pengamal perubatan ada menerima maklumat lebih daripada pemandu bas atau teksi yang tidak gemar hendak menjalankan permasalahan baru ini. Ini kerana mereka kata ongkos atau kos untuk pemeriksaan baru ini jauh lebih tinggi dari yang dahulu. Untuk saya sebagai pengamal perubatan itu okey, sebab sekarang ia lebih tinggi dari yang dahulu.

Soalan saya, adakah kementerian berhasrat untuk merundingkan baru kos pemeriksaan ini sebab banyak pemandu teksi dan juga pemandu bas tidak gemar ini, pemeriksaan yang baru.

Kedua, apakah langkah yang akan diambil oleh kementerian untuk mempromosikan penggunaan kenderaan EV atau EEV atau *energy efficient vehicle* untuk pengangkutan awam. Berdasarkan perkara ini ada dibangkitkan dalam Dasar Pengangkutan Negara nombor empat dalam buku ini. Terima kasih.

Dato' Kamarudin Jaffar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing. Pertama berkaitan dengan kos yang dikenakan kepada mereka untuk mengambil lesen memandu ini. Kos perubatan dan penentuannya bukan di kawal oleh Kementerian Pengangkutan. Ia lebih berada di bawah Kementerian Kesihatan. Jadi mungkin hal itu kita boleh bincang dengan pihak Kementerian Kesihatan supaya urusan berkaitan dengan penetapan kos yang dikira tinggi itu boleh kita sama-sama beri perhatian.

Bahagian yang kedua memang benar kita mempromosikan secara keseluruhannya penggunaan kenderaan yang efisien dan juga yang tidak mencemarkan udara dan sebagainya. Sebagaimana Yang Berhormat Senator sendiri sebutkan itu ada terkandung dalam dasar kita untuk masa depan pengangkutan kita. Juga dalam ucapan belanjawan Kementerian Kewangan dilaporkan dan diumumkan bahawa peruntukan berjumlah misalnya RM450 juta untuk ditempah 500 biji bas elektrik. Ini adalah antara langkah yang konkrit yang telah dimulakan untuk kita mempromosikan penggunaan *energy efficient vehicle* dengan izin dalam pengangkutan kita khusus dalam perkhidmatan pengangkutan awam.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Senator Datuk Ng Chiang Chin.

Datuk Ng Chiang Chin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, adakah Kementerian Pengangkutan mencadangkan untuk memasang *timer* di setiap persimpangan *traffic light* oleh kerana kebanyakan pemandu ini lampu hijau cepat jalan, lampu kuning mahu tekan, belakang mahu tekan. Oleh kerana itu, adakah Kementerian Pengangkutan hendak pasang *timer* di semua *traffic light*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator, itu saya tidak faham. Depan tekan, belakang apa tekan? [*Ketawa*] Silakan Yang Berhormat Menteri. Kalau Yang Berhormat Menteri faham.

Dato' Kamarudin Jaffar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Senator Datuk Ng Chiang Chin. Sekali lagi saya akan cuba pastikan kalau ia di bawah Kementerian Pengangkutan, kita akan lakukan dan ambil perkiraan cadangan tersebut tetapi kemungkinan besar saya fikir ia bukan di bawah Kementerian

Pengangkutan. Mungkin di bawah Kementerian Kerja Raya atau pun penguasa kerajaan tempatan dan sebagainya. Akan tetapi terima kasih di atas cadangan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan terakhir Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah.

8. Prof Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan, sejauh mana program *Food Bank Malaysia* yang dilaksanakan sejak Ogos 2018 telah membantu dalam mengurangkan pembaziran makanan di dalam negara ini dan berapakah anggaran rakyat Malaysia yang mendapat manfaat daripada program ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Chong Chieng Jen]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Prof Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah bersekali dengan Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin bertarikh 18 Disember 2019 kerana ia menyentuh perkara yang sama iaitu *Food Bank Malaysia*.

■1130

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna terus komited dengan mencari kaedah terbaik bagi meringankan beban kos sara hidup rakyat. Salah satu inisiatif yang telah dilaksanakan adalah Program *Food Bank Malaysia*. Program *Food Bank Malaysia* telah secara rasminya dilancarkan pada 22 Disember 2018.

Antara lain objektif program ini adalah untuk membantu golongan kurang berkemampuan mendapatkan akses bekalan makanan agar dapat meringankan kos sara hidup golongan tersebut, memberikan kesedaran kepada pengguna berkenaan inisiatif *zero waste* bagi mengelakkan pembaziran makanan, mengurangkan pembaziran makanan yang masih boleh diguna semula dan mewujudkan struktur pengurusan lebihan makanan yang lebih tersusun dan terancang.

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Perbadanan Sisa Pepejal Negara (SWCorp), rakyat Malaysia menjana 15 ribu tan lebihan makanan setiap hari dan 3 ribu tan daripada lebihan makanan tersebut masih selamat untuk dimakan. Sekiranya 3 ribu tan makanan tersebut dioptimumkan penggunaan, maka kuantiti ini boleh dimanfaatkan oleh 2 juta orang rakyat Malaysia yang memerlukan.

Sehingga Oktober 2019, seramai 418 ribu ahli isi rumah telah berjaya mendapat manfaat daripada program ini secara tidak langsung ia telah berjaya menyelamatkan sebanyak 1,893 metrik tan lebihan makanan dan dianggarkan sebanyak RM9.47 juta nilai lebihan makanan yang berjaya diselamatkan. Selain itu, sejak 15 Februari 2019, KPNDHEP juga telah melancarkan Program *Food Bank* Siswa bagi membantu menangani kos sara hidup

mahasiswa di universiti. Sehingga November 2019, sebanyak 6,670 mahasiswa telah mendapat manfaat daripada program ini.

Tuan Yang di-Pertua, program ini juga telah mendapat banyak perhatian daripada agensi-agensi kerajaan yang turut melibatkan diri dalam Program *Food Bank Malaysia*. Antaranya ialah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang telah memulakan penyumbangan makanan daripada usahawan Pasar Tani. Projek perintis telah dimulakan di sekitar Lembah Klang sejak bulan Julai 2019 yang lalu.

Selain itu, Program *Food Bank Malaysia* ini juga turut disertai oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melalui bantuan makanan yang disumbangkan kepada Program Perumahan Rakyat contohnya seperti di PPR Desa Tun Razak Cheras, Kuala Lumpur. Penglibatan agensi-agensi kerajaan lain adalah seperti Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri dalam memberikan data eKasih sebagai penerima Program *Food Bank Malaysia*, Kementerian Pelajaran Malaysia dalam penyertaan universiti-universiti awam di bawah Program *Food Bank* Siswa dan juga Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) dalam memberikan maklumat tentang sistem pengurusan sisa pepejal.

Kementerian juga akan terus meningkatkan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan lain yang berkaitan bagi memperluaskan lagi Program *Food Bank* Malaysia. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan, Yang Berhormat Senator Tan Sri?

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, patut kita ucapkan tahniah lah kepada kementerian yang menjalankan program ini. Respons daripada industri baik dan daripada mereka yang memerlukan amat baik.

Soalan saya apakah ada mekanisme garis panduan yang digunakan oleh kementerian untuk memastikan bahawa mereka yang benar-benar memerlukan bantuan ini. Ini kerana saya bimbang jika sekiranya ia disalahgunakan, takut-takut kita menggalakkan- orang ingat kita ingin menjadi lebih malas dan hanya bergantung kepada bantuan-bantuan daripada pihak-pihak tertentu.

Yang keduanya, adakah pihak kementerian menyediakan insentif pelepasan cukai dan sebagainya kepada industri-industri yang telah pun secara *voluntary* melibatkan diri di dalam memberi bantuan makanan kepada orang-orang yang memerlukan? Yang

Yang ketiga, adakah cadangan penggunaan inovasi pembungkusan makanan menggunakan teknologi kantung retort- *retort pack* kerana kita tahu makanan ini merupakan kebanyakan sisa-sisa makanan sekiranya pembungkusan tidak berkualiti tinggi, kita bimbang makanan tersebut akan menjadi lebih mudah rosak, basi, tidak tahan lama dan kurang kualiti.

Dengan bungkus *retort pack* ini yang biasa digunakan oleh tentera Amerika, ia dapat membantu dari segi menjamin kualiti makanan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Secara ringkas Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Chong Chieng Jen: Secara ringkasnya, untuk menjawab soalan pertama seperti mana yang saya sebut tadi, kita mendapat maklumat tentang penerima makanan itu daripada BSH dan juga daripada pentadbiran universiti di mana mereka ada rekod mahasiswa-mahasiswa yang daripada golongan B40.

So, untuk ada pengesahan tentang penerima makanan-makanan yang didermakan supaya juga ia tidak akan disalahgunakan dan disalurkan kepada mereka yang tidak layak untuk menerima.

Number two, adalah mengenai *tax incentive* yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator. Ini tidak ada dalam rancangan untuk memberi *tax incentive*. Akan tetapi apa yang dijalankan sekarang kita telah menubuhkan satu Yayasan *Food Bank*, telah ditubuhkan di bawah Akta Pemegang Amanah. So, ini- ia akan merupakan pertubuhan atau unit untuk menjalankan program ini. Mungkin di masa kelak yayasan ini akan membuat cadangan tentang insentif-insentif yang akan diberikan.

Soalan ketiga adalah teknologi *retort* yang dicadangkan. Sekarang masih dalam *pilot project* di The Light Hotel, Penang yang telah ada mesin *retort* ini.

So, sebelum kita memperluaskan penggunaan teknologi *retort*, kita perlu berkolaborasi dengan Kementerian Kesihatan supaya mendapat pengesahan tentang teknologi ini yang digunakan memang adalah perlu disahkan oleh Kementerian Kesihatan di bawah *Food Act*. So, sebelum itu kita tidak ada secara rasminya untuk *endorse* teknologi ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan selesai.

[Masa Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN 2019****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****11.29 pg.**

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Setem 1949, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Cukai Jualan 2018, Akta Kewangan 2010 dan Akta Kewangan 2018 dibacakan kali yang kedua sekarang.

■1140

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Ya. Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kewangan 2019 yang dicadangkan adalah bagi membolehkan pelaksanaan langkah cukai yang diumumkan dalam Belanjawan 2020 pada 11 Oktober 2019 yang kemudiannya telah kita luluskan di dalam Dewan yang mulia ini pada jam 10.10 malam semalam, di samping melaksanakan keputusan kerajaan berkenaan penambahbaikan pentadbiran cukai yang memerlukan pindaan akta-akta yang berkaitan.

Saya mohon untuk menghuraikan setiap fasal di dalam rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini mempunyai 40 fasal yang dibahagikan kepada lapan bab seperti berikut:

Bab I, Permulaan. Dalam bab Permulaan terdapat dua fasal seperti berikut.

Fasal 1 menyatakan tajuk ringkas akta ini iaitu dikenali sebagai Akta Kewangan 2019.

Fasal 2 menerangkan tujuan rang undang-undang ini iaitu untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Setem 1949, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Cukai Jualan 2018, Akta Kewangan 2010 dan Akta Kewangan 2018. Bab II yang terdiri daripada dua bahagian dan 19 fasal iaitu fasal 3 hingga 21 adalah bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 seperti berikut.

Fasal 3 bertujuan menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat seperti berikut.

Fasal 5(a) berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2020 sehingga tahun taksiran 2025.

Fasal 6 berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Fasal 4, 7, 8, 9, 14, 20 dan 21 dan fasal 19(a) berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2020 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Fasal 5(b), 16(a) dan 19(b) dan fasal 10, 11, 13, 15, 17 dan 18 mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2020 dan fasal 12 dan 16(b) mula berkuat kuasa apabila berkuat kuasanya akta ini.

Fasal 4 bertujuan untuk memperjelaskan bahawa Perenggan 2(a) Jadual Pertama dan Perenggan 19(a) Jadual Ketiga tidak terpakai kepada amanah perniagaan dan syarikat yang ditubuhkan bagi penerbitan sekuriti berdasarkan aset dalam suatu transaksi pensekuritian yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti.

Fasal 5 bertujuan untuk melanjutkan tempoh insentif kadar cukai 10 peratus ke atas pendapatan yang diterima pemegang unit *Real Estate Investment Trust* ataupun REITs, amanah pelaburan harta tanah untuk tempoh enam tahun lagi mulai tahun taksiran 2020 hingga 2025. Fasal ini turut meminda perenggan 6(1)(i) bagi meluaskan skop ketidakpakaian pengenaan cukai lapan peratus ke atas pengeluaran awal skim persaraan swasta yang dibuat sebelum berumur 55 tahun kepada pengeluaran bagi tujuan kesihatan dan perumahan.

Fasal 6 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi rebat cukai ke atas levi pelepasan yang dibayar di bawah Akta Levi Pelepasan 2019 iaitu Akta 813 oleh individu yang meninggalkan Malaysia melalui udara untuk menunaikan umrah atau ziarah agama yang lain.

Fasal 7 bertujuan untuk meminda subseksyen 34(6) seperti berikut.

Fasal 7(a) bertujuan meluaskan skop potongan cukai bagi projek komuniti untuk merangkumi projek penyelenggaraan bangunan yang telah ditetapkan sebagai tapak warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri teruskan.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Terima kasih. Fasal 7(b) bertujuan menaikkan amaun maksimum potongan cukai bagi tajaan aktiviti kesenian, kebudayaan atau warisan daripada RM700 ribu kepada RM1 juta.

Fasal 8 bertujuan untuk meminda seksyen 44 seperti berikut:

- (a) untuk menaikkan amaun maksimum potongan cukai daripada tujuh peratus kepada 10 peratus daripada pendapatan agregat bagi individu selain syarikat ke atas sumbangan wang kepada institusi, organisasi atau tabung atau aktiviti sukan yang diluluskan atau projek berkepentingan negara;
- (b) untuk membenarkan pihak berkuasa agama, badan yang ditubuhkan pihak berkuasa agama atau universiti awam yang terkilan dengan keputusan Ketua Pengarah berhubung permohonan di bawah subseksyen 44(11D) Akta 53 untuk merayu kepada Menteri; dan

- (c) membenarkan potongan bagi pemberian wang dalam bentuk wakaf atau *endowment* yang dibuat kepada mana-mana pihak berkuasa agama, badan yang ditubuhkan pihak berkuasa agama atau universiti awam yang diluluskan oleh Ketua Pengarah.

Fasal 9 bertujuan untuk meminda seksyen 46 seperti berikut:

- (a) meluaskan potongan perbelanjaan penyakit serius kepada perbelanjaan perubatan, rawatan kesuburan yang dibelanjakan oleh individu untuk dirinya sendiri atau pasangannya. Potongan ini adalah terhad kepada amaun maksimum RM6,000 bagi kedua-dua rawatan penyakit serius dan kesuburan; dan
- (b) menaikkan amaun potongan individu daripada RM1,000 kepada RM2,000 bagi perbelanjaan, pembayaran, penjagaan anak yang berumur enam tahun ke bawah kepada taman asuhan kanak-kanak yang berdaftar di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 atau tadika yang berdaftar di bawah Akta Pendidikan 1996.

Fasal 11 bertujuan untuk memperuntukkan kenaikan ke atas cukai atau cukai tambahan di dalam borang penyata terpinda pada kadar 10 peratus daripada amaun cukai atau cukai tambahan itu dan kenaikan cukai tambahan pada kadar lima peratus selepas 60 hari tidak lagi dikenakan.

Fasal 12 bertujuan untuk memberikan kuasa kepada Ketua Pengarah untuk membangkitkan taksiran pada bila-bila masa susulan daripada kes yang diselesaikan melalui prosedur perjanjian bersama di bawah perjanjian pengekalan pencukaaian dua kali.

Fasal 14 bertujuan untuk menghadkan tempoh mengemukakan permohonan lanjutan masa merayu kepada tujuh tahun selepas berakhirnya tempoh untuk membuat rayuan.

Fasal 15 bertujuan memperuntukkan kenaikan pada kadar tunggal 10 peratus ke atas cukai yang lewat atau gagal dibayar. Kenaikan cukai tambahan lima peratus tidak lagi dikenakan.

Fasal 16 bertujuan memperuntukkan bahawa individu boleh dihalang daripada meninggalkan Malaysia sekiranya dia gagal membayar kenaikan cukai 10 peratus daripada anggaran cukai.

Fasal 18 bertujuan meluaskan skop pengeluaran daripada skim persaraan swasta yang tidak tertakluk kepada cukai pegangan pada kadar lapan peratus untuk meliputi alasan penjagaan kesihatan atau perumahan yang mematuhi kriteria dalam garis panduan Suruhanjaya Sekuriti.

Fasal 19 bertujuan untuk meminda Jadual I seperti berikut:

- (a) memperuntukkan kadar cukai baharu sebanyak 30 peratus bagi

pendapatan bercukai individu bermastautin melebihi RM2 juta bagi suatu tahun taksiran;

- (b) memperuntukkan kadar cukai baharu sebanyak 30 peratus ke atas pendapatan bercukai individu bukan bermastautin;
- (c) memperuntukkan kriteria pendapatan kasar daripada semua sumber perniagaan tidak melebihi RM50 juta dalam suatu tempoh asas bagi suatu tahun taksiran sebagai kriteria tambahan untuk tertakluk kepada kadar cukai di bawah Perenggan 2A dan 2D Bahagian I, Jadual 1. Pindaan ini juga bertujuan menaikkan amaun pendapatan bercukai daripada RM500 ribu kepada RM600 ribu bagi syarikat dan perkongsian liabiliti terhad di bawah peruntukan yang sama; dan
- (d) memperuntukkan jumlah pengeluaran keseluruhan skim persaraan swasta oleh individu sebelum mencapai umu 55 tahun selain atas alasan penjagaan kesihatan atau perumahan adalah tertakluk kepada kadar cukai lapan peratus.

Fasal 20 bertujuan untuk meminda Jadual 3 seperti berikut:

- (a) menaikkan nilai aset bernilai kecil yang layak bagi elaun khas daripada RM1,300 kepada RM2,000 dan had maksimum jumlah perbelanjaan aset bernilai kecil yang boleh dituntut dalam satu tahun taksiran dinaikkan daripada RM13 ribu kepada RM20 ribu;

■1150

- (b) memperuntukkan layanan di atas tidak terpakai kepada syarikat yang bermastautin dan diperbadankan di Malaysia yang mempunyai modal berbayar sebanyak RM2,500,000 dan ke bawah pada permulaan satu tempoh asas dan pendapatan kasar tidak melebihi RM50,000,000 daripada semua punca perniagaan dalam suatu tempoh asas bagi suatu tahun taksiran.

Fasal 21 bertujuan memperuntukkan pengecualian cukai ke atas pendapatan pihak berkuasa agama, badan yang ditubuhkan pihak berkuasa agama atau universiti awam yang telah diluluskan di bawah subseksyen 44(11D) berhubung wakaf- *endowment* yang diterima termasuklah pendapatan yang terbit daripadanya.

Bab ketiga yang terdiri daripada lima fasal iaitu fasal 22 hingga fasal 26 bertujuan untuk meminda Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 seperti berikut:

- (i) fasal 22 bertujuan menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas akta tersebut;
- (ii) fasal 23 dan 26 mula berkuat kuasa apabila berkuat kuasanya akta ini; dan

- (iii) fasal 24 dan 25 disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 12 Oktober 2019.

Fasal 23 bertujuan meluaskan skop pegangan dan remitan wang oleh pemeroleh bagi pelupusan yang dibuat oleh syarikat yang tidak diperbadankan di Malaysia di mana pemeroleh hendaklah memegang kesemua balasan wang atau tujuh peratus daripada jumlah nilai balasan yang mana terendah.

Fasal 24 dan 25 bertujuan memperuntukkan nilai pasaran pada 1 Januari 2013 akan diambil sebagai harga pemerolehan bagi aset yang boleh dikenakan cukai yang diperoleh sebelum 1 Januari 2013. Layanan ini tidak terpakai bagi pelupusan saham dan saham dalam syarikat harta tanah di bawah perenggan 34 dan 34A Jadual 2.

Fasal 26 bertujuan untuk meminda Jadual 5 seperti berikut:

- (i) subfasal 26A bertujuan memperuntukkan pemakaian kadar cukai di bawah bahagian 2 hanya kepada syarikat yang diperbadankan di Malaysia atau pemegang amanah bagi suatu amanah; dan
- (ii) subfasal 26B bertujuan memperuntukkan kadar cukai di bawah bahagian 3 terpakai bagi pelupusan yang dilakukan oleh syarikat yang tidak diperbadankan di Malaysia.

Bab keempat yang terdiri daripada dua fasal iaitu fasal 27 dan 28 bertujuan untuk meminda Akta Setem 1949 seperti berikut.

- (i) fasal 27 bertujuan menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas akta tersebut;
- (ii) fasal 28 mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2020.

Fasal 28 bertujuan untuk menaikkan amaun maksimum duti setem yang kena dibayar ke atas pinjaman dalam mata wang asing daripada RM500 kepada RM2,000.

Bab kelima yang terdiri daripada enam fasal iaitu fasal 29 hingga 34 bertujuan untuk meminda Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 seperti berikut:

- (i) fasal 29 bertujuan menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas akta tersebut;
- (ii) fasal 30 mula berkuat kuasa apabila berkuat kuasanya akta ini;
- (iii) fasal 31 berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2020 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya; dan
- (iv) fasal 32, 33 dan 34 disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 28 Disember 2018.

Fasal 30 bertujuan untuk memberikan kuasa kepada Ketua Pengarah untuk membangkitkan taksiran pada bila-bila masa susulan. Susulan daripada kes yang diselesaikan melalui prosedur perjanjian bersama di bawah Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali berbangkit daripada pindaan di fasal 12.

Fasal 31 bertujuan untuk mengehendkan tempoh mengemukakan permohonan lanjutan masa merayu kepada tujuh tahun selepas berakhirnya tempoh untuk membuat rayuan.

Fasal 32 bertujuan untuk memasukkan konvensyen multilateral dan untuk pelaksanaan langkah-langkah berkaitan triti cukai untuk mencegah penghakisan asas dan pemindahan keuntungan atau apa-apa perkiraan lain yang mengubah suai apa-apa perkiraan semasa antara Kerajaan Malaysia dengan kerajaan mana-mana wilayah di luar Malaysia.

Fasal 33 bertujuan memperuntukkan satu kaedah baru bagi apa-apa perkiraan dua hala atau pelbagai hala yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia untuk menguatkuasakan obligasi antarabangsa Malaysia berhubung dengan percukaian di bawah akta atau apa-apa undang-undang bertulis yang lain.

Fasal 34 bertujuan memberikan kuasa kepada Menteri untuk membuat kaedah-kaedah bagi maksud untuk melaksanakan dan memudahkan penguatkuasaan suatu perkiraan di bawah seksyen baru 65AA.

Bab keenam yang terdiri daripada dua fasal iaitu fasal 35 dan 36 bertujuan untuk meminda Akta Cukai Jualan 2018 seperti berikut:

- (i) fasal 35 bertujuan untuk menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas akta ini iaitu pada suatu tarikh yang akan ditetapkan melalui pemberitahuan dalam warta; dan
- (ii) fasal 36 bertujuan untuk memperkenalkan skim pengeksport utama diluluskan- *approve major exporters scheme* (AMES), dengan izin. Melalui skim ini, pedagang ataupun *trader* dan pengilang barang siap yang tidak bercukai- *exempted goods* diberikan pengecualian dari membayar cukai jualan ke atas pengimportan dan pembelian barang yang akan dieksport semula atau pengimportan dan pembelian bahan mentah, komponen dan bahan pembungkusan yang akan digunakan untuk mengilang barang tidak bercukai dan dieksport ke luar negara. Seterusnya, pindaan ini juga menetapkan *trader* atau pengilang perlu membayar cukai jualan berdasarkan formula dan syarat yang ditetapkan sekiranya barang yang dibeli atau barang siap tidak bercukai tersebut tidak dieksport.

Bab ketujuh yang terdiri daripada dua fasal iaitu fasal 37 dan 38 bertujuan untuk meminda Akta Kewangan 2010 seperti berikut:

- (i) fasal 37 bertujuan untuk menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas akta ini; dan
- (ii) fasal 38 mula berkuat kuasa apabila berkuat kuasanya akta ini. Fasal 38A dan C bertujuan untuk menggantikan seksyen 6, dan 35 teks Bahasa Kebangsaan akta tersebut masing-masing supaya selaras dengan teks

bahasa Inggeris manakala fasal 38B bertujuan untuk menggantikan seksyen 10 teks bahasa Inggeris akta tersebut supaya selaras dengan teks Bahasa Kebangsaan.

Bab kelapan yang terdiri daripada dua fasal iaitu fasal 39 dan 40 bertujuan untuk meminda Akta Kewangan 2018 seperti berikut:

- (i) fasal 39 bertujuan menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas akta tersebut; dan
- (ii) fasal 40 disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2019. Fasal 40 bertujuan menjelaskan bahawa tarikh permulaan kuat kuasa bagi pemansuhan pemilihan untuk dikenakan cukai sebanyak RM20 ribu di bawah Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 adalah bagi tahun taksiran 2020 dan tahun-tahun taksiran yang berikut.

Tuan Yang di-Pertua, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Pertahanan [Tuan Liew Chin Tong]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Setem 1949, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Cukai Jualan 2018, Akta Kewangan 2010 dan Akta Kewangan 2018 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Sila, bermula dengan Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili, dipersilakan.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Tuan Yang di-Pertua, saya tak bagi nama tetapi saya ingin berbahas juga. Sini, sini.

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh, boleh.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Terima kasih.

11.59 pg.

Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas keizinan kepada saya membahaskan Rang Undang-undang Kewangan 33/2019.

■1200

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan 2020 kerajaan telah mengumumkan amaun potongan pelepasan cukai individu bagi membayar kos penjagaan kanak-kanak yang berumur enam tahun ke bawah dinaikkan dari RM1,000 kepada RM2,000 bagi setiap tahun taksiran cukai pendapatan individu.

Saya ingin membangkitkan keluhan dan juga rintihan ibu bapa terutama golongan muda M40 yang mana mereka ini terperangkap dalam masalah *income trap* bagi banjaran pendapatan M40. Mereka benar-benar tertekan kerana kos penjagaan untuk kanak-kanak bawah enam tahun semakin hari semakin meningkat ekoran kerajaan menetapkan gaji minimum bagi petugas-petugas di taska. Justeru, saya ingin mendapatkan kepastian:

- (a) apakah amaun pemotongan bagi penjagaan ini hanya di khusus untuk kanak-kanak di bawah enam tahun sahaja tetapi bagaimana layanan lebih adil kerajaan terhadap ibu bapa yang bekerja terpaksa menanggung juga kos bagi penjagaan transit antara jam 1 tengah hari hingga 6 petang bagi kanak-kanak di bawah umur 12 tahun. Saya berpandangan bebanan kewangan ini perlu juga diambil kira kerana perbelanjaan ini merupakan perbelanjaan hangus isi rumah dan secara tidak langsung bayaran fi penjagaan kanak-kanak ini menjana pendapatan penduduk setempat sebagai penjaga taska;
- (b) sejauh mana kah kutipan *personal income tax* terkesan jika sekiranya RM2,000 amaun yang diberikan pelepasan ini diberikan mengikut bilangan anak-anak yang menduduki pusat jagaan taska agar pakej dan insentif pemotongan cukai ini lebih cakna akan kenaikan kos sara hidup isi rumah; dan
- (c) sejauh manakah kerajaan dapat menimbangkan agar kajian bebanan kos penjagaan anak ini dibuat seiring dengan caj-caj penjagaan kanak-kanak di bandar-bandar utama kerana kos sewaan premis taska dan gaji sara hidup penjaga taska menyebabkan kadar harga jagaan kanak-kanak ini dikenakan sebanyak RM350 hingga RM500 sebulan. Ini menunjukkan perbelanjaan bagi menyara anak-anak berumur 12 tahun ke bawah berjumlah sekitar RM6,000 setahun bagi setiap kanak-kanak.

Oleh itu, saya menyeru agar kerajaan menjalankan perangkaan yang lebih praktikal agar tetapan amaun yang boleh dipotong dalam cukai taksiran ini sebagai cerminan kerajaan kita, cakna akan kesusahan rakyat. Kehidupan rakyat tak kira golongan M40 atau B40 diberikan perhatian yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh juga tentang fasal 5 iaitu tujuan pindaan ini adalah untuk membuat pindaan ke atas seksyen 6, Akta 53 bagi memanjangkan pemakaian kadar 10 peratus cukai pendapatan ke atas semua pendapatan agihan dari pelaburan skim amanah pada pemegang individu selama tempoh enam tahun bermula 2020 hingga 2025 dan kerajaan akan mencukaikan ke atas semua amaun yang dikeluarkan dari pelaburan Skim Pelaburan Persaraan Swasta oleh individu yang tidak mencapai umur 55 tahun.

Soalan saya kepada Menteri- pertama, apakah dengan mengenakan kadar cukai sebanyak 10 peratus ke atas agihan pendapatan skim unit amanah ini akan memberi kesan besar kepada pertumbuhan sektor unit amanah tempatan dan dasar kenaan 10 peratus ini akan merencat pertumbuhan pasaran pelaburan unit amanah negara, seterusnya menyebabkan institusi pelaburan unit amanah berada dalam prestasi yang mencabar. Lebih-lebih lagi dalam keadaan cabaran ekonomi kini dan usaha lebih giat kerajaan menjajarkan semula sektor ekonomi setempat.

Kedua, bagi pindaan seksyen 6(1)(l) kerajaan membuat pindaan agar peserta pelabur Skim Pelaburan Persaraan Swasta yang membuat *termination* pelaburan. Skim persaraan ini akan dikenakan cukai ke atas semua amaun yang mereka dapat tanpa menjelaskan sama ada cukai itu dikenakan hanya kepada agihan dividen atau nilai pokok berserta dividen. Perlu diingat, pelabur hanya mendapat layanan pengecualian cukai sebanyak RM3,000 sahaja cukai pendapatan individu tahunan bagi pembiayaan penyertaan Skim Persaraan Swasta ini.

Oleh itu, saya menyokong penuh pengecualian yang diberikan bagi tujuan perubatan dan pembiayaan perumahan.

Cuma soalan saya: pertama, bagaimana taksiran cukai ini dilakukan dengan mengambil kira tetapan amaun pelaburan yang melebihi RM3,000 setahun telah pun dicukaikan dalam pendapatan bercukai tahunan bagi peserta skim pelaburan swasta; kedua, bagaimana menangani bagi kes-kes jika sekiranya sesuatu skim Persaraan Swasta itu ditamatkan oleh institusi dan menjejaskan semua peserta yang belum mencapai umur 55 tahun; dan ketiga, bagaimana opsyen penamatan Skim Pelaburan Swasta ini terpaksa dibuat oleh peserta Skim Persaraan Swasta akibat peserta ini telah hilang upaya mengekalkan perolehan pendapatan tetap kerana perubahan struktur ekonomi Malaysia telah menyebabkan banyak pekerja diberhentikan dan terpaksa menyara kehidupan dengan bekerja secara pendapatan tidak tetap seperti drebar teksi atau drebar Grab atau memilih untuk menjadi peniaga *online*.

Harapan saya agar pegawai-pegawai LHDN mengambil perhatian dan juga Menteri sendiri mengambil perhatian ke atas isu-isu yang telah saya kemukakan. Saya seterusnya menjadikan persoalan ini sebagai satu penyelesaian konstruktif secara jelas bagi penggulangan nanti. Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja perbincangan saya dan saya menyokong undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Zaeidi bin Haji Suhaili. Terima kasih banyak.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair. Silakan.

12.08 tgh.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ada satu isu sahaja iaitu pindaan kepada 6A, Akta Ibu, Akta Cukai Pendapatan iaitu *tax rebate* berikutan dengan kelulusan Akta Levi Pelepasan 2019 untuk mereka yang keluar dari sini melalui udara untuk umrah atau ziarah agama lain.

Memang saya ucapkan terima kasih ke atas kerajaan yang prihatin terkini untuk memberi *tax rebate* untuk tujuan ini. Ini memang satu langkah yang positif oleh kerajaan untuk memupuk perpaduan dalam masyarakat pelbagai kaum di negara kita. Saya rasa untuk umrah memang tiada masalah sebab cuma satu tempat sahaja mereka akan menunaikan umrah. Untuk kaum lain, adakah kerajaan bercadang untuk memberi satu garis panduan atau *schedule of religious places* di mana agama-agama lain selain daripada Islam pergi untuk menziarahi tempat-tempat ibadat.

■1210

For example, misalnya Hindu. Mereka boleh pergi India, Nepal, Tibet, Indonesia pun. So, apa yang akan berlaku ialah katakan saya sebagai orang Hindu hendak pergi ke Indonesia. Memang itu adalah satu tempat *religious site* dikatakan tetapi tidak ada dalam senarai tetapi saya gunakan itu. Apa masalah yang akan dihadapi ialah saya pergi ke pegawai untuk dapat *tax rebate* dan pegawai itu tidak tahu. So, *there must be a guideline* atau pendek kata, adakah kerajaan berhasrat untuk mengeluarkan satu pekeliling garis panduan atau nota amalan dikeluarkan supaya orang awam boleh mengetahui senarai *religious pilgrimage* yang mana akan mengadakan *tax rebate*. Saya percaya jika tiada garis panduan, masalah akan timbul dengan orang awam dan pegawai-pegawai kerajaan.

Lagi satu isu ialah seksyen 6A(2B)(b) dengan izin, "*Shall not be granted in respect of the departure levy paid for the purpose of performing hajj*". Ini saya harap saya boleh dibetulkan jika saya salah. Hendak menunaikan haji adalah wajib untuk orang Islam jika dibandingkan dengan menunaikan umrah. Bukan semua orang Islam yang menunaikan umrah, tetapi menunaikan haji yang diwajibkan mengikut *final Pillar of Islam*. Kenapa tiada rebat untuk haji? Itu satu isu. Cadangan saya ialah bolehkah kita buat- Ini sebab ada dua untuk umrah. Buat satu untuk haji, satu untuk umrah. Inilah cadangan-cadangan kawan-kawan di luar.

Kedua ialah *the misused of provision*. Itu yang saya sudah cerita tadi. Itu sahaja isu saya Yang Berhormat Menteri. Lain-lain memang cukup dan saya sokong pindaan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari.

12.12 tgh.

Dr. Yaakob bin Sapari: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada pihak kerajaan yang membawa satu rang undang-undang yang begitu baik sekali. Cuma saya hendak bahaskan satu perkara. Tahniah kepada Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair yang sensitif isu orang Islam. Saya terkejut, dia bukan Islam tetapi dia bahaskan kenapa orang pergi haji tidak dapat rebet, kenapa umrah dua kali dapat rebet. Inilah "*Rahmatan lil alamin*" agaknya. Jadi, orang bukan Islam pun faham hak orang Islam. Dia bukan pemimpin untuk kaum India, juga pemimpin untuk semua sekali negara ini.

Saya hendak bahaskan soal pertamanya dalam draf, saya banyak kali baca draf ini, dia tidak ada satu standard. Kalau hendak bahasa Melayu, bahasa Melayu semua. Kalau hendak bahasa Inggeris, bahasa Inggeris semua. Contohnya, "Dengan memasukkan selepas seksyen 11C subjek yang berikut, *there shall be...*". Dia campur-campur Yang Berhormat. AG Chambers tidak ada buat kah satu draf, kalau Melayu, Melayu semua. Kalau *English, English* semua. Ini Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff pernah tegur dahulu. Sudah 60 tahun merdeka, tidak boleh buat satu draf undang-undang yang standard. Kalau dalam *English, English* semua. Hendak Melayu, Melayu semua.

Tahniah kepada kerajaan kerana masukkan satu elemen baharu dalam rebat ini ialah wakaf. Sebelum ini, zakat dapat pengecualian untuk cukai. Maknanya, untuk menggalakkan umat Islam membayar zakat. Sesiapa yang membayar zakat dapat pengecualian cukai dan satu zakat telah meningkat. Akan tetapi wakaf ini nampaknya masih agak tertinggal. Dengan adanya rang undang-undang ini, maka diharapkan dapat meningkatkan umat Islam untuk berwakaf. Ini kerana wakaf ini satu tuntutan agama yang jelas.

Kalau kita lihat dalam al-Quran, dalam surah Al-Imran ayat 92, "*Akhirnya kamu tidak akan memperoleh kebajikan sebelum kamu menginfakkan segala harta yang kamu cintai dan apa yang kamu infakkan. Tentang hal itu, sungguh Allah Maha Mengetahui*". Ini satu ayat lain. Kemudian, dalam hadis-hadis juga banyak.

Dalam ayat lain, surah Al-Baqarah kalau tidak silap. Ya, Al-Baqarah ayat 261, ini yang biasa kita dengar. Maksudnya, "*Bandingan pahala orang-orang yang membelanjakan harta mereka pada jalan Allah seumpama sebiji benih yang tumbuh, menerbitkan tujuh tangkai dan tiap-tiap tangkai itu pula terdapat 100 biji dan ingatlah, Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakinya dan Allah Maha luas Kurnianya lagi Maha Mengetahui*". Ini ayat dan hadis-hadis juga begitu. Hadis yang paling popular, bila mati anak Adam, terputus amalannya... [*Berucap dalam bahasa Arab*] Kecuali tiga, sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan dan doa anak yang soleh.

Jadi, ini menggambarkan bahawa satu rang undang-undang yang mengambil roh Islam untuk menggalakkan umat Islam berwakaf supaya institusi wakaf ini dapat diperkukuhkan. Harapan kita setelah ada rang undang-undang ini, wakaf ini dapat

dikembangkan. Cuma, kefahaman wakaf ini harus dijelaskan. Selama ini kita tanya mana tanah wakaf, tunjuk tanah kubur. Mana harta wakaf, tunjuk masjid. Akan tetapi, wakaf itu harus diperluaskan. Oleh itu, kalau lihat di sini, wakaf ke universiti. Kalau kita lihat Universiti Al-Azhar umpamanya, di Mesir, satu universiti yang didanai dengan wang wakaf sampai Kerajaan Mesir meminjam duit wakaf daripada Universiti Al-Azhar.

Jadi mudah-mudahan dengan adanya satu peruntukan ini, universiti-universiti tempatan di Malaysia, alumni-alumni kalau boleh, kita buat sistem wakaf. Bayangkan kalau graduan ITM tiap seorang berwakaf RM10 sebulan untuk UiTM, maka dalam masa lima tahun dari sekarang, UiTM tidak payah dapat peruntukan yang banyak daripada kerajaan, tetapi dihasilkan dengan harta wakaf, juga universiti lain. Oleh sebab itu kita galakkan alumni-alumni universiti berwakaf ke universiti masing-masing agar universiti ini berkembang untuk *research* dan sebagainya. Untuk *library* juga akan di dana oleh wakaf.

Ini satu yang baharu, maknanya wakaf itu tidak hanya untuk agama, di pejabat agama. Maknanya yang lain-lain juga kena diberi peruntukan wakaf. Kalau boleh, dengan ini kita akan memperluaskan lagi konsep wakaf ini supaya umat Islam akan lebih terlibat dengan wakaf. Ini sebab contohnya di negeri Selangor, *alhamdulillah* zakat sekarang sudah mencapai RM700 juta setahun untuk dibahagikan kepada lapan asnaf yang telah kita maklum. Dengan itu, masyarakat-masyarakat Islam di kawasan, di negeri-negeri dapat terjamin. Oleh itu, wakaf ini nampaknya belum berkembang.

Jadi, saya menyokong penuh. Cuma, peruntukannya ialah 10 peratus. *The difference of 10 percent of the income*. Kalau naikkan 15 peratus pun tidak apa, 20 peratus pun tidak apa supaya besar lagi sumbangan wakaf. Jangan takut sebab wakaf ini akan digunakan. Kalau wakaf besar, maka sumbangan kerajaan kepada universiti akan dikurangkan. Saya menyokong penuh usaha ini Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari. Minta pula Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid.

12.18 tgh.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: Maaf bercakap, ada sesiapa hendak bercakap? Boleh ya. Sila.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Alhamdulillah*, saya khusyuk ataupun ralit mendengar bacaan pindaan Rang Undang-undang Kewangan 2019 ini oleh Yang Berhormat Menteri. *Duk* ikut-ikut Tuan Yang

di-Pertua, sampai ke Bab IV. Bab IV mengandungi fasal 27 dan 28. Saya tengok sini, Bab IV fasal 28 dan 29. Saya ikut lagi. Kalau saya silap, betulkan.

Bab VI mengandungi fasal 35 dan 36. Saya tengok di sini fasal 36 dan 37. Yang Berhormat Menteri tidak usah bimbang, kita bukan hendak luluskan skrip yang dibaca oleh Yang Berhormat Menteri tetapi kita hendak luluskan rang undang-undang ini.

Begitu juga Bab VII, mengandungi fasal 37 dan 38. Akan tetapi dalam sini fasal 38 dan 39. Seterusnya Bab VIII, fasal 39 dan 40 kata Yang Berhormat Menteri, tetapi dalam sini fasal 40 dan 41. Itu satu teguran, lain kali jangan terlalu yakin apa yang ditulis oleh kerana dia tidak sama di dalam rang undang-undang ini. Akan tetapi *insya-Allah* kita akan sokong untuk diluluskan rang undang-undang ini.

■1220

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob, saya juga ingin menegurlah dari segi bahasa. Sebelum ini pun Yang Berhormat Senator Yusmadi ada bangkitkan. Ini saya faham oleh kerana kita meminda rang undang-undang yang berbahasa Inggeris tapi kita buat arahan daripada bahasa Melayu, bahasa basahan. Jadi percampuran di sini. Cuma soalan saya bila kita hendak Melayu kan rang undang-undang yang ada nanti. Sama ada undang-undang ibu dia ataupun rang undang-undang yang kita pinda ini.

Saya tidak berhajat untuk membincangkan fasal-fasal yang dibacakan oleh Yang Berhormat Menteri tetapi saya hendak membangkitkan lain-lain perkara berhubung dengan kewangan. Saya melahirkan kebimbangan warga Perbadanan Hal Ehwal VETERAN Angkatan Tentera Malaysia yang dikatakan geran untuk mereka pada tahun hadapan akan dibatalkan oleh Kementerian Kewangan. Jadi, saya hendak bertanyalah alasan-alasan yang munasabah mengapa geran tersebut dibatalkan. Kalau tidak silap saya sebanyak RM26 juta setahun, Yang Berhormat Menteri.

Saya juga ingin bertanyakan berhubung dengan peruntukan. Kalau kita lihat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam P.9, mereka memiliki peruntukan khas bagi mengurus suruhanjaya tersebut dan kita lihat Artikel 137, Majlis Angkatan Tentera sama taraf dengan suruhanjaya sama ada Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman, Suruhanjaya Pasukan Polis, sama taraf. Akan tetapi saya lihat Majlis Angkatan Tentera tiada peruntukan untuk mengurus majlis yang wujud di dalam Artikel 137. Kalau boleh, saya ingin sarankan Kementerian Pertahanan nanti yang akan membuat rayuan atau permohonan untuk mengadakan peruntukan kepada Majlis Angkatan Tentera.

Tuan Yang di-Pertua, surat khabar semalam, saya baca, perkhidmatan awam memohon supaya tiap-tiap lima tahun gaji mereka dilihat semula ataupun disemak. Dalam hal ini saya ingin menyarankan pihak Kementerian Kewangan supaya bertanyakan balik kepada

perkhidmatan awam ini sama ada perkhidmatan mereka meningkat ataupun produktiviti mereka bertambah atau sebaliknya.

Jika tidak, jangan mohon untuk tambah ataupun gaji setiap lima tahun. Apa yang saya lihat benar-benar ada peningkatan ialah Jabatan Imigresen. Kita tidak ada gambar, kita boleh duduk kerusi di kaunter, boleh pusing, pop, dia ambil gambar. Dua jam pasport antarabangsa siap. Itu memang menakjubkan sayalah. Oleh kerana sudah lama tidak pergi pejabat imigresen. Begitu juga dengan urusan-urusan untuk dapat visa, untuk dapat itu, memang semakin cepat dan untuk itu kita ucapkan tahniahlah kepada Kementerian Dalam Negeri khususnya Jabatan Imigresen.

Saya juga ingin bertanyakan berhubung peruntukan RM1.4 bilion yang dipohon oleh *Boustead Naval Shipyard* untuk membina enam buah *littoral combat ships*. Seperti mana kita tahu dan Yang Berhormat Menteri Pertahanan juga telah bangkitkan di Dewan Rakyat, permohonan ini dimohon untuk penambahan *over and above*, melebihi RM9.128 bilion yang telah ditandatangani untuk membuat enam buah kapal *littoral combat ships* dan RM6 bilion telah dibayar. Sedangkan sebuah kapal pun belum diserahkan kepada Tentera Laut Diraja Malaysia.

Untuk itu saya persoalkanlah sebab dan mengapa mereka perlukan tambahan sebegitu banyak RM1.4 bilion sedangkan sebiji kapal pun- sebuah kapal pun belum dibekalkan. Kalaupun kita ingin luluskan, saya cadangkan Kementerian Kewangan bagi syarat, serahkan sebiji kapal dulu dan kita baru boleh bincang yang RM1.4 bilion.

Last but don't least Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat makluman daripada Kementerian Kewangan bagaimana prestasi-prestasi kementerian-kementerian ataupun prestasi kementerian-kementerian pada tahun ini berhubung perbelanjaan tahun 2019. Adakah kementerian-kementerian yang berbelanja melebihi peruntukan ataupun belanja dengan sebaiknya dan adakah kementerian-kementerian yang perlu dikenakan surcay oleh kerana berbelanja sebelum mendapat kelulusan Parlimen. Ini diamalkan oleh kerajaan-kerajaan dahulu.

Tahun 2017 berbelanja, tahun 2018 baru hendak minta kelulusan padahal perbelanjaan telah dilakukan. Baru-baru ini saya lihat kerajaan kita belum melakukan perkara tersebut oleh kerana tahun lepas kita adakan Akta Tambahan Perbekalan 2019 oleh kerana perbelanjaan yang dibuat oleh kerajaan sebelum itu pada 2018. Maka sebab itu saya ucapkan tahniah kepada Kementerian Kewangan kerana berbelanja dengan berhemah, supaya lebih tegas kepada kementerian-kementerian yang berbelanja melebihi peruntukan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran. Empat orang sahaja yang mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang ini dan sekarang saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab. Sila.

12.27 tgh.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada empat orang yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang yang telah kita bentangkan pada pagi ini. Pertamanya yang saya ingin menyentuh apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi iaitu- mungkin *not in order* yang dibangkitkan tadi Yang Berhormat ya tetapi saya harap saya dapat menyentuh dan menyinggung semua yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Apakah layanan sekiranya pencarum hilang upaya dan apakah layanan sekiranya pencarum bekerja sendiri seperti pemandu teksi, *Grab* dan sebagainya yang disebutkan. Jadi skim caruman sukarela ini yang ditadbir oleh *Securities Commission* telah pun mempunyai kemudahan untuk mengeluarkan caruman sebelum umur persaraan bagi pencarum yang hilang upaya. So, dia boleh ya kalau dia hilang upaya dan disahkan, maka dia boleh mengeluarkan caruman tersebut tanpa dikenakan cukai sebanyak lapan peratus seperti yang kita sebutkan itu. Jadi tujuan utama skim ini adalah sebenarnya ialah simpanan untuk hari tua ya.

Jadi PRS ini memang bertujuan untuk menjadi alternatif kepada skim persaraan KWSP. Ia lebih membantu bagi bekerja sendiri kerana KWSP merupakan wajib kepada bekerja makan gaji. So kalau dia *self-employed* menjadi macam kata tadilah *Grab driver*, pemandu teksi dan sebagainya, dia tidak ada majikan, jadi inilah skim yang dia masuk supaya bila sampai waktu dan ketikanya dia sudah hilang upaya untuk bekerja, maka ini akan dapat digunakan sebagai *savings* untuk masa tua dia bila dia sudah hilang upaya untuk mencari ataupun bekerja untuk mencari pendapatan ya.

Kemudian Yang Berhormat Senator juga bangkitkan fasal tentang fasal 5, kadar 10 peratus writ yang dipanjangkan untuk enam tahun lagi. Pada awalnya ini telah kita laksanakan. Sehingga tahun 2020, enam tahun sebelum ini ya- *sorry*. Daripada 2016 sehingga 2019 dan dalam pindaan ini kita mencadangkan supaya ia di-*extend* lagi enam tahun daripada tahun taksiran 2020 hingga tahun taksiran 2025.

Adakah ini akan menjejaskan writ seperti yang ditanya oleh Yang Berhormat. Kadar 10 peratus yang dikenakan kepada individu dilanjutkan untuk enam tahun lagi di mana ia akan memberikan jaminan kepada pelabur bahawa kerajaan tidak akan meningkatkan kadar tersebut untuk tempoh enam tahun lagi. So dia akan kekal ya lagi enam tahun. Dia tidak akan naik lagi daripada 10 peratus itu. Writ sendiri pula dikecualikan cukai sekiranya pengagihan pendapatan writ diagihkan melebihi 90 peratus.

■1230

Jadi itu yang telah kita adakan. Kemudian Yang Berhormat juga mengatakan tadi yang hilang upaya itu ya, kalau dia hendak tamatkan caruman atau membuat pengeluaran sebelum mencapai 55 tahun itu disebabkan oleh sama ada kecacatan yang kekal, penyakit serius, ketidakupayaan mental, kematian sudah tentu atau pencarum meninggalkan Malaysia selama-lamanya. Jadi untuk ini kita kecualikan daripada cukai 8 peratus itu.

Dengan pindaan ini selain daripada sebab pertama hingga kelima itu, pengecualian lapan peratus juga terpakai bagi tujuan pengeluaran disebabkan penjagaan kesihatan, maknanya kita hendak buat *special treatment* dan sebagainya, dan juga perumahan seperti mana yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. So daripada lima di atas itu kita tambah lagi dua yang boleh menyebabkan dia boleh mengeluarkan tanpa dikenakan lapan peratus itu.

Kemudian tentang pelepasan penjagaan anak, di bawah enam tahun, kita naikkan daripada RM1,000 kepada RM2,000 dan juga kos penjagaan kanak-kanak di bawah enam tahun ini Yang Berhormat sebut adakah boleh di-*extend* lagi kepada kanak-kanak bawah 12 tahun. Sebab habis sekolah kemudian letak tempat transit sebelum ibu bapanya balik daripada pejabat dan sebagainya. Jadi sebenarnya itulah yang di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Semalam saya ingat ada jawapan daripada ini yang mana kerajaan telah memberikan peruntukan *double up* daripada yang sebelum ini untuk memastikan bahawa di jabatan-jabatan kerajaan dan kementerian kita adakan pusat penjagaan ini bagi membantu.

Itu yang mereka di dalam servislah, di dalam perkhidmatan. Jadi untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini kerajaan telah memberikan pelepasan kepada anak sebanyak RM2,000 bagi anak yang berumur di bawah 18 tahun. Ini dalam pengiraan cukai pendapatan kita itu diberikan pelepasan RM2,000. So itu ialah mungkin termasuk hendak bagi makan dia dan sebagainya dan ianya kita kirakan maknanya termasuk juga di bawah hak pelepasan RM2,000 untuk *personal income tax* itu.

Justeru pelepasan ini juga dapat membantu meringankan beban kewangan ibu bapa dalam penjagaan anak-anak selain daripada pelepasan yang secara khusus yang kita berikan untuk anak-anak di bawah enam tahun di taska dan tadika itu dengan syarat taska, tadika itu hendaklah berdaftar supaya kita hendak pastikan bahawa taska dan tadika ini juga kita dapat *regulate* dengan sebaik mungkin.

Kemudian saya ingin menyentuh tentang- okey ini sudah, kemudian apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Kesavadas tadi Yang Berhormat. Terima kasih atas kecaknaan Yang Berhormat tentang beberapa perkara termasuklah tentang umrah dan haji dan juga ziarah bagi agama yang lain yang dibenarkan untuk mendapat rebat di dalam levi pelepasan cukai.

Sebenarnya Yang Berhormat bukan sahaja haji itu diwajibkan, umrah juga adalah wajib sekali di dalam seumur hidup. Disebut... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] "*Hendaklah kamu sempurnakan haji dan umrah itu kerana Allah*" ayat Al-Quran. Jadi, maknanya umrah dan haji itu adalah wajib tetapi sekali dia pergi haji, umrah dengan haji itu, ia *two in one* dia buat umrah dan dia buat haji jadi selesai dua-dua sekali. Akan tetapi ada yang belum ada kemampuan untuk menunaikan haji sebab kosnya lebih tinggi. Jadi dia ada sedikit kemampuan dia pergi umrah dahulu. Jadi di dalam levi pelepasan ini memang kita benarkan dua kali untuk dalam seumur hidup untuk umrah dibenarkan mendapat rebat.

Haji ini Yang Berhormat sebenarnya ianya akan diuruskan oleh Lembaga Tabung Haji. Maknanya kos itu akan di *absorbed* oleh Lembaga Tabung Haji sebab itu kita tidak *address* haji ini di dalam rebat yang telah kita- jadi maknanya diberikan cumanya secara *detail*-nya saya tidak pasti sama ada Lembaga Tabung Haji akan berikan kepada mereka yang menunaikan haji lebih daripada sekali. Dia dapat pula *turn* dia untuk pergi walaupun kali pertama pun hendak kena tunggu panjang tetapi mungkin ada rezeki dia pergi kali kedua, apakah itu tabung haji yang akan menentukan.

Bagi ziarah, bagi agama-agama yang lain yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, ianya- penganut agama lain yang ingin mendapatkan rebat cukai pelepasan perlulah mendapat pengesahan daripada badan-badan agama yang lain yang telah diluluskan oleh Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional.

Jadi LHDN akan menyediakan maklumat lanjut dalam nota penerangannya nanti. Kita ada apa yang disebut sebagai *committee for the promotion of inter-religious understanding and harmony among adherence* di bawah Jabatan Perdana Menteri. Jadi *committee* inilah yang akan kita rujuk untuk mereka memberikan garis panduan yang kemudiannya akan dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri. Ini untuk kita dapat kepastian kalau hendak pergi ziarah bagi agama lain, di mana yang boleh? Apakah di Indonesia- kalau Indonesia itu hendak pergi Bandung kah- itu akan ditetapkan oleh Jawatankuasa ini Yang Berhormat. Sila.

Dr. Yaakob bin Sapari: Hendak tanya Yang Berhormat Dato', kenapa di dalam bab haji ini tidak dinyatakan secara jelas supaya sesiapa yang pergi haji untuk kali pertama akan dikecualikan daripada levi. Sebab sebahagian besar akan ikut Tabung Haji dan maknanya Tabung Haji kena bayar bagi pihak jemaah haji. Akan tetapi sebahagiannya lagi akan ikut *travel agents*, maknanya *travel agent* akan bayar atau kena caj tambahan untuk membayar kepada kerajaan. Jadi, masalahnya kenapa tidak dinyatakan secara jelas dalam peruntukan itu.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Terima kasih Yang Berhormat. Setakat yang perbincangan yang telah dibuat dan dipersetujui maknanya untuk haji ini hanya Tabung Haji sahaja kita benarkan ataupun kita tidak sebut ini sebab kos itu adalah di bawah tanggungan Lembaga Tabung Haji. Sebab itu, ianya kita tidak sebut secara spesifik di sini kerana hanya

Lembaga Tabung Haji yang akan menyelesaikan atau memberikan atau membayar *departure* levi bagi jemaah-jemaah haji yang pergi ini.

Jadi, saya ambil maklum apa yang dimaksudkan, yang dimusykilkan oleh Yang Berhormat tadi, bagaimana mereka yang pergi bukan dengan Tabung Haji dapat visa *direct* daripada kedutaan Saudi dan mereka urus sendiri dan sebagainya. Apakah mereka ini layak memohon? Itu akan kita ambil kira nanti tetapi buat masa sekarang ini hanya mereka yang pergi menunaikan haji melalui Tabung Haji, ianya akan diselesaikan oleh pihak Lembaga Tabung Haji.

Kemudian Yang Berhormat Dr. Yaakob bin Sapari sendiri telah membangkitkan beberapa perkara. Kenapa tidak buat rang undang-undang dalam kewangan satu bahasa sahaja sama ada Bahasa Malaysia ataupun bahasa Inggeris. Ini saya ingat Senator Tuan Mohd Yusmadi telah bangkitkan sebelum ini terutamanya tentang saya ingat Akta Kastam ya yang telah wujud sekian lama itu.

Ini kerana peruntukan undang-undang yang dipinda adalah dalam bahasa Inggeris sahaja. Oleh yang demikian rang undang-undang Bahasa Malaysia perlu memasukkan peruntukan undang-undang dalam bahasa Inggeris tersebut supaya tepat dan selaras dengan kehendak undang-undang. Ya, senyuman itu senyuman sinis saya faham dan ini pun selepas daripada sesi yang lepas, kita telah bangkitkan dengan bahagian undang-undang dan saya harap ini juga dapat dilihat oleh bahagian undang-undang dengan secara serius terutama di bahagian undang-undang, hal ehwal undang-undang untuk ianya di- ya lah selepas sudah 60 tahun lebih merdeka ini seharusnya- saya sebenarnya bersama pandangan dan pendapat dengan Yang Berhormat, supaya seharus dan sewajarnya kita hanya ada satu dalam Bahasa Kebangsaan kita.

■1240

Kemudian yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran, perbezaan skrip. Skrip ini berbeza Yang Berhormat kerana terdapat pindaan jawatankuasa di Dewan Rakyat yang melibatkan pemotongan fasal 19 dan juga pindaan kepada fasal 29. Jadi, jumlah fasal dalam RUU Kewangan telah dipinda dari 41 fasal kepada 40 fasal. Jadi, oleh sebab itu, ia dilihat berbeza. Pindaan itu telah kita buat dalam peringkat jawatankuasa di Dewan Rakyat dan kemudiannya diluluskan dengan pindaan.

Jadi oleh sebab itu, apabila bacaan itu dibuat, nampak macam ada *contradiction*. Akan tetapi, sebenarnya pindaan telah dibuat di peringkat jawatankuasa dan diluluskan di peringkat sana. Itu yang pertama yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid.

Kemudian, tentang perkara-perkara yang lain yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi tentang hal ehwal veteran. Katanya, geran sebanyak RM26 juta setahun dibatalkan. Setakat yang ada di depan saya ini Yang Berhormat, belum sampai lagi jawapan daripada

belakang. Jadi, apa pun saya akan jawab secara bertulislah Yang Berhormat. Oleh sebab, saya pun tidak ada maklumat ini.

Kemudian, permohonan untuk Majlis Angkatan Tentera diberikan peruntukan khas operasi kerana ia khas untuk Majlis Angkatan Tentera yang tadi disebutkan setara dan setaraf dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Itu juga, ini sebagai cadangan dan juga kita akan ambil ingatan dengan apa yang dicadangkan. Kemudian, perkhidmatan awam hendak minta gaji disemak setiap lima tahun. Hendak mohon ini adalah haklah. Hak mereka untuk memohon dan kerajaan akan mengkaji dan kemudian membuat keputusan yang wajar tentang permohonan tersebut.

Kemudian, tentang *littoral combat ship* oleh *Boustead Naval Shipyard* ini. Yang Berhormat pun telah menyebut dan tahu cerita yang sebenarnya. Pandangan Yang Berhormat itu adalah supaya jangan dilayan permohonan tambahan ini kerana yang sudah dibayar lebih sebanyak RM5 bilion pun, kita tidak nampak benda itu sampai lagi. Memang Yang Berhormat, kerajaan mengambil pandangan yang serius terhadap perkara ini. Cuma, ia kadang-kadang jadi macam kita, 'tarik rambut dalam tepunglah'. Takut tidak bagi sikit lagi, *kot* yang hendak dapat tidak dapat langsung. Akan tetapi, apa pun kita akan mengambil perhatian terhadap apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat.

Prestasi kewangan di jabatan dan kementerian Yang Berhormat, saya ingat di dalam semalam, ada- saya tidak ingat sama ada disebutkan secara detil atau saya tidak sebut, mungkin. Akan tetapi, prestasi kewangan dan perbelanjaan kewangan, saya tidak ada depan saya sekarang hari ini tetapi prestasi kewangan dan perbelanjaan kewangan untuk belanja operasi bagi tahun 2019 ini, kita *on track*. Memang, paling tidak kita membuat pemantauan dalam mesyuarat *quarterly* dan kita telah meminta untuk mereka membuat unjuran. *Cash flow* mereka terhadap perkara ini.

So, untuk belanja mengurus adalah *on track*. Belanja pembangunan juga kita *not far behind* dari segi peratusan, saya minta maaf tidak dapat hendak sebutkan secara terperinci. Semalam, ada rekod itu. *We are not far behind* daripada segi belanja pembangunan dan belanja pembangunan ini, kita membuat mesyuarat di peringkat kementerian pada tiap-tiap bulan untuk kita *track* apa masalah yang dihadapi, kalau lambat sebab apa dan sebagainya. Ini supaya dapat kita atasi sebab belanja pembangunan Yang Berhormat, ia akan memberikan suatu kesan gandaan ekonomi. Kita campak duit, maka apabila ia dibelanjakan, maka ekonomi akan berkembang.

Oleh sebab itu, kita hendak pastikan setelah dan untuk belanja pembangunan ini seperti saya telah sebutkan sebelum ini, kita berhutang untuk, pertama- memberikan pembangunan kepada rakyat; dan kedua, mengembangkan ekonomi kita.

Jadi, tidak wajar sangatlah, duit yang terpaksa kita pinjam itu, kemudian kita tidak melihat kesan gandaan ekonomi itu apabila ia gagal untuk dilaksanakan. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah respons saya. Terima kasih.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Nga Hock Cheh: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: Ada lagi? Silakan.

Tuan Nga Hock Cheh: Minta izin, semalam saya...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Nga Hock Cheh: ...Ada bangkitkan isu cukai keuntungan tanah dikecualikan untuk harta pusaka yang digulung oleh pentadbir si mati. Memandangkan *gift* masa kehidupan seorang ibu bapa dikecualikan, sungguhpun tidak sampai lima tahun.

Kenapa apabila harta tersebut digulung untuk memberikan hasil jualan kepada warisnya iaitu anak si mati, itu tidak *enjoyed the benefit of the same exemption and if the kementerian really wants to levy the tax, then shouldn't the tax takes the form of the state duty as before or impose the inheritance tax? That would be fair to all the parties to levy. This* cukai keuntungan tanah ada untuk mengawal spekulasi dan bukan bertujuan untuk mendapat *tax from this source*.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Terima kasih, Yang Berhormat, ya. Penjualan hartanah yang diwarisi dengan harga yang tinggi bagi memperoleh keuntungan yang tinggi akan menjadi penanda aras dan memberikan tekanan kepada harga hartanah yang lain. Oleh itu CKHT yang dikenakan ke atas keuntungan adalah salah satu langkah yang boleh mengawal spekulasi atau kenaikan harga jualan dalam pasaran hartanah.

Jika harta dilupuskan oleh waris, tarikh pemuliharaan aset adalah tarikh pindah milik harta kepada waris. Manakala harga pemerolehan adalah nilai pasaran aset kepada tarikh pindah milik harta kepada waris. Memandangkan harga pemerolehan aset bagi waris adalah harga pasaran aset pada tarikh aset dipindah milik kepadanya, waris mungkin tidak akan dikenakan cukai ataupun mengalami kerugian akibat daripada pelupusan itu sekiranya waris terus melupuskan aset sebaik sahaja ia dipindah milik.

Yang Berhormat, dapat tidak Yang Berhormat? Okey, saya ingat macam inilah, mungkin saya dapat terangkan atau meminta pegawai terangkan dengan lebih detil kepada Yang Berhormat tentang perkara ini dan kenapa rasionalnya, ia dibuat sedemikian. Ya, Yang Berhormat? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah dan Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 41** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Liew Chin Tong) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PENDAPATAN(PINDAAN) 2019

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

■1250

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminta Akta Cukai Pendapatan 1967 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 2019 yang dicadangkan adalah bertujuan untuk mempercepatkan perbicaraan dan keputusan rayuan yang dikemukakan pembayar cukai kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan serta untuk menyelaraskan tatacara rayuan ke Mahkamah Tinggi oleh pihak yang terkilan dengan perintah pemutus Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan.

Saya memohon untuk menghuraikan setiap fasal dalam rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini mempunyai lima fasal sahaja seperti berikut.

Fasal 1 menyatakan tajuk ringkas akta ini iaitu dikenali sebagai Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 2019.

Fasal 2 menerangkan pindaan am bertujuan untuk menggantikan untuk menggantikan perkataan "*Clerk*" di mana-mana juga terdapat perkataan "*Secretary*" dalam seksyen 98 termasuk nota bahu seksyen 100, 101 dan Jadual 5 kepada akta ini.

Fasal 3, bertujuan untuk meminda subseksyen 2(1) dengan memotong takrif "*Clerk*" dan memasukkan takrif "*Secretary*".

Fasal 4 bertujuan untuk meminda jadual kelima seperti berikut:

- (a) subfasal 4(a), dipinda bagi menggantikan perenggan 1A untuk memberi kuasa kepada pengerusi untuk menentukan sesuatu prosiding perbicaraan rayuan boleh didengar oleh seorang Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan dengan kelulusan pengerusi. Pada masa ini, pendengaran rayuan di hadapan tiga orang pesuruhjaya khas;
- (b) subfasal 4(b) dipinda bagi memasukkan dipinda bagi memasukkan perenggan 1B yang baharu untuk membenarkan prosiding rayuan dengan kebenaran pihak-pihak untuk diteruskan atau didengar semula oleh Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan yang tinggal jika salah seorang daripada tiga orang pesuruhjaya khas yang mendengar rayuan itu tidak dapat menyelesaikan pendengaran rayuan disebabkan oleh penamatan tempoh pelantikannya atau sebab-sebab lain;
- (c) subfasal 4(c) bertujuan untuk memotong perenggan empat bagi memperuntukkan tiada keperluan bagi setiausaha kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan untuk memaklumkan program persidangan bulanan kepada ketua pengarah hasil dalam negeri;
- (d) subfasal 4(f) dan 4(g) bertujuan untuk menggantikan perenggan 34 dengan perenggan baharu serta memasukkan perenggan 34A, 34B dan 34C yang baharu untuk mengadakan peruntukan bagi tatacara pemfailan rayuan kepada Mahkamah Tinggi oleh pihak yang terkilan dengan perintah pemutus Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan; dan
- (e) subfasal 4(i) dipinda bagi menggantikan perenggan 37A untuk memperuntukkan bahawa perayu hendaklah membayar kos bagi nota prosiding atau apa-apa dokumen lain bagi tujuan pemfailan rayuan kepada mahkamah tinggi pada kadar yang ditetapkan oleh Menteri. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus adalah merupakan pindaan berbangkit daripada peruntukan baharu mengenai tatacara pemfailan rayuan kepada Mahkamah Tinggi oleh pihak yang terkilan dengan perintah pemutus Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan.

Fasal 5, bertujuan untuk mengadakan peruntukan pengecualian bagi mana-mana rayuan yang telah didengar di hadapan tiga Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan dan belum selesai serta belum diputuskan sebelum berkuat kuasanya akta pindaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Pertahanan [Tuan Liew Chin Tong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ada berapa orang? Tidak ada? Ada sesiapa yang hendak bahas?

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Tidak ada orang hendak bahas? Tidak ada orang? Tidak ada orang saya bahas satu boleh? Tuan Yang di-Pertua, satu soalan sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Yang Berhormat Timbalan Menteri, mohon penjelasan sedikit terutama dalam aspek pengecualian. Lanjutan daripada soalan rakan saya tadi mengenai aspek pengecualian terhadap perkara yang menjadi harta pusaka. Saya dirujuk oleh satu balu yang mana mewarisi royalti oleh si suami yang merupakan antara penulis lirik hebat di negara ini, Loloq. Nama betulnya minta pegawai carilah, Loloq, Loloq yang banyak tulis lirik penyanyi M. Nasir itu.

Jadi, si isteri mengadu bahawa ialah itu sependapatan tetapi ia akan dicukaikan juga hasrat warisan ini, kan. Jadi adakah satu dasar ataupun satu undang-undang yang boleh dipertimbangkan agar perkara-perkara sebegitu dapat diberi pengecualian? Ini kerana si balu ini pun tidak ada pendapatan lain, itulah satu-satunya sumber. Saya yakin kalau suami adapun mungkin dia hendak bagi langsung kepada isteri dan dari segi konsep perundangan dia panggil, "*Pemberian atas dasar love and affection*" itu biasanya dapat pengecualian.

Jadi, saya mohon pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri walaupun kalau tidak boleh cakap secara khusus, mungkin kemudian tetapi saya ambil kesempatan dalam perbincangan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, ada lagi yang hendak berbahas, ada lagi sesiapa?

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Satu sahaja. Okey Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana- sebenarnya dalam perbincangan kita ini khas bagi pindaan bagi Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 2019 ini sebenarnya dia spesifik kepada rayuan oleh Pesuruhjaya Khas Cukai dan sebagainya.

Akan tetapi, apa pun yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator saya akan ambil maklum dan kita akan semak. Cumanya kalau semasa hidup, sebarang hebahan kasih sayang yang disebutkan tadi diberikan pengecualian. Akan tetapi, cerita apabila sudah mati, sudah jadi ini- itu saya perlu semak dan sampaikan jawapan kemudian kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada lagi? Tidak ada ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Liew Chin Tong) dan diluluskan]

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Jam pukul 1 tengah hari, sekarang saya tangguhkan Mesyuarat Dewan sehingga jam 2.30 petang. Terima kasih.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 petang]

▪ 1430

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

2.32 ptg.

Timbalan Yang di-Pertua: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Yang Berhormat Menteri, sila.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Pertahanan [Tuan Liew Chin Tong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak ada ditangguhkan sehingga selesai diputuskan dan diluluskan kesemua rang undang-undang di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan yang tersenarai sebagai No.1 hingga No.7 dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* hari ini atau sehingga jam 7.30 malam yang mana terdahulu dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis 19, Disember 2019.”

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Harap-harap yang terdahulu.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) (PINDAAN) 2019

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

2.34 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Petroleum (Cukai Pendapatan) (Pindaan) 2019 yang dicadangkan adalah merupakan pindaan berbangkit daripada pindaan ke atas Jadual Kelima, Akta Cukai Pendapatan 1967 bertujuan mempercepatkan perbicaraan dan keputusan rayuan yang dikemukakan pembayar cukai kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan serta untuk menyelaraskan tatacara rayuan ke Mahkamah Tinggi oleh pihak yang terkilan dengan perintah pemutus Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan. Saya mohon untuk menghuraikan setiap fasal di dalam rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini mempunyai lima fasal sahaja seperti berikut.

Fasal 1 menyatakan tajuk ringkas akta ini iaitu dikenali sebagai Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) (Pindaan) 2019.

Fasal 2 menerangkan pindaan am bertujuan untuk menggantikan perkataan "*Clerk*" di mana-mana jua terdapat perkataan "*Secretary*" dalam seksyen 42 termasuk nota bahu, seksyen 44, seksyen 45 dan Jadual Ketiga.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda subseksyen 2(1) dengan memotong takrif "*Clerk*" dan memasukkan takrif "*Secretary*".

Fasal 4 bertujuan untuk meminda Jadual Ketiga seperti berikut.

Subfasal 4(a) dipinda bagi menggantikan perenggan 1A untuk memberi kuasa kepada Pengerusi untuk menentukan suatu prosiding perbicaraan rayuan boleh didengar oleh seorang Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan dengan kelulusan Pengerusi. Pada masa ini, pendengaran rayuan dibuat di hadapan tiga orang Pesuruhjaya Khas.

Subfasal 4(b) dipinda bagi memasukkan perenggan 1B yang baharu untuk membenarkan prosiding rayuan dengan kebenaran pihak-pihak untuk diteruskan atau didengar semula oleh Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan yang tinggal, jika salah seorang daripada tiga orang Pesuruhjaya Khas yang mendengar rayuan itu tidak dapat menyelesaikan pendengaran rayuan disebabkan oleh penamatan tempoh pelantikannya atau sebab-sebab lain.

Subfasal 4(d) dan 4(e) bertujuan untuk menggantikan perenggan 29 dengan perenggan baharu serta memasukkan perenggan 29A, 29B dan 29C yang baharu untuk mengadakan peruntukan bagi tatacara pemfailan rayuan kepada Mahkamah Tinggi oleh pihak yang terkilan dengan perintah pemutus Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan.

Perenggan 4(g) dipinda bagi menggantikan perenggan 32A untuk memperuntukkan bahawa perayu hendaklah membayar kos bagi nota prosiding atau apa-apa dokumen lain bagi tujuan pemfailan rayuan kepada Mahkamah Tinggi pada kadar yang ditetapkan oleh Menteri. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus adalah merupakan pindaan berbangkit daripada peruntukan baharu mengenai tatacara pemfailan rayuan kepada Mahkamah Tinggi oleh pihak yang terkilan dengan perintah pemutus Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan.

Fasal 5, bertujuan untuk mengadakan peruntukan pengecualian bagi mana-mana rayuan yang telah didengar di hadapan tiga Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan dan belum selesai serta belum diputuskan sebelum berkuat kuasanya akta pindaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Pertahanan [Tuan Liew Chin Tong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ada tiga orang Yang Berhormat Senator yang akan berbahas. Kalau sesiapa hendak tambah, boleh tambah lagi saya terima. Saya mulakan dengan Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili.

2.39 ptg.

Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi izin sekali lagi kepada saya untuk sama-sama turut serta dalam membahaskan Rang Undang-undang Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) (Pindaan) 2019. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga Kementerian Kewangan di atas pindaan beberapa fasal dalam akta ini bagi membolehkan prosiding rayuan bagi taksiran Cukai Pendapatan Petroleum dapat dilaksanakan dengan lebih cekap.

■1440

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan 2020, anggaran pendapatan kutipan cukai petroleum diunjurkan sebanyak RM17.883 bilion. Nilai ini mengalami penurunan drastik jika dibandingkan pada tahun 2018 di mana ia mencatat kutipan sebanyak RM20.081 bilion. Defisit yang dialami dalam hasil cukai langsung ini juga telah memberi impak kepada negeri-negeri seperti Sarawak dan Sabah apabila pembayaran royalti ataupun bayaran tunai di bawah perjanjian pembangunan petroleum antara Sarawak, Sabah dan juga Kerajaan Persekutuan.

Selain daripada itu, kerajaan juga menganggarkan untuk mengutip sebanyak RM1.28 bilion cukai tidak langsung iaitu di bawah Perkara 62114, Kod Hasil Kerajaan Persekutuan bagi hasil petroleum mentah pada tahun 2020.

Justeru, saya menyokong penuh pindaan ini agar isu pesuruhjaya khas untuk mendengar kes-kes rayuan percukaian dapat menjalankan prosiding secara segera.

Selain daripada itu, dari kedua-dua hasil cukai ini, saya memohon kerajaan memperincikan jumlah kutipan cukai langsung dan tidak langsung petroleum bagi kastam negeri Sarawak, Sabah dan juga Semenanjung Malaysia bagi tahun 2018, 2019 dan juga 2020 agar kutipan yang dibuat ini dapat dijadikan rujukan untuk kita semua menstrukturkan kegiatan ekonomi setempat menjelang Rancangan Malaysia Kedua Belas, dan merencana hala tuju baharu Wawasan Kemakmuran Bersama.

Saya juga ingin mendapat kepastian kerajaan tentang berapa banyakkah syarikat-syarikat yang dikenakan cukai bagi kegiatan berkaitan dengan petroleum, sama ada mereka ini dikenakan cukai langsung atau tidak langsung, di bawah Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 ini?

Dengan yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, begitulah perbahasan saya untuk menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili. Terima kasih.

Nombor dua iaitu Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang.

2.43 ptg.

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali, saya ucapkan terima kasih juga kepada Menteri atas pembentangan rang undang-undang ini di Dewan yang mulia ini.

Pertama sekali, saya ingin- untuk perbahasan saya ini, cuma pendek sahaja, cuma minta penjelasan berkenaan dengan pesuruhjaya khas ini. Apakah komposisi dan juga sistem pelantikan untuk menjadi pesuruhjaya ini? Adakah ada perwakilan khas daripada Sabah, Sarawak dalam pesuruhjaya ini? Sebab, dalam erti kata untuk memastikan sektor petroleum

itu dapat dilaksanakan dengan baik dan juga adil, saya rasa kita juga memerlukan input dan juga perwakilan daripada Sabah dan Sarawak.

Jadi dalam proses pelantikan ini, saya juga ingin tahu kriteria-kriteria untuk menjadi pesuruhjaya ini untuk memastikan apabila apa-apa kes yang dibawa kepada pihak pesuruhjaya ini, ia dapat dipertimbangkan dengan sebaiknya.

Selain itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga meminta penjelasan, apakah implikasi pindaan ini kepada pendapatan yang akan diterima melalui royalti yang telah ditimbulkan juga oleh Yang Berhormat Senator dari Sarawak berkenaan dengan royalti yang akan diterima oleh Sabah apabila pindaan ini berlaku? Adakah pindaan ini dapat membantu memperhalus royalti-royalti dan juga cukai-cukai yang dapat dipungut di Sabah dalam sektor petroleum?

Ini kerana mungkin pada masa depan, negeri Sabah dan Sarawak juga akan memasuki sektor petroleum ini khasnya dalam aspek eksplorasi dan juga industri-industri hiliran yang akan dibangunkan di negeri ini.

Jadi, itu sahaja daripada saya. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Senator Tuan Adrian. Sekarang yang ketiga, saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad.

2.46 ptg.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tahniah saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan di atas pembentangan pindaan Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 2019.

Secara ringkasnya, sumber pendapatan utama dari hasil cukai langsung dan tidak langsung adalah dari pembangunan sektor minyak dan gas yang dijalankan di peringkat hulu dan hiliran di Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah. Dengan adanya RAPID Pengerang, maka sektor minyak dan gas ini mengalami pertumbuhan yang amat baik dan ia memberi kesan ke atas impak hasil Kerajaan Persekutuan.

Dua soalan saya kemukakan kepada Yang Berhormat Menteri. Pertama, berapakah jumlah rayuan dan pertikaian cukai petroleum yang direkodkan untuk dijalankan prosiding rayuan yang akan dikendalikan pesuruhjaya khas? Saya mohon perincian ini diberikan mengikut kastam negeri-negeri di Kelantan, Terengganu, Pahang, Sabah, Sarawak, Johor, Melaka dan Negeri Sembilan.

Keduanya, saya mohon kerajaan menyatakan secara jelas tentang berapakah nilai kutipan cukai langsung petroleum dan cukai tidak langsung petroleum mentah yang dikutip oleh kastam negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang serta berapakah kutipan sebenar cukai

petroleum yang direkodkan di kawasan MTGDA bagi kawasan Maritim Utara Semenanjung Malaysia? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Ada lagi siapa hendak? Sila.

2.48 ptg.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Boleh sedikit, Tuan Yang di-Pertua? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mohon penjelasan daripada Timbalan Menteri terutama sekali dari segi peruntukan seksyen 5 yang mengenai, kalau bahasa Melayunya, kecualian. Kalau bahasa Inggeris, ia kata *saving*. So, andaian saya ialah merupakan satu *saving clause*.

Cuma, yang saya ingin minta penjelasan kerana apa yang diminta di sini ialah apa-apa pindaan yang dibuat tidak akan mengganggu rayuan-rayuan yang sedang didengar. Cuma saya ingin memohon penjelasan, bagaimana aspek retrospektifnya itu? Biasanya undang-undang ini bila kita pinda, ia kait implikasi ke depan tetapi ini apabila ia kata ia tidak memberi apa-apa implikasi kepada rayuan yang sedia ada itu, saya mohon penjelasan daripada pihak Menteri, bagaimana perkara ini dijelaskan? Untuk tujuan rekod di Dewan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ada lagi? Kalau tidak ada, saya jemput Yang Berhormat Menteri.

2.49 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]: Terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah berbahas dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang memberikan peluang untuk kita menjawab persoalan yang telah ditimbulkan oleh pembahas tadi.

■1450

Mungkin tidak mengikut order- persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi, kemudiannya Yang Berhormat Senator Tuan Adrian, dan Yang Berhormat Senator Datin Rahimah, dan akhirnya Yang Berhormat Senator Tuan Yusmadi. Saya bermula dengan yang mudah hendak dijawab dahulu [*Ketawa*]

Yang Berhormat Senator Datin Rahimah bertanyakan, berapa jumlah pertikaian, prosiding dan kes-kes serta berapa hasil daripada petroleum, cukai langsung, dan tidak langsung dan sebagainya. Jadi saya mohon Yang Berhormat Senator untuk saya menjawab secara bertulis, boleh ya? Sebab ia sedikit detil yang perlu dijawab, dan kita perlu merujuk balik.

Kemudian yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang- komposisi *special commissioner* ini. Pelantikan PKCP ini dibuat oleh Yang di-

Pertuan Agong yang terdiri daripada anggota perkhidmatan kehakiman dan perundangan, atau berpengalaman sebagai peguam, dan pelantikan tidak berdasarkan komposisi setiap negeri.

Jadi, kalau ada mereka yang berlatar belakang, yang telah saya sebutkan tadi dicadangkan Ke Bawah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, maka berdasarkan pengalaman dan CV mereka itu, maka mereka ini dilantik untuk menganggotai PKCP ini.

Juga daripada Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi tadi, berkenaan cukai langsung dan tidak langsung bagi Sabah, Sarawak dan Semenanjung, sama juga Yang Berhormat Senator mohon dijawab secara bertulis. Juga bilangan syarikat yang membayar cukai, juga saya minta untuk dijawab secara bertulis *because it's very specific*- bilangan dan nama-nama syarikat tersebut.

Peruntukan kecualian- oleh Yang Berhormat Senator Tuan Yusmadi tadi. Kesan retrospektif tidak timbul kerana peruntukan yang terpinda hanya terpakai kepada rayuan baharu. Rayuan yang dibuat sebelum pindaan rang undang-undang tidak terjejas, dan diteruskan menurut peruntukan yang terdahulu. Saya ingat sebagai- saya bukan *background law, legal [Ketawa]* Saya ingat Yang Berhormat mungkin boleh...

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Boleh minta penjelasan sedikit?

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Sila, sila.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Sebab yang saya faham itu ia terpakai walaupun yang sudah ada sekarang ini, rayuan sekarang- yang saya fahamlah sebab itu dia minta *saving clause* ini. Cumanya saya hendak faham- Yang Berhormat Timbalan Menteri jelaskan tadi tidak terpakai, hanya terpakai untuk yang baru ya? Sedikit, sedikit hendak faham supaya kita rekod dalam *Hansard*.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Mungkin saya boleh baca balik. Kesan retrospektif tidak timbul kerana peruntukan yang terpinda hanya terpakai kepada rayuan baharu. Rayuan yang dibuat sebelum pindaan undang-undang tidak terjejas, dan diteruskan menurut peruntukan terdahulu. So, yang dahulu, dulu yang kita pinda kemudian ini ia terpakai.

Kemudian- hendak tengok apa lagi Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi tadi tentang cukai langsung dan tidak langsung, saya sebut tadi, kita akan jawab- begitu juga dengan syarikat.

Yang Berhormat Senator Tuan Adrian, Pesuruhjaya Khas- komposisi saya sudah sebut tadi. Implikasi perubahan pindaan ini terhadap royalti Sabah dan Sarawak- saya ingat tidak ada implikasinya, maksudnya ia tidak memberikan kesan sebab ini ialah sama ada kes itu kita hendak teruskan apabila tiga orang itu, salah seorang berhenti, kes tidak habis lagi, jadi maknanya boleh diteruskan dengan disambung oleh yang sedia ada. Maknanya kalau seorang pun dengan kebenaran pengerusi dibenarkan. Jadi, saya ingat implikasi daripada itu tidak timbul. Saya ingat itulah *kot* Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Majlis dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Liew Chin Tong) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN LABUAN (PINDAAN) 2019

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.58 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Pindaan) 2019 yang dicadangkan, adalah bagi untuk menambah baik pentadbiran cukai berhubung dengan taksiran cukai yang dibuat ke atas keuntungan yang boleh dikenakan cukai bagi suatu entiti Labuan, selaras dengan komitmen Malaysia terhadap piawaian percukaian antarabangsa.

Saya mohon untuk menghuraikan setiap fasal dalam rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini mempunyai 15 fasal seperti berikut.

Fasal 1 menyatakan tajuk ringkas akta ini iaitu dikenali sebagai "Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Pindaan) 2019", dan menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas akta tersebut seperti berikut:

- (a) perenggan 2A dengan seksyen 3, 4, 5, 6, 7, 9, 10, 11, 12 dan 14 mula berkuat kuasa dari tahun taksiran 2020;

- (b) perenggan 2B dan seksyen 13 dan 15 mula berkuat kuasa apabila berkuat kuasanya akta ini; dan

■1500

- (c) seksyen 8 disifatkan mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2019.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda subseksyen 2(1) dengan memotong takrif “Pemastautin” memandangkan suatu seksyen khusus yang baharu akan dimasukkan untuk definisi “Pemastautin”.

Manakala subseksyen 2(b) pula bertujuan untuk memasukkan takrif “Pesuruhjaya Khas” bagi membolehkan entiti Labuan mengemukakan rayuan kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan (PKCP) sekiranya tidak berpuas hati dengan taksiran yang dibangkitkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).

Fasal 3 bertujuan untuk memasukkan peruntukan baharu seksyen 2B. Pada masa ini, mana-mana entiti Labuan yang tidak mematuhi syarat substantif Labuan akan tertakluk kepada kadar cukai pendapatan sebanyak 24 peratus di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

Oleh itu, seksyen 2B diperkenalkan untuk membolehkan entiti Labuan yang tidak mematuhi syarat tersebut dikenakan kadar cukai 24 peratus di bawah Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (LBATA) 1990 yang sama. Ini akan memudahkan pematuhan cukai untuk entiti Labuan yang hanya akan tertakluk kepada LBATA 1990.

Fasal 4 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 3B bagi memperuntukkan penentuan status pemastautin entiti Labuan bagi maksud perjanjian pengelakan percukaian dua kali di bawah seksyen 132, ACP 1967. Dengan adanya peruntukan baharu ini, ia akan memperjelas dan memberi ketelusan kepada entiti Labuan yang layak untuk mendapat *Certificate of Residence* (COR) dan seterusnya layak menikmati manfaat di bawah PPDK antara Malaysia dengan negara perjanjian yang lain.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 4 yang memperjelaskan bahawa keuntungan yang dikenakan ke atas entiti Labuan yang boleh dikenakan cukai tertakluk kepada syarat substantif yang ditetapkan di bawah LBATA 1990. Syarat ini adalah selaras dengan kriteria yang ditetapkan di bawah piawaian percukaian antarabangsa.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda seksyen 6 bagi memperuntukkan kuasa kepada Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia untuk membuat taksiran dan taksiran tambahan ke atas entiti Labuan berdasarkan kepada keperluan audit dan siasatan. Keperluan peruntukan ini adalah selaras dengan kriteria yang ditetapkan di bawah piawaian percukaian antarabangsa bagi tujuan pematuhan syarat substantif oleh entiti Labuan.

Fasal 7 untuk memasukkan peruntukan baharu dalam seksyen 6A, 6B, 6C dan 6D ke dalam LBATA 1990 berdasarkan kepada keperluan audit dan siasatan oleh Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia bagi tujuan pematuhan syarat substantif oleh entiti

Labuan selaras dengan piawaian percukaian antarabangsa. Peruntukan terlibat adalah seperti berikut:

- (i) seksyen 6A berhubung borang untuk membuat taksiran.
- (ii) seksyen 6B berhubung notis taksiran dan serahan notis kepada entiti Labuan yang dikenakan cukai.
- (iii) seksyen 6C berhubung tafsiran menjadi muktamad dan konklusif.
- (iv) seksyen 6D berhubung hak untuk merayu oleh entiti Labuan yang tidak berpuas hati dengan taksiran yang dibuat oleh Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia ke atas dirinya dengan merayu kepada PKCP selaras dengan pindaan di subseksyen 2(1) dalam perenggan 2(b).

Fasal 8 bertujuan untuk meminda seksyen 9 bagi menjelaskan bahawa pendapatan daripada aktiviti bukan perdagangan Labuan adalah tidak termasuk pendapatan daripada royalti dan mana-mana pendapatan yang diperolehi daripada harta intelek dan tertakluk kepada cukai pendapatan di bawah ACP 1967.

Selaras dengan piawaian percukaian antarabangsa, pendapatan IP ataupun harta intelek yang berpunca daripada aktiviti R&D yang dijalankan di Malaysia sahaja layak mendapat kadar cukai istimewa yang dikenali sebagai, dengan izin, *preferential rate*. Oleh kerana aktiviti perniagaan yang dijalankan di Labuan ini adalah hanya melibatkan hab perkhidmatan kewangan, tiada aktiviti R&D terlibat. Maka, pendapatan daripada IP tidak layak menikmati kadar cukai pada kadar tiga peratus di bawah LBATA 1990.

Dalam pembentangan Belanjawan 2019, pindaan kepada seksyen 4, LBATA 1990 telah dibuat di mana pendapatan harta intelek telah dikeluarkan daripada pendapatan ke atas aktiviti perdagangan entiti Labuan. Sehubungan itu, pindaan ini adalah untuk memperjelaskan bahawa aktiviti perdagangan Labuan dan aktiviti bukan perdagangan Labuan kini tidak layak untuk dinikmati bagi pendapatan yang diterima daripada IP.

Fasal 9 bertujuan untuk memasukkan peruntukan baharu iaitu seksyen 13A bagi menjelaskan mengenai cukai yang kena dibayar berbangkit daripada taksiran yang dibuat di bawah seksyen 6 menjadi genap masa dan perlu dibayar, dengan izin, *tax due and payable*.

Fasal 10 bertujuan untuk memasukkan peruntukan baharu berdasarkan kepada keperluan audit dan siasatan oleh Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia bagi tujuan pematuhan syarat substantif oleh entiti Labuan selaras dengan piawaian percukaian antarabangsa. Peruntukan terlibat adalah seperti berikut.

Seksyen 17C bertujuan untuk tidak mengambil kira, dengan izin, *disregard* dan membuat pelarasan ke atas amaun cukai yang perlu dibayar oleh entiti Labuan dan seksyen 17D untuk menggantikan harga transaksi tertentu berdasarkan kepada penentuan pemindahan harga selengan secara bebas yang dikenali sebagai, dengan izin, *arm's-length price* ke atas transaksi perbekalan dan perolehan.

Fasal 11 bertujuan untuk memasukkan peruntukan baharu berdasarkan kepada keperluan audit dan siasatan oleh Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia bagi tujuan pematuhan syarat substantif oleh entiti Labuan selaras dengan piawaian percukaian antarabangsa. Peruntukan terlibat adalah seperti berikut:

- (i) seksyen 22B untuk meminta penyata spesifik atau pengemukaan maklumat secara bertulis.
- (ii) seksyen 22C untuk meminta penyata akaun bank atau dokumen lain berkaitan.
- (iii) seksyen 22D untuk mengakses bangunan dan dokumen lain berkaitan.
- (iv) seksyen 22E untuk memastikan entiti Labuan menyimpan rekod bagi tempoh tujuh tahun selepas tamat tahun penyata dikemukakan.
- (v) seksyen 22F yang memperuntukkan sebarang pendakwaan hendaklah mendapat keizinan bertulis daripada pendakwa raya.

Fasal 12 bertujuan meminda seksyen 23 untuk memasukkan peruntukan bagi entiti Labuan yang gagal mematuhi notis yang diberikan di bawah seksyen baharu 22B, 22C dan subseksyen 22D(5).

Fasal 13 bertujuan untuk meminda seksyen 24 bagi memperuntukkan Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia hanya boleh mengenakan kompaun ke atas kesalahan yang dilakukan di bawah seksyen 22 atau 23 dengan keizinan secara bertulis oleh pendakwa raya.

Fasal 14 bertujuan untuk memperjelas peruntukan notis selaras dengan pindaan seksyen 6 LBATA 1990.

Fasal 15 bertujuan memperjelas pemakaian peruntukan kompaun melalui pindaan ke atas seksyen 24 LBATA 1990.

Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Pertahanan [Tuan Liew Chin Tong]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Dalam senarai saya, seorang. Dimulakan dengan Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang. Ada lagi siapa? Ya, terbuka ya.

3.09 ptg.

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali, saya membawa perbahasan untuk rang undang-undang ini cuma untuk mendapatkan sedikit penjelasan berkenaan pindaan ini. Memandangkan Labuan adalah sebuah pulau yang bebas cukai, pengertian erti kata bebas cukai itu selalunya disalahertikan. Orang selalu ingat semua pun bebas cukailah tetapi sebenarnya saya pernah tinggal di Labuan selama 15 tahun dan sebenarnya saya masih juga ada perniagaan kecil-kecilan di Labuan lah.

Cuma dalam beberapa kesempatan ini, saya ingin minta penjelasan daripada kementerian berkenaan dengan beberapa perkara. Pertama sekali berkenaan dengan entiti Labuan. Istilah entiti Labuan ini apa maksudnya? Ini disebabkan kebanyakan daripada perniagaan-perniagaan juga yang beroperasi di Labuan itu kebanyakannya juga datang daripada tanah besar ataupun *mainland* di Sabah dan membuka cawangan di Labuan.

■1510

Jadi adakah maksud itu kita yang memang sudah mempunyai perniagaan yang asal di Kota Kinabalu ataupun di Tanah Besar itu harus juga mendaftarkan syarikat-syarikat ini di Labuan untuk memastikan bahawa kita juga memenuhi keperluan percukaian di Labuan. Memandangkan Labuan ini adalah sebuah pulau yang bebas cukai, kita juga amat risaulah apabila cukai-cukai baharu ini diperkenalkan sebab ia tidak lama lagi akan mengurangkan minat pelabur untuk datang ke Labuan dan juga memberikan Labuan ini tidak berapa menariklah untuk datang buat *business*.

Selepas beberapa bulan ini dan sebenarnya tahun lalu apabila harga petroleum itu menyusut memang industri petroleum ini memang kebanyakannya sangat merudumlah di Labuan dan juga ia membawa satu domino *effect* di mana syarikat-syarikat *oil and gas* ini menutup operasi di Labuan. Jadi ini memberikan banyak tekanan kepada kita yang ada *property* di Labuan. Jadi saya harap dengan adanya rang undang-undang ini adakah ia memberikan lebih banyak implikasi apabila menyukarkan lagilah orang membuat perniagaan di Labuan.

Kemudian itu juga saya ingin bertanya berkenaan dengan *enforcement* di Labuan sebab kebanyakan aktiviti perniagaan itu berpusat dengan *financial hub* dan kita juga risaulah bahawa Labuan itu dijadikan sebagai *money laundering hub* dan di mana banyak *share company* dibuka di Labuan hanya untuk tujuan *money laundering*. Di mana transaksi dari luar masuk kemudian keluar. Jadi ini membimbangkan kita jugalah sebab kita tidak tahu wang itu datang daripada mana dan apa tujuan ia.

Jadi adakah kita ada satu pelan perancangan untuk memastikan bahawa untuk memantau dan juga menguatkuasakan undang-undang untuk memastikan syarikat-syarikat yang beroperasi di *financial hub* ini dapat dipantau dari semasa ke semasa. Tentang IPO tadi sebab ada kuasa pengecualian IP, saya rasa sebab di Labuan memang kebanyakan daripada

industri yang beroperasi di sana itu adalah *oil and gas* tetapi kita juga ada satu kampus UMS di Labuan dan mereka juga ada satu unit yang membuat R&D.

Pertanyaan saya di sini macam mana kalau hasil daripada R&D dari UMS ini dikomersialkan di Labuan dan adakah ini tidak dapat pengecualian daripada aspek ini. Jadi mungkin itu saja saya punya perbahasan untuk rang undang-undang ini dan saya mohon menyokong terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ada lagi.

Puan Asmak binti Husin: Saya mohon menambah Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

3.13 ptg.

Puan Asmak binti Husin: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak tambah satu perkara saja berkaitan dengan aktiviti percukaian Labuan ini. Baru-baru ini saya pergi melawat ke Labuan saya mendapat aduan berkaitan dengan pengecualian cukai terhadap alkohol. Di mana sefaham saya bebas cukai ini makna bukan semua bebas cukai ada benda yang dikecualikan daripada bebas cukai.

Jadi adakah kerajaan bercadang untuk membuat satu pengecualian daripada bebas cukai terhadap alkohol kerana didapati remaja-remaja daripada *mainland* datang ke situ untuk aktiviti. Betul tidak fahamkah kalau orang dari sana aktiviti minum arak dan sebagainya dan ini menjejaskanlah boleh membawa kepada gejala yang tidak sihat. Mereka biasanya akan melakukannya pada hari biasa sebab dia tahu kalau hujung minggu ini ada operasi. Operasi pun ia terhad kepada peraturan-peraturan tertentu. Jadi itu sahaja persoalan saya, dan mohon penjelasan. Sekian, terima kasih.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Tuan Yang di-Pertua sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

3.14 ptg.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya apabila tengok Yang Berhormat Timbalan Menteri ini saya rasa semangat hendak bahas sebab saya ingat sesi lepas sahaja cukai banyak ini sesi ini ada lagi. Jadi Menteri cukai *[Ketawa]*

Yang Berhormat Timbalan Menteri mohon penjelasan sikit sebab satu sesi yang Menteri juga bertanggungjawab iaitu hal ehwal kewangan Islam. Di mana Labuan mempunyai agenda yang sangat besar dan saya melihat agenda itu kadang-kadang ia jadi pasang surut mengikut kepimpinan semasa. Jadi Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh mengambil kesempatan ini saya hendak Yang Berhormat Timbalan Menteri jelaskan sikit sejauh mana

perkara yang kita sama-sama hendak luluskan ini saya rasa *insya-Allah*, kita luluskan, saya mahu ia membantulah bukan menarik ke belakang agenda Labuan sebagai tarikan.

Hal ini kerana bagi saya kalau perkara ini seperti yang dijelaskan oleh rakan saya tadi tidak dijelaskan dengan se jelasnya ia mungkin memberi mesej yang salah bahawa tarikan bebas cukai apatah lagi dalam aspek kewangan Islam itu kurang difahami. Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jelaskan kerana saya rasa agenda Labuan sebagai satu ketika pusat pasaran kewangan Islam itu juga satu agenda yang besar dan saya rasa perlu dijelaskan ke mana arah tujuan agenda tersebut. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Boleh Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya.

3.16 ptg.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Terima kasih. Terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah memberikan perbincangan dan membuat pertanyaan ataupun memohon penjelasan dan sebagainya. Saya ingat antara yang perlu kita perjelaskan di sini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Adrian dan saya ingat juga untuk maklumat yang lain.

Sebenarnya disebut entiti Labuan itu apa? Apa itu yang dimaksudkan dengan entiti Labuan. Entiti Labuan adalah yang menjalankan aktiviti perdagangan dan aktiviti bukan perdagangan. Aktiviti perdagangan ini merangkumi perbankan dan kewangan dan juga pajakan termasuklah Takaful, Retakaful dan sebagainya juga berlaku di situ. Aktiviti bukan perdagangan ialah pendapatan daripada pelaburan dalam syarikat dan hartanah di Labuan.

Jadi untuk mematuhi syarat substantif dan ini akan memastikan bahawa aktiviti *money laundering* itu akan dapat kita tangani. Jadi bagi aktiviti R&D yang dijalankan di Labuan ia tidak layak di bawah LBATA tetapi masih boleh diberikan insentif di bawah rejim IP di bawah polisi yang diumumkan oleh kerajaan di bawah Bajet 2020. Jadi kita *treat* IP ini di bawah insentif yang lain Yang Berhormat bukan di bawah entiti Labuan ini.

Entiti Labuan ini pula hendaklah sebuah *company*, syarikat dan di *established* dan di register di bawah *Labuan Foundation Act 2010*, dan kalau ia *Labuan Islamic Foundation* di bawah *Labuan Islamic Financial Services and Security Act 2010* kemudian adalah syarat-syaratnya yang lain termasuk ia hendaklah mempunyai *adequate number of full time employes*. Kita tidak mahu dia gunakan syarikat kesetiausahaan untuk *register a company* tetapi dia tidak ada *presence* langsung di situ.

Ini memang berlaku jadi kita hendak supaya fizikal *presence* itu kena ada di Labuan, beberapa orang *full time employees* dan juga *adequate amount of annual operating expenses*. Jadi maknanya dia memang betul-betul ada di situ, betul-betul bukan [Ketawa] Cerita P.

Ramlee itu dia memang betul-betul bukan dugaan. Bukan cubaan, dia memang betul-betul wujud secara fizikal di Labuan tersebut.

Jadi yang ini perlu kita tentukan ialah kerana sebelum ini entiti Labuan ini memang dapat *preferential* punya ini dari segi percukaian. Sebelum ini dibenarkan tidak payah hendak *submit* dia punya pendapatan apa semua dia boleh *just offer* untuk bayar RM20 ribu. Tidak payah hendak *submit* dia dapat banyak mana, dia *spend* banyak mana tidak perlu. Dia *offer* untuk bayar RM20 ribu dan kebanyakannya memilih untuk berbuat demikian kerana dia orang tidak payah dan dia orang tahu RM20 ribu ini, dengan izin, *sub sub soi* lah [Ketawa] Tidak ada masalah untuk dia orang bayar sebab kalau dibuat perkiraan itu mungkin lebih besar.

■1520

Akan tetapi, mungkin di bawah *compliance* yang kita minta sekarang ini, entiti Labuan ini, bila mereka memenuhi perkara ini, mereka hanya dikenakan *tax* tiga peratus sahaja ya. Akan tetapi itu *submission* kena buat dan sebagainya tiga peratus berbanding dengan mana mana korporat entiti, kalau di Semenanjung atau di luar daripada Labuan perlu membayar 24 peratus, lapan kali ganda daripada apa yang dibayar oleh entiti Labuan.

Jadi, inilah insentifnya untuk mereka berada di Labuan *especially* dalam *financial and services*, perkhidmatan *financial* yang mereka buat di Labuan. Jadi bagi menjawab pertanyaan dan sahabat saya Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff, ini juga kita mengharapkan bahawa terutamanya dalam *Islamic financial, financial services* ini juga dapat dikembangkan di Labuan kerana macam saya sebut tadi insentifnya adalah besar.

Saya ingat antara yang juga besar ialah aktiviti Retakaful ya, *reinsurance* kan, yang berlaku juga besar di sana dan insentif yang kita berikan itu adalah amat baik iaitu hanya membayar tiga peratus daripada apa yang perlu dibayar. Tiga peratus sahaja berbanding 24 peratus di tempat-tempat yang lain. Saya rasa itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 15 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Liew Chin Tong) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG MATA WANG 2019

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.25 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Muka saya lagilah sampai habis nanti ya. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pengurusan mata wang Malaysia, pengawalseliaan perniagaan pemprosesan mata wang dan aktiviti pemprosesan mata wang dan bagi perkara yang berkaitan dibacakan kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang Mata Wang 2019 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pengurusan mata wang Malaysia, pengawal seliaan perniagaan pemprosesan mata wang dan aktiviti pemprosesan mata wang dan bagi perkara yang bersampingan dengannya.

Selari dengan salah satu fungsi utama Bank Negara Malaysia di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009 [Akta 701] sebagai pengeluar tunggal mata wang yang sah diperlakukan, dengan izin, *legal tender* di Malaysia. Rang undang-undang dicadangkan bagi memastikan ketulenan kualiti dan integriti mata wang, meningkatkan kecekapan operasi dan pengurusan mata wang, membendung penggunaan wang tunai dalam kegiatan jenayah dan memastikan pematuhan peruntukan berkaitan mata wang.

Peruntukan berkaitan mata wang sedia ada iaitu bahagian tiga Akta Bank Negara Malaysia 1958 [Akta 519] perlu ditambah baik selaras dengan objektif di atas. Rang undang-undang ini dicadangkan untuk mula berkuat kuasa seiring dengan Bahagian VIII, Akta 701. Selain daripada Bank Negara Malaysia, aktiviti pemprosesan dan pengedaran mata wang ini semakin banyak dijalankan oleh pemproses mata wang yang terdiri daripada institusi kewangan dan syarikat-syarikat pembawa wang tunai atau, dengan izin, *cash in transit* ataupun kita sebut CIT.

Buat masa ini, BNM mendapati kualiti perkhidmatan mereka perlu ditingkatkan. Selain itu, ketiadaan peruntukan yang membenarkan BNM, institusi kewangan ataupun proses mata wang untuk menahan mata wang yang disyaki palsu menyukarkan usaha untuk menghalang pengedaran semula wang palsu kepada orang awam.

Justeru, peruntukan yang jelas berkenaan perkara ini adalah amat penting. Peningkatan dalam penggunaan tunai, permintaan atas mata wang peringatan dan mata wang

bernomor siri unik dan peranan institusi kewangan dan pemproses mata wang dalam pagedaran mata wang memerlukan pengemaskinian undang-undang supaya lebih responsif dan sejajar dengan perubahan landskap mata wang.

Berdasarkan kes-kes semasa, tindakan wajar perlu diambil bagi menangani peningkatan penggunaan wang tunai dalam kes-kes jenayah seperti rasuah dan penyalahgunaan kuasa. Trend yang sama dikenal pasti berlaku di luar negara dan hal ini telah mendorong kepada penetapan had transaksi tunai.

Beberapa kesalahan jenayah baharu serta hukuman yang sesuai akan dikenakan. Rang undang-undang-undang ini juga akan mengemas kini hukuman bagi kesalahan sedia ada dan memberikan kuasa kepada Bank Negara Malaysia untuk mengambil tindakan pentadbiran ke atas kemungkiran undang-undang oleh orang yang dikawal selia supaya tindakan dapat diambil dengan segera dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menghuraikan setiap bahagian dalam Rang Undang-undang Mata Wang 2019. Rang undang-undang ini mempunyai 70 fasal, dan 7 bahagian seperti berikut.

Bahagian I, merangkumi fasal 1 hingga 4 yang memperuntukkan tajuk ringkas akta, kuasa Menteri untuk meletakkan tarikh permulaan kuat kuasa akta, takrif ungkapan yang digunakan dalam akta dan pengisytiharan mana-mana orang sebagai institusi kewangan.

Bahagian II, merangkumi fasal 5 hingga 17 yang mengekalkan peruntukan yang relevan daripada Bahagian III. Akta 519 untuk tujuan kesinambungan pengurusan dan operasi mata wang.

■1530

Antaranya had salah laku, kuasa Bank Negara Malaysia untuk menjual mata wang bagi mempromosi seni *numismatic* dan memanggil balik mata wang dalam edaran bagi tujuan melucutkan status sah diperlakukan atau *demonetization*.

Bahagian III merangkumi fasal 18 hingga 22 yang memperuntukkan mengenai kesalahan-kesalahan berkaitan mata wang. Antaranya adalah larangan mengeluarkan mata wang atau apa-apa instrumen atau token yang menyerupai atau memiliki ciri-ciri wang yang sah diperlakukan. Kesalahan meleburkan mata wang syiling tanpa kebenaran bertulis Bank Negara Malaysia dan had transaksi tunai bagi mengekang eksploitasi transaksi tunai dalam kegiatan jenayah dan ekonomi gelap.

Bahagian IV merangkumi fasal 23 hingga 45 berhubung pengawal seliaan perniagaan dan aktiviti pemprosesan mata wang. Antaranya perkara yang perlu dipatuhi oleh pemohon bagi pendaftaran perniagaan pemprosesan mata wang dan pematuhan standard yang dibuat di bawah akta. Bahagian ini turut memperuntukkan kehendak penahanan wang yang disyaki palsu dan kuasa merekodkan maklumat peribadi orang yang wangnya ditahan. Bank Negara Malaysia diberi kuasa untuk memeriksa sebarang dokumen, akaun atau transaksi yang

berkaitan dengan perniagaan pemprosesan mata wang, pemproses berdaftar termasuk ejen mereka.

Bahagian V merangkumi fasal 46 hingga 58 berkaitan penguatkuasaan. Antaranya BNM boleh mengambil tindakan pentadbiran jika pemproses berdaftar institusi kewangan atau sesiapa yang terlibat dalam pengurusanannya melakukan kemungkiran.

Bahagian VI merangkumi fasal 59 hingga 68 yang mengandungi peruntukan-peruntukan am termasuklah kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan atas syor BNM dan kuasa BNM mengeluarkan standard kepada pemproses berdaftar dan institusi kewangan.

Bahagian VII merangkumi fasal 69 dan 70 yang memperuntukkan mengenai kecualian dan peralihan mana-mana orang yang telah menjalankan perniagaan pemprosesan mata wang sebelum tarikh kuat kuasa akta boleh meneruskan perniagaan itu bagi tempoh enam bulan dari tarikh kuat kuasa akta atau apa-apa tempoh lain yang ditentukan oleh BNM.

Jadual Pertama menyatakan orang yang diisytiharkan sebagai institusi kewangan. Manakala Jadual Kedua, menyatakan had bagi mata wang yang sah diperlakukan dan had bagi transaksi tunai.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada siapa menyokong?

Timbalan Menteri Pertahanan [Tuan Liew Chin Tong]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pengurusan mata wang Malaysia, pengawalseliaan, perniagaan, pemprosesan mata wang dan aktiviti pemprosesan mata wang dan bagi perkara yang berkaitan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Ada di sini ada lebih kurang enam ke tujuh orang Ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap.

Saya mulakan dengan Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad.

3.34 ptg.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan tahniah saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan di atas pembentangan suatu akta bagi mengawal selia dan menguatkuasakan suatu bentuk peraturan bertulis dalam siri perundangan Malaysia. Pembentangan RUU ini amat bertepatan sekali kerana dengan perkembangan teknologi terkini dan akses kepada capaian peralatan cetakan komputer moden menyebabkan kes-kes jenayah, duit palsu atau *scam black money* dapat dikawal dan dibendung dengan cekap.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan fasal 25 dan 26, kerajaan menetapkan Bank Negara Malaysia menetapkan beberapa kaedah dan penetapan agar individu atau syarikat yang terlibat dengan industri mencetak mata wang dikawal. Persoalan yang ingin saya kemukakan adalah pertama, sejauh manakah langkah-langkah dan usaha yang diambil ketika ini agar satu mekanisme kawalan dilakukan secara bersepadu dengan pelbagai agensi agar import atau kemasukan mesin-mesin cetak berteknologi tinggi tidak digunakan untuk membuat cetakan mata wang.

Keduanya, bagaimana langkah dan kawalan yang akan dilakukan ke atas individu yang mempunyai kemahiran dan keupayaan dalam mereka bentuk *design* mata wang ini dikawal agar kes-kes pemalsuan wang dapat dikawal sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam seksyen 16 RUU ini, kerajaan memperuntukkan bahawa Bank Negara Malaysia akan membuat bayaran balik ke atas mana-mana wang kertas atau wang syiling yang mengalami ketidaksempurnaan, rosak atau lusuh dan syiling yang telah di *beggar* ataupun *tamped* dalam bahasa Inggerisnya, sekiranya ianya dipulangkan kepada Bank Negara Malaysia. Sekarang ini, banyak wang kertas yang tidak sempurna seperti wang koyak tetapi disambung dengan *sellotape* misalnya dan wang syiling berkarat perlulah dikeluarkan dalam edaran pasaran awam.

Justeru, saya mohon penjelasan bagaimana Bank Negara Malaysia mempermudah kaedah bagi menukar wang tidak sempurna atau lusuh ini agar ianya memudahkan orang awam yang berhadapan dengan pemilikan wang yang tidak sempurna dan lusuh ini. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya minta pula Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat.

3.38 ptg.

Puan Hajah Sabani binti Mat: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Pertama kali saya menyambut baik serta mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kewangan di atas penggubalan dan pembentangan rang undang-undang ini kerana melibatkan soal pengurusan, pengawalseliaan, aktiviti perniagaan, pemprosesan dan hal-hal lain yang berkaitan dengan mata wang Malaysia.

Bagi saya, rang undang-undang mata wang ini sangat unik dan sentimental. Malaysia pernah mengguna pakai pelbagai mata wang suatu ketika dahulu seperti wang kertas Estet *Constantinople*, duit pokok pisang, *Malayan Dollar* dan seterusnya RM.

Saya mencadangkan agar istilah mata wang sahaja dimasukkan di dalam fasal 2 yang mentakrifkan beberapa perkataan dan ungkapan yang digunakan di dalam akta ini. Setelah kita merdeka, Malaysia mempunyai mata wang sendiri susulan dengan penubuhan Bank

Negara Malaysia pada tahun 1959. Kemudian Bank Negara Malaysia mempunyai mandat untuk mengawal selia aktiviti berkaitan mata wang, maka dengan itu menamatkan penggunaan *Malayan Dollar* dan memperkenalkan mata wang sendiri pada tahun 1966. Keadaan ini sedikit sebanyak melambangkan kejutan patriotisme negara.

Saya juga berharap agar Bank Negara Malaysia dapat memikirkan satu solusi yang ampuh untuk mengukuhkan nilai tukaran mata wang ringgit kita berbanding negara lain kerana dalam tempoh 2 Januari 2019 hingga 2 Disember 2019, kita dapati berlaku kejatuhan dalam nilai mata wang kita. Misalnya untuk USD1, pada Januari tahun ini bersamaan RM4.13 jatuh kepada RM1.7. Begitu juga dengan GBP1 bersamaan RM5.26 pada Januari jatuh kepada RM5.39.

■1540

Begitu juga kalau kita bandingkan dengan *Japanese Yen*, untuk setiap RM100 bersamaan 3.78 jatuh kepada 3.81 dan tidak terkecuali juga dengan *Baht Thailand*. Saya juga ingin menitikberatkan tentang standard kualiti dan faktor keselamatan mata wang Malaysia sebagaimana yang telah digariskan oleh Bank Negara Malaysia.

Saya percaya tahap kualiti dan keselamatan wang Malaysia sentiasa dikawal bagi mengelakkan eksploitasi pelbagai pihak yang tidak bertanggungjawab. Dalam hal ini, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri beberapa kes penangkapan warga asing Afrika yang mendalangi sindiket *black money* atau wang palsu di Malaysia. Adakah mereka mempunyai rangkaian tertentu kerana perkara tersebut sering kali dilakukan oleh warganegara yang sama. Adakah kementerian mempunyai statistik semasa tentang penangkapan sindiket wang palsu ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin bertanya mengenai perkara berkaitan dengan soal melucutkan status sah diperlakukan mata wang kita. Transaksi tunai memudahkan seseorang mengelak pembayaran cukai yang sepatutnya dengan melaporkan pendapatan dari yang sepatutnya atau pun dengan melaporkan pendapatan yang kurang daripada jumlah pendapatan yang sebenar.

Ini banyak dilakukan oleh peserta ekonomi gelap yang menyebabkan kehilangan hasil cukai kepada kerajaan dan mengurangkan daya saing kepada perniagaan yang sah. Terdapat kes-kes yang menunjukkan peningkatan penggunaan wang tunai terutamanya didominasi yang tinggi oleh suspek jenayah terutamanya dari tujuan kegiatan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan pemerdagangan manusia.

Ekoran itu, saya ingin bertanya beberapa perkara. Adakah Bank Negara bercadang untuk menarik balik dari edaran yakni melucutkan status sah diperlakukan sebarang dominasi wang seperti yang dilaksanakan oleh negara India.

Bagaimanakah Bank Negara akan memastikan kelancaran proses penukaran wang yang dilucut status sah diperlakukan? Apakah nilai wang yang telah dilucutkan status sah diperlakukan akan luput jika tidak ditukarkan di dalam tempoh yang ditentukan?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya telah tular pada bulan lalu kenyataan seorang profesor dari Pusat Pengajian Sains Farmasi USM yang mendakwa menerima maklumat daripada pihak industri penghasilan mata wang Malaysia yang mengatakan mata wang Malaysia mengandungi lemak babi.

Adakah betul atau tidak? Minta penjelasan daripada pihak kementerian. Adakah sudah terdapat langkah yang diambil oleh mana-mana pihak untuk mengkaji perkara ini kerana ia melibatkan soal hukum. Adakah ia satu yang tidak dapat dielakkan atau juga merupakan satu keperluan mendesak?

Saya mahu perkara ini disegerakan untuk mengelakkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat khususnya masyarakat Islam. Oleh sebab itu, kenyataan-kenyataan daripada orang-orang tertentu sama ada pihak yang berkuasa, pihak yang berkepentingan, pihak kerajaan mestilah berhati-hati dalam membuat kenyataan ini. Ini kerana ia boleh meresahkan rakyat di peringkat bawah.

Isu yang akhir yang ingin saya kemukakan ialah berhubung dengan masalah berhubung dengan *Foreign Exchange* ataupun *Forex*. Pasaran ekuiti dalam dunia setiap hari sebanyak RM1 trilion diniagakan. Akan tetapi pasaran *Forex* adalah sebanyak RM5 trilion sehari. Buat masa ini, negara Singapura telah mengiktiraf *Forex*. Begitu juga dengan Indonesia malahan negara Thailand pula di dalam proses untuk mengiktirafnya.

Adakah pihak kementerian bercadang untuk mewujudkan satu rang undang-undang berkaitan mata wang *crypto* serta *Forex* ini kerana di Malaysia hanya Bank Negara Malaysia serta bank-bank yang lain hanya dibenarkan untuk melakukan hal-hal yang sedemikian manakala bagi individu tidak dibenarkan untuk melakukannya. Tuan Yang di-Pertua, sekian. Saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua:Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin. Silakan.

3.45 ptg.

Puan Asmak binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Sebelum saya mulakan perbahasan, saya hendak membuat pengakuan bahawa saya bukan *lawyer*. Jadi oleh kerana itu Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau ada soalan saya kekampungan, saya minta maaf. Okey, pertama saya hendak bertanya fasal 2 ini berkaitan dengan tafsiran aktiviti pemprosesan mata wang.

Apabila saya baca di sini, ia tidak ada perkataan mencetak itu. Jadi, adakah maksudnya pengisihan dan pembungkusan ini termasuk dalam perniagaan mencetak. Oleh

sebab apabila saya bercakap dengan Yang Berhormat Senator yang lain pun, mereka kata mata wang ini berkaitan dengan percetakan. Jadi kita faham secara umumnya kena ada perkataan mencetak.

Seterusnya apabila kita baca fasal 2(b) itu, maksudnya mungkin dia boleh merangkumi beberapa pekerjaan lain yang berkaitan dengan pemprosesan mata wang. Jadi, apakah pekerjaan-pekerjaan yang tertakluk di bawah tafsiran ini?

Seterusnya dalam fasal 11(1) disebutkan tentang mempromosikan ilmu numismatik. Oleh sebab kalau kita tengok dalam asas-asas pertimbangan rang undang-undang ini, dinyatakan bahawasanya Bank Negara Malaysia akan mempromosikan seni numismatik ini setaraf dengan amalan bank pusat yang lain. Jadi, persoalannya adalah, adakah semua aktiviti numismatik ini perlu mendapatkan kebenaran Bank Negara Malaysia dan bagaimana pula aktiviti ini dilakukan secara *online* oleh individu-individu sebab saya ada kawan-kawan yang memang kerjanya begini.

Seterusnya saya ingin juga bertanya tentang fasal 11(2) hasil daripada jualan mata wang kertas atau mata wang syiling ini. Oleh sebab dalam Islam ada konteks e-riba dan sebagainya. Jadi macam mana dari segi kepatuhan syariah itu?

Seterusnya saya ingin bertanya kepada fasal 37 berkaitan dengan penahanan mata wang yang disyaki palsu. Maknanya di sini bank ataupun pemproses mata wang ini boleh menahan apa-apa mata wang kertas atau mata wang syiling yang dikemukakan. Bagaimana pula dalam kes kalau sekarang ini kita nampak ada *viral* contohnya wang palsu di internet. Boleh tidak mereka ada kuasa untuk menahan dan sebagainya?

Seterusnya pada fasal 40 ini, mata wang terus menjadi harta orang daripadanya mata wang ditahan jika mata wang adalah tulen. Fasal ini apabila wang itu ditahan tetapi kemudiannya didapati tidak palsu, maka dipulangkanlah. Jadi, bila fasal ini ada, saya tertanya-tanya adakah pernah kita ada kes macam ini? Maknanya kita tahan dan kemudiannya didapati ia tidak palsu. Seterusnya ia mungkin berkaitan dengan SOP kecekapan dan sebagainya.

Seterusnya fasal 44 berkaitan dengan 44(a) membenarkan akses kepada apa-apa dokumen. Adakah membenarkan akses ini termasuk dengan proses siasatan yang terkini yang melibatkan forensik IT seperti *hacking*, *intersection*, *stalking* dan sebagainya yang dilakukan oleh forensik IT. Adakah termasuk juga?

Seterusnya dalam fasal 44(b) ini kita ada sebut harta. Harta di sini adakah termasuk harta peribadi ataupun harta yang dikaitkan dengan sesuatu pertubuhan ataupun transaksi berkaitan dengan pemprosesan harta sahaja.

Seterusnya saya ingin bertanya tentang fasal, sekejap. Banyak sangat fasal. Saya hendak bertanya juga tentang Jadual Kedua itu mengenai 25 keping syiling itu. Saya ingatkan saya seorang yang tidak faham iaitu pada Jadual Kedua ini had sah diperlakukan ini. Mata

wang syiling adalah sah diperlakukan bagi pembayaran apa-apa amaun sehingga nilai agregat 25 keping mata wang syiling dalam apa-apa pembayaran tunggal.

Jadi apa maksud di sini? Saya pun tidak sempat hendak tengok *Hansard* dekat Dewan Rakyat. Disebutkan kalau berlaku pemungkiran itu, ia dikenakan maksimum jangan tiga kali ganda. Apakah asas dalam tiga kali ganda tersebut? Seterusnya saya tertarik juga dengan fasal 57.

■1550

Saya rasa seksyen 57 ini adalah satu yang bagus juga kerana melibatkan penyelesaian luar mahkamah. Jadi maknanya di sini, Gabenor boleh membuat kompaun. Jadi, apakah kesalahan yang boleh kompaun ini? Sebenarnya apakah hasrat suci yang berkaitan dengan kewujudan seksyen 57 ini.

Okey, berkaitan dengan- saya tidak jumpa pula satu seksyen ini. Berkaitan dengan seksyen 18, berkaitan dengan larangan mengeluarkan, mencetak atau menempa mata wang. Tadi disebutkan berkaitan dengan *black money*, jadi saya ingin dapat penjelasan adakah peningkatan kes *black money* ini berlaku di Malaysia dari setahun ke setahun ataupun semakin menurun? Apakah keberkesanan untuk mengawal jenayah yang melibatkan rentas sempadan, berkaitan dengan ini. Sebab saya dapati banyak kes. Seterusnya, sejauh mana *business* yang seperti ini boleh menjejaskan ekonomi di Malaysia?

Seterusnya, untuk seksyen 18(2). Di sini ditulis berkaitan dengan nota, syiling, token, dokumen tetapi di sini ada dituliskan juga dokumen atau instrumen itu. Jadi di sini, adakah ia termasuk *eWallet*? Dari segi *eWallet* ini saya ingin dapat penjelasan berkaitan dengan kontrak yang terlibat dalam *eWallet*. Boleh atau tidak macam *eWallet* ini dibuat keuntungan daripada duit yang disimpan oleh pelanggan dan dari segi isu patuh syariah itu bagaimana?

Jadi, saya rasa mungkin setakat itu sahaja- oh, ada satu lagi iaitu pada seksyen 19, berkaitan dengan seksyen 19b berkaitan dengan tidak membenarkan untuk menerbitkan kembali macam sesuatu gambar, lukisan mata wang kertas atau mata wang syiling dalam apa-apa saiz, skala atau warna. Mana-mana bahagian daripadanya dalam apa-apa saiz, skala atau warna dan siapa yang membuat kesalahan ini akan dikenakan denda tidak melebihi sebanyak RM50 ribu. Jadi soalan saya ialah yang pertama, kalau orang gunakan untuk tujuan pengiklanan- macam sekarang kita ada iklan yang dibuat oleh penjual *online* dan sebagainya tanpa kebenaran sebab dia kena mohon kebenaran bukan? Kalau filem biasa mohon kebenaran tetapi kalau iklan-iklan begitu yang dilakukan oleh peniaga *online* kecil, jadi bagaimana dengan kes begini?

Seterusnya, kita tengok juga bagaimana penyelarasan seksyen ini dengan seksyen 489 Kanun Keseksaan. Sebab kalau dalam seksyen 489, dia punya hukuman itu adalah lain berbanding dengan sejumlah RM50 ribu ini. Seterusnya, ahli-ahli numismatik juga ingin

bertanya kalau mereka ingin mengeluarkan buku- jadi sebab kita ada garis panduan yang diletakkan oleh Bank Negara Malaysia.

Jadi, macam mana kita hendak mengelakkan supaya buku-buku yang dikeluarkan oleh mereka ini tidak dikeluarkan secara haram. Sebab kita ada peraturan tertentu dan saya percaya rang undang-undang ini masih mengguna pakai garis panduan bank negara tersebutlah.

Jadi, saya rasa setakat itu sahaja. Jadi, harap penjelasan. Sekian terima kasih, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Asmak. Banyak soalan-soalan yang baik.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas Achyuthan Nair, dipersilakan.

3.53 ptg.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih bagi saya peluang untuk berbahas RUU Mata Wang 2019, *in fact* saya baru, selepas tiga Senator wanita membahas, baharulah dapat peluang. Ini bermakna wanita lebih prihatin tentang mata wang kita [*Ketawa*]

Tahap kes pemalsuan wang ringgit ataupun *fake note* belum pun sampai ke tahap kritikal di mana ringgit harus di pupus nilai atau *demonetize* seperti yang pernah berlaku di beberapa negara lain. Pupus nilai mata wang adalah lebih kepada sebab duit hitam- *black money*, di mana wang boleh diperoleh secara haram atau sah di sorot- *hoarding*, dan digunakan untuk perniagaan dan kegiatan haram.

Saya tertarik dengan Bahagian VIII, Akta 701 rang undang-undang yang dicadangkan bahawa penggunaan wang tunai yang meluas dan meningkat akan memberi cabaran baharu kepada Bank Negara Malaysia untuk membendung penggunaan wang tunai bersabit kegiatan jenayah terutamanya kegiatan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan memperdagangkan manusia.

Fasal 21 mengenai had transaksi tunai diwujudkan bagi mengekang eksploitasi transaksi tunai yang sukar dikesan dalam kegiatan jenayah dan aktiviti ekonomi gelap. Rang undang-undang ini pada asasnya menetapkan had bayaran tunai dan memperkenalkan kesalahan bagi entiti yang membuat atau menerima pembayaran tunai lebih daripada jumlah yang dibenarkan atau lebih. Ini pada saya inti pati penting kepada Rang Undang-undang Mata Wang 2019.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 42 memberi kuasa kepada Bank Negara Malaysia untuk menyiasat sebarang dokumen, akaun, proses atau transaksi dan bertindak sebelum kegiatan penggubahan wang rasuah dan jenayah berleluasa sehingga keselamatan negara terancam.

Jangan pula pihak Bank Negara Malaysia abaikan dalang-dalang di mana wang perolehan mereka secara haram dihantar ke luar negara secara mudah tanpa melalui bank yakni melalui operasi pengurup wang.

Pengaliran wang keluar dari negara melalui penggubahan wang haram merupakan satu isu yang agak serius. Ada yang mewujudkan akaun luar pesisir- *offshore* untuk elak daripada membayar cukai atau dikesan aktiviti haram mereka. Jumlah wang ini mungkin tidak dapat mengalir semula dalam pasaran tempatan akibat penjenayah cenderung menyimpan wang perolehan mereka dalam mata wang lain.

Terdapat juga kes-kes yang menunjukkan peningkatan penggunaan wang tunai terutamanya oleh perasuah dan penjenayah. Ini banyak dilakukan oleh peserta ekonomi gelap yang menyebabkan kehilangan hasil cukai kepada kerajaan dan mengurangkan daya saing kepada perniagaan yang sah. Pemantauan pengeluaran wang secara haram boleh mengurangkan kes rasuah dan jenayah serta mencegah pembiayaan keganasan di dalam dan di luar negara. Ekonomi hitam- *black economy* menyebabkan transaksi jumlah wang tunai yang besar tidak bermakna dan tidak dapat dikesan.

Bagi peniaga pula, mereka mudah membuat laporan palsu pendapatan mereka. Amalan ini mempunyai kesan negatif yang mendalam terhadap perniagaan yang mematuhi undang-undang dan yang patut membayar cukai mereka.

Had pembayaran tunai menghantar isyarat kuat kepada masyarakat bahawa kerajaan akan melindungi hak-hak perniagaan yang jujur dari persaingan yang tidak adil dari mereka yang ingin mengelakkan daripada kewajipan mereka sebagai warga yang taat setia. Had pembayaran tunai bukan sahaja menyasarkan mereka yang mengelakkan cukai mereka tetapi lebih penting lagi ia membantu memerangi sindiket jenayah terancang.

Kumpulan ini menggubah wang tunai daripada hasil perubatan jenayah seperti penjualan dadah dan lain-lain jenayah serius melalui ekonomi yang sah. Had tunai ini akan menjadikan ia lebih sukar untuk mereka melakukannya. Kerajaan harus menyampaikan mesej yang keras kepada komuniti dan sindiket penjenayah bahawa menggunakan wang tunai untuk mengelakkan daripada tanggungjawab dan berpotensi lebih dalam aktiviti jenayah adalah melanggar undang-undang. Kerajaan mempunyai tanggungjawab untuk membanteras ekonomi hitam supaya wujud persekitaran yang lebih selamat dan adil kepada rakyat negara ini.

Dengan RUU ini, harap kerajaan komited untuk menyediakan landasan yang membolehkan mereka yang cenderung ke arah penipuan dan melakukan jenayah elat dan kegiatan.

Tuan Yang di-Pertua, setelah semak semua fasal-fasal dalam ini, memang ini adalah satu undang-undang yang ketat dan nampaknya ini adalah satu lebih kurang satu tindakan *strict liability offence* di mana pembuktian adalah atas responden.

■1600

Akan tetapi cuma satu sahaja di mana ada sedikit *ambiguity* iaitu seksyen 16, di mana mengatakan- mana-mana mengatakan seksyen 16(1), "*Tiada seorang pun berhak untuk mendapatkan kembali daripada bank nilai (a), (b) dan (c)...*". Okey dalam bahasa Inggeris, "*no person shall...*", *that means* ini adalah satu mandatori.

Akan tetapi (b) memberikan budi bicara, so yang mana satu? Satu kata tidak boleh, langsung tidak boleh tetapi yang (b) kata ada budi bicara. Ini memang ada masalah masa hadapan. So, ini saya pohon Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi sedikit penjelasan macam mana ini boleh dielakkan. Dengan ini saya memang sokong RUU Mata Wang 2019 diluluskan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat pandangan yang baik. Tadi Yang Berhormat menceritakan bahawa bertapanya wanita ini prihatinnya tentang wang seperti dia kata. Pada pendapat saya wanita ini anggap wang itu kekasihnya. Itulah ya, maaflah kalau saya silap ya. Bak kata orang Melayu tadi.

*Kalau tidur lurus terlentang;
Tidur berdengkur sebab letih;
Putus duit boleh berhutang;
Putus kasih susah nak boleh... [Tepuk]*

Ha, itu dia pada sudah. Putus kasih sudah hendak boleh ya. Terima kasih ya.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang, dipersilakan.

4.02 ptg.

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua untuk membenarkan saya untuk terlibat dalam perbahasan Rang Undang-undang Mata Wang 2019 yang baru sahaja dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, untuk perbahasan saya ini, saya tidak akan mengambil masa yang panjang kerana banyak poin yang lain telah dibahaskan oleh rakan Yang Berhormat Senator yang lain. Akan tetapi saya ingin membawa satu isu sahaja iaitu semasa taklimat mengenai rang undang-undang ini saya telah bertanya tentang berapa jumlah wang yang dalam sirkulasi ataupun telah dicetak dan masih diruang legar ekonomi dan sebagainya.

Jawapan yang saya terima adalah RM110 bilion. Jadi ini adalah satu jumlah yang amat besar dan ini juga membimbangkan saya kerana besar kemungkinan *cash* yang dalam sirkulasi ini boleh juga sedang *stockpile* dalam *black economy*.

Jadi, apakah cadangan ataupun cara kita untuk memastikan *stockpiling* ataupun *cash* yang ada sekarang ini yang boleh jadi dalam *black economy* ini daripada digunakan terus

untuk medium untuk mendanai keganasan dan sebagainya. Jadi mungkin salah satu daripada caranya adalah kita menukar siri mata wang. Jadi ingin saya bertanya kepada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga Bank Negara adakah kerajaan akan berhasrat untuk menukar siri untuk memastikan apa sahaja mata wang yang ada dalam sirkulasi itu tidak ada nilai lagi dan kita *start from new* lah.

Memandangkan kita telah digegarkan dengan pelbagai skandal sebelum ini di rejim yang lalu, besar kemungkinan wang-wang ini sedang berada di sana. Jadi saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah kita ada rancangan untuk menukar siri mata wang bagi melindungi mata wang kita, ringgit ini. Begitu juga bagaimana kita mahu memantau di mana trend semasa ini kita banyak mendengar tentang *cryptocurrency*. *Cryptocurrency* ini juga adalah satu medium yang kita boleh gunakan untuk membawa nilai dari satu poin ke satu poin tetapi selalunya mereka juga akan menggunakan ringgit ataupun *cash* ini sebagai satu medium.

Ini termasuklah juga seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas tadi berkenaan dengan pengurup-pengurup wang sebab mereka juga banyak menyimpan *cash* kita sebenarnya. Jadi saya juga amat khuatirlah bagaimana kita mahu membendung *cash* ini daripada terus masuk ke *black economy* dan juga digunakan untuk aktiviti-aktiviti yang tidak sesuai dan membahayakan kepada pihak negara kita.

Isu yang juga saya ingin bawa di sini adalah berkenaan dengan Bahagian III iaitu berkaitan dengan mata wang ini. Yang Berhormat Senator Puan Asmak juga ada timbulkan berkenaan dengan penggunaan imej dan juga mata wang ini. Oleh sebab saya amat khuatirlah sebab kalau kita di sini di bilang reproduksi wang ini dilarang semua imej mata wang dalam apa-apa bentuk pun, tidak boleh digunakan. Jadi bagaimana syarikat media ataupun syarikat percetakan ini dapat memenuhi keperluan seksyen ini. Jadi adakah pihak Bank Negara ataupun kementerian mempunyai satu garis panduan ataupun pengecualian, macam mana kepada penggunaan-penggunaan ini? Jika ada kebenaran bagaimana kita mahu *enforce* ataupun menguatkuasakan undang-undang ini.

Akhir sekali saya juga berpendapat bahawa had transaksi ini harus dikawal dan saya menyokong penuh usaha ini sebab had transaksi ini sangat efektif dalam membendung pergerakan wang dalam jumlah yang besar. Jadi cuma persoalannya kita tidak nyatakan di sini berapa hadnya.

Jadi saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apa had yang telah dipersetujui oleh pihak kementerian untuk memastikan ini? Jadi dengan ini saya akhiri perbahasan saya ini dengan menyokong rang undang-undang ini. Sekian, dan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang dan kita sambung pula dengan Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid. Silakan. Ada lagi sesiapa boleh- hendak bercakap boleh lagi ya. Sambung.

4.07 ptg.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Pakatan Harapan hari ini kerana banyak rang undang-undang yang disemak, dikemas kini supaya memberi manfaat dengan perubahan, cabaran terutamanya pada Rang Undang-undang Mata Wang 2019 ini.

Saya berfokus kepada tiga isu, yang pertama tentang kualiti mata wang RM1 dan RM5. Kalau kita tengok wang ini menggunakan polimer, dia agak macam plastik sedikit tetapi kualitinya agak mudah ataupun tidak tahan dengan haba.

Pernah saya mengalami duit RM5 ini terkena *iron* dalam baju terus renyuk seribu, tidak boleh pakai. Adakah kerajaan bercadang duit RM1 dan RM5 ini boleh ditingkatkan menjadi macam duit RM50 ya, lebih tahan lasak dan mutu yang lebih tinggi.

Kedua dalam bercerita tentang kualiti duit juga, saya mencadangkan supaya ada satu standard yang tinggi tentang duit *note* kita. Mungkin sekarang macam di Kelantan asyik banjir sahaja, mungkin duit tahan banjir...

Datuk Ng Chiang Chin: Oh, *waterproof*.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Ha, *waterproof* yang lebih tinggilah, dalam air pun boleh kita cari, ada sistem macam ada boleh *scan* sebab orang kampung ini suka simpan duit bawah bantal, bawah katil, bila hanyut habis hilang. Maknanya apakah kaedah untuk mengesan kualiti wang ini. Begitu juga kualiti wang siling. Adakah wang siling ini tahan bakar?

Datuk Ng Chiang Chin: *Fireproof*.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Banyak sangat kes terbakar ini, itu saya katakan orang simpan duit dalam tabung, maka saya mohon penjelasan tentang kualiti wang siling. Apakah kerajaan menyediakan suatu langkah yang baik bagi wang siling ini? Kemudian yang kedua, mata wang *crypto* ataupun *digital money*. Saya dimaklumkan Bank Negara tidak mengiktiraf wang *crypto* ini, namun dibenarkan didagangkan sebab terdapat syarikat-syarikat yang bertapak ataupun beroperasi di dalam negara tetapi *businessnya* di luar negara.

■1610

Kita tidak dapat kawal dari segi manipulasi duit-duit digital ini. Begitu juga syarikat yang berada di luar negara membuat operasi di dalam negara kita. Sejauh manakah kawalan Bank Negara terhadap mata wang *crypto* ini?

Ketiga, apakah cadangan kerajaan terhadap pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang dulu mencadangkan tentang mata wang berasaskan emas. Mungkin kalau kita lihat kerajaan perlu mewujudkan satu mata wang emas untuk rakyat boleh menyimpan sebab kalau kita tengok rakyat suka menyimpan duit. Di bank mungkin dapat sedikit kadar faedah tetapi sesetengah masyarakat kita masih suka menyimpan duit di rumah.

Kalau disimpan duit *note* RM500, zaman dulu boleh beli seekar tanah pada tahun 60-an, 70-an. Sekarang duit yang sama besarnya nilai pada masa itu, simpan RM500 dapat selori tanah merah sajalah.

Dari sini, bagaimana alternatif supaya masyarakat menyimpan duit nilai RM500 tetapi nilainya besar sebab ia berasaskan emas berbanding pada masa sekarang nilai RM500 tidak ada apa nilai. Itu yang saya berharap, apakah langkah kerajaan terhadap mata wang emas sebab kita melihat pada tahun 1997, kita telah mengalami serangan ekonomi dan kejatuhan nilai ringgit yang sangat tinggi.

Akhir sekali, saya menyokong Rang Undang-undang Mata Wang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada lain-lain lagi sebelum saya serahkan kepada Yang Berhormat Menteri. Tidak ada ya?

Sekarang saya jemput, minta Yang Berhormat Menteri menjawab. Silakan.

4.11 ptg.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Terima kasih semua Yang Berhormat Senator yang mengambil bahagian dalam perbahasan. Ada seorang itu sebut kata dia bukan *lawyer*, nasib baik tidak *lawyer*. Kalau dia *lawyer*, tidak tahulah dia tanya pun saya tengok dah tebal ini dah dia tanya tu [*Ketawa*]

Saya bermula dengan Yang Berhormat Senator Datin Rahimah. Sejauh manakah langkah yang diambil agar mesin cetak berteknologi tinggi tidak digunakan untuk mencetak wang palsu? Kalau dulunya kena buat *special machine*, sekarang ini *high quality printer* yang ada itu boleh mencetak dan nampak memang dari segi pandangan mata itu ia macam *real* kecuali mungkin yang akan membezakannya ialah *the paper itself* dan juga *security* punya *features* yang ada dalam wang kita yang menyebabkan kita tahu bahawa sebenarnya itu adalah wang palsu.

Sebenarnya kawalan import mesin adalah di bawah Akta Kastam. Walau bagaimanapun seperti saya sebut tadi Yang Berhormat Senator, wang kertas Malaysia dilindungi oleh ciri-ciri keselamatan khas dan unik yang tidak boleh ditiru oleh mesin cetak. Ciri keselamatan seperti benang keselamatan yang berubah warna, tanda pandang telus, potret tanda bayang, unsur cahaya pendarfluor dua warna dan sebagainya. Bila saya sebut pun sebenarnya saya pun tidak tahu apa *features* ini. Akan tetapi *these are the features* yang ada yang akan menyebabkan kita dapat ini.

Untuk makluman, semasa saya menjawab di Dewan Rakyat, saya ingat mungkin tidak ada di sini. Bagi setiap satu ribu atau satu juta wang *in circulation*, peratus wang palsu yang ada kita punya adalah antara yang paling rendah berbanding dengan negara-negara lain. Jadi *benchmark*-nya apa yang saya hendak sebutkan ialah *security features* kita itu mencukupi dan

berkesan sehingga peratusan setiap seribu atau satu juta duit keping yang sedang beredar itu peratus yang palsu itu adalah terlalu rendah.

Saya tidak dapat hendak sebutkan fakta tetapi dulu disebut, yang saya hendak sebutkan ini maknanya *features* kita itu adalah *features* yang menyebabkan sukar untuk mereka membuat, meniru dan sebagainya. Jadi Yang Berhormat Senator Datin Rahimah, kalau dia bawa masuk *printer* yang elok pun tetapi tidak mempunyai *features* yang lain, memang kita akan dapat mengesan perkara tersebut.

Bagaimanakah Bank Negara mempermudah urusan penukaran wang lusuh dan tidak sempurna bagi orang awam? Jadi orang awam boleh membuat penukaran wang lusuh, tidak sempurna dan rosak di mana-mana bank komersial, tidak semestinya datang ke Bank Negara sahaja. Mana-mana bank komersial, mereka boleh pergi dan tukar wang yang lusuh, yang tidak sempurna dan rosak ini dan *of course* selain daripada mana-mana cawangan bank komersial, juga di pejabat Bank Negara yang kita ada di Pulau Pinang, di Kuala Lumpur, di Sarawak, Sabah- Bank Negara punya cawanganlah. Di Pantai Timur ada, di Johor pun ada.

Tuan Manolan bin Mohamad: Yang Berhormat Menteri, boleh mencelah Yang Berhormat Menteri?

Timbalan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Manolan bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, di sini Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Ya.

Tuan Manolan bin Mohamad: Saya menarik perhatian dengan ucapan Menteri tadi berkenaan dengan wang rosak ini di bank. So, ada pengalaman kawan-kawan ini yang tukar duit rosak dan koyak ini, bank tidak terima. Ada juga bank yang terima tetapi dia ambil separuh harga. Jadi adakah pihak Kementerian Kewangan bercadang untuk dikeluarkan sekular kepada semua bank komersial ini supaya ada standard, *standardize*. Macam di kampung-kampung, untuk mereka hendak pergi ke Bank Negara ini jauh. Jadi adakah standard ataupun boleh dikeluarkan sekular kepada bank-bank komersial? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kalau kita boleh dapat maklumat secara terperinci yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, pertama, tidak mahu terima dan kedua, terima dan dia caj pula, ambil dan dia pulangkan separuh daripada nilai yang sebenarnya. Tolong berikan maklumat kepada kita sebab Bank Negara boleh bertindak kepada mana-mana bank komersial sebab mereka mesti menerima dan memulangkan balik mengikut nilai yang rosak tersebut. Jadi kalau ada kes yang sedemikian dan saya kira tidak perlu dikeluarkan sekular lagi sebab memang menjadi tugas ataupun mana-mana bank komersial ini untuk sebenarnya menerima itu Yang Berhormat ya.

Kemudian, sungguhpun kes-kes yang lebih rumit seperti wang terbakar ataupun wang yang dimakan anai-anai perlu dirujuk kepada Bank Negara Malaysia, namun orang ramai masih dapat menukarkannya menerusi bank komersial sebagai pihak pengantara yang saya

sebutkan tadi. Jadi yang itu memang boleh ditukar balik mana-mana yang rosak. Kita juga tahu bahawa *cash in transit*, proses mata wang ini- kalau kita tengok dalam industri ini sekarang, bank tidak lagi memainkan peranan untuk mengumpul wang-wang yang ada sama ada di kedai-kedai, *hypermarket* yang besar- yang ini dibuat oleh syarikat *cash in transit* yang saya sebutkan tadi itu. Mereka yang kumpul balik, kemudian mereka akan susun mengikut *denominator* yang ada dan memastikan bahawa semuanya adalah wang yang asli dan tidak palsu.

Kemudian menyusun dan contohnya yang *dok service ATM machines* ini adalah syarikat-syarikat ini *even over weekend* dan sebagainya. Sebahagiannya dalam *ATM machine* ini telah diletakkan *features* kalau wang tersebut hendak dikeluarkan dengan cara menggunakan *force*, bila orang hendak mencuri dan sebagainya, dia ketuk dan semuanya itu, sebahagiannya ada *security features* yang kita tengok nanti dakwat- *ink*, akan dikeluarkan yang menyebabkan rosak duit ataupun *cash* yang ada di dalam *ATM machine* tersebut.

Kalau kita tengok di-*viral*-kan itu, itu sebenarnya memang benar sebahagian daripada ATM mempunyai *features* yang sedemikian. Jadi kita tahu kalau duit itu diedarkan ataupun digunakan, itu adalah daripada dalam simpanan ATM yang kemudian cuba diambil ataupun sama ada berjaya atau tidak berjaya, maknanya duit itu akan rosak kerana didakwatkan dengan sedemikian rupa.

Langkah BNM dalam menangani mata wang palsu. Jadi kita kenalah- maknanya Bank Negara yang telah diberikan mandat untuk mengeluarkan mata wang sama ada kertas ataupun syiling, kita hendaklah *one step* ataupun dua *step* terkedepan daripada mereka yang dalam industri wang palsu ini. Jadi *features* kita itu.

■1620

Jadi, kita perlu tingkatkan ciri keselamatan pada wang untuk menyukarkan pengeluaran mata wang palsu. Jadi, mereka tengok *features* yang saya baca pada Yang Berhormat sekalian, dia tengoklah kalau macam ini *features* yang ada, sukar untuk dia nak tiru. Walaupun kalau boleh pun dia tiru, akan menyebabkan kos dia itu tinggi menyebabkan dia kata tak berbaloi untuk dia nak buat kerja yang tak senonoh ini.

Kemudian, menjalankan kempen kesedaran mengenai ciri-ciri keselamatan pada mata wang kepada orang awam melalui pendidikan kesedaran kepada pengendali wang tunai seperti peniaga di pasar malam, pendidikan mata wang kepada pelawat yang hadir di karnival yang kita buat semasa Minggu Amanah Saham, karnival kewangan dan sebagainya.

Aplikasi dalam talian yang boleh dimuat turun seperti MyRinggit dan orang awam juga boleh melayari laman sesawang BNM bagi mendapatkan maklumat mengenai ciri-ciri keselamatan yang ada ini. Pihak Bank Negara sentiasa bertukar maklumat berkenaan dengan penemuan mata wang palsu ini dengan pihak Polis Diraja Malaysia.

Kemudian- minta maaf, kalau saya tak pergi *in order* yang dibangkitkan. Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani telah bangkitkan tentang wang polimer yang dikatakan mempunyai DNA khinzir.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, wang polimer RM1 dan RM5- RM1, dan RM5 ini kita pakai wang polimer. Wang yang Yang Berhormat Senator Dato' Isa sebut tadi- agaknya bila Yang Berhormat Senator Dato' Isa nak guna duit ini, dia nak duit dia itu keras elok kan, itu yang dia seterika itu. Habis rosak. Wang polimer RM1 dan RM5 ini kita guna polimer sebab dia lebih tahan dalam edaran. Kita tahu RM1 dan RM5 ini memang edaran dia itu memang pantas bertukar tangan. Macam main badminton, servis bertukar tangan.

Kalau RM100, RM50 itu mungkin agak kurang sedikit, tapi RM1 dan RM5 ini proses pertukaran itu berlaku pantas dan cepat dan banyak kali. Jadi, *probability* untuk dia rosak itu akan lebih cepat. Sebab itu untuk RM1 dan RM5, kita guna wang polimer yang lebih tahan. Saya ingat empat kali lebih tahan daripada wang kertas biasa. Sebab itu kita guna wang polimer walaupun untuk *produce* dia itu lebih mahal daripada wang kertas biasa.

Ia tidak mengandungi mana-mana unsur lemak khinzir seperti yang didakwa. Bank Negara telah mendapatkan laporan terperinci daripada makmal bebas yang mengesahkan tiada sebarang unsur lemak haiwan dalam wang polimer. Perkara ini juga telah dirujuk kepada Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia yang bersetuju dengan penilaian bahawa wang polimer adalah bebas daripada sebarang kaitan dengan unsur lemak haiwan dan boleh digunakan tanpa waswas. Itu tentang wang yang dikatakan mempunyai DNA khinzir. Jadi, saya ingat mungkin pensyarah tersebut mungkin kita boleh rujuk balik dekat mana dia dapat maklumat dan sebagainya. Akan tetapi, kita telah menggunakan *lab* yang bebas dan didapati tidak ada unsur DNA khinzir di dalam wang tersebut.

Bagaimanakah Bank Negara Malaysia- Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani lagi- memastikan kelancaran proses penukaran wang yang dilucut status sah diperakukan? Seperti yang diperuntukkan dalam rang undang-undang ini, BNM hendaklah memberi notis tidak kurang daripada satu bulan dalam warta mengenai niatnya untuk berbuat demikian iaitu untuk memanggil balik mana-mana wang kertas atau mata wang syiling. BNM akan memberi notis tidak kurang satu bulan dalam warta niat untuk nak *call* balik wang tersebut.

Walau bagaimanapun, BNM hendaklah terus bertanggungjawab untuk membayar mana-mana mata wang kertas atau mata wang syiling yang diserahkan di pejabat bank atau di mana-mana agensi yang bank boleh, dari semasa ke semasa, ditubuhkan atau dilantik bagi maksud tersebut. Bagi notis sebulan, okey, dia orang datang kembalikan wang tersebut tapi mungkin ada yang tak tahu ataupun masih tersimpan ataupun si suami nak sembunyi duit itu daripada isteri, dia pun letak tempat yang sulit, sampai *last* sekali dia pun lupa dekat mana dan akhirnya terjumpa benda itu dan duit itu telah di-*recall* oleh bank, maka pada waktu-waktu mana pun

boleh kembali semula ke Bank Negara untuk dipulangkan untuk mendapatkan balik nilai yang tersebut.

Jadi, setakat ini, Bank Negara masih belum ada apa-apa niat untuk nak *recall* balik mana-mana duit atau wang *denominator* yang ada itu, kecuali mungkin kalau nanti ada sebab-sebab yang kita rasakan wajar untuk perkara tersebut di-*recall* balik. Contohnya ialah apabila *security features* kita itu sudah lagi tak dapat kita pertahankan, maknanya pihak sindiket ini mereka dah boleh sampai ke tahap sedemikian, mungkin pada ketika itu kita merasakan keperluan untuk kita *recall* dan buat *features* wang yang lebih baik yang menyebabkan mereka tak boleh nak tiru dan sebagainya.

Statistik tentang mata wang palsu. Kebanyakan kes *black money* ini merupakan kes berkaitan penipuan di mana mata wang tulen diwarnakan dengan dakwat hitam dan sindiket ini akan menunjukkan kepada mangsa dengan menyatakan bahawa mereka mempunyai dalam pegangan kuantiti yang banyak bagi mata wang sebegini rupa dan memerlukan dana bagi tujuan membeli bahan pencuci dakwat untuk mencuci mata wang tersebut. Sebenarnya hanya beberapa keping mata wang tulen sahaja yang digunakan sebagai bahan demonstrasi ditunjukkan kepada mangsa dan selebihnya adalah kertas berwarna hitam ataupun wang palsu.

Jadi, antara tangkapan yang pernah kita buat ialah pasangan kekasih dalam *black money* yang dicekup di Kuala Lumpur pada Oktober 2019 didalangi sepasang kekasih warga Afrika dalam serbuan di rumah premis perniagaan di Jalan Taman Ria, Taman Gembira baru-baru ini. Kemudian, wang palsu lebih RM1 juta dirampas dari ahli perniagaan dari Singapura yang terpedaya dengan Amerika Syarikat punya- ini RM70 ribu nilai *kot*. Pada April 2015, tiga lelaki warga asing yang dipercayai terbabit dalam sindiket *black money* ditahan polis selepas mereka memperdaya seorang ahli perniagaan dari Singapura sebanyak USD70 ribu untuk membeli cecair bahan kimia dan wang *black money*. Ini antara perkara-perkara yang telah berlaku.

Kemudian, ada tadi juga disebut tentang untuk syiling, disebut 25 keping. Had transaksi untuk penggunaan itu 25 keping. Akan tetapi untuk wang kertas tidak disebutkan. Had 25 keping itu kita sebut sebab dia menjadi suatu yang- maknanya kalau contohnya ada satu kes hari itu seorang hamba Allah ini didapati bersalah di mahkamah dan dikenakan hukuman untuk membayar- saya tak ingatlah. *Let say for argument sake*, dia kena bayar RM5,000. Jadi, dia marah...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta sekejap.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Ya, ya, ya.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Meneruskan apa yang telah saya terangkan tadi. Jadi, untuk syiling ini, memang hadnya telah kita tetapkan 25 keping sebab ada insiden sebelum-sebelum ini yang saya sebutkan dia didapati bersalah- contohnyalah *for argument sake*- dia kena bayar RM5,000. Dia hangat hati, dia cari duit syiling sen, 10 sen, 20 sen, 50 sen apa semua yang nilainya RM5,000 ataupun mungkin dekat-dekat itu, dia pergi lambak dekat ini untuk dia nak membayar kompaun ataupun kesalahan yang dia didapati bersalah itu.

Jadi dalam hal ini, bila kita dah ada peraturan ini, maknanya orang yang nak terima duit daripada itu boleh untuk tidak menerimanya kerana had maksimumnya ialah 25 keping syiling sahaja. Akan tetapi, kalau *willing giver*, *willing*- yang menerima dia bagi, yang bagi pun nak bagi sebanyak itu dan yang nak menerima pun dia kata okeylah, tak apalah, itu saya ingat lain ceritalah.

■1630

Akan tetapi kita yang hendak menerima ini, kita boleh kata, "*Saya hanya hendak terima 25 sahaja*". Maknanya itu- kalau kawan itu paksa juga, maka boleh diambil tindakan kepada mereka yang cuba memaksa untuk mereka berikan lebih daripada itu.

Bagi mata wang kertas ini, kenapa kita tidak sebut dalam jadual itu, adalah kerana Bank Negara selepas ini akan mendapatkan pandangan daripada orang ramai. Dalam Dewan Rakyat hari itu pun sama, kes ini dibangkitkan. Kononnya ada kenyataan daripada Bank Negara, mulai 1 hari bulan Januari 2020, *cash transaction limit* yang- bukan. Dipanggil apa, had... [Disampuk] Betul ya, CTL ya? *Cash transaction limit* yang dibenarkan adalah tidak melebihi RM25 ribu mulai 1 Januari 2020. Jadi, riu.

Sebenarnya, Bank Negara sedang dalam proses untuk mendapatkan pandangan daripada publik, orang ramai, daripada rakyat berapakah hadnya yang hendak kita letakkan mengambil kira yang dibahaskan tadi. Kalau kita tidak hadkan benda ini, maka tunai yang dalam ekonomi gelap, *grey economy* dan sebagainya ini akan digunakan untuk tujuan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan macam-macam lagi. Oleh sebab itulah kita dapati...

Puan Asmak binti Husin: [Bangun]

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Sekejap ya Yang Berhormat. Oleh sebab itulah kita dapati bahawa dalam kes-kes berprofil tinggi yang berlaku baru-baru ini seperti di Kota Kinabalu atau di mana, jumpa *cash* satu bilik penuh, sampai SPRM hendak kira dari tengah malam itu sampai keesokkannya, tidak habis lagi Tuan Yang di-Pertua. Kenapa terlalu banyak duit ini berlegar adalah kerana bila dia hendak beri rasuah, dia buat secara *transfer online*, semua itu *detectable*.

Jadi, yang mudahnya ialah beri tunai. Jadi, siapa pun tidak boleh hendak *trace*. Jadi bila kita ada perkara ini, kita letakkan limit ini. Sebenarnya Bank Negara Malaysia dalam

proses untuk mendapatkan pandangan daripada orang ramai. Ini kerana ada yang kata kami yang duduk di pedalaman yang berurusan banyak menggunakan duit, dengan bank yang sukar untuk kami sampai dan sebagainya. Ada yang mengatakan bahawa dalam industri *construction*, pembayaran yang dibuat kepada pekerja dan sebagainya adalah dalam bentuk tunai. Jadi kalau had RM25 ribu ini, kami ada masalah dan sebagainya.

Oleh sebab itu, Bank Negara akan mengeluarkan dan meminta pandangan daripada rakyat untuk kemudiannya kita menetapkan. Tetap memang hendak kena tetap, tetapi berapakah jumlahnya yang kita rasa *reasonable* agar tujuan asal untuk mengekang rasuah, penyalahgunaan kuasa dan sebagainya ini dapat kita lakukan. Dalam masa yang sama, tidak menyusahkan rakyat untuk berurusan menggunakan duit dan sebagainya.

Puan Asmak binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya cuma hendak tanya fasal 21(1) itu. Ini sebab kalau kita tengok dalam Jadual Kedua dinyatakan tadilah, tentang had wang syiling tetapi tidak dinyatakan had wang kertas.

Jadi sebab dia kata sini, "Tiada seorang pun boleh dalam satu transaksi tunggal membuat atau menerima apa-apa pembayaran menggunakan mata wang kertas, mata wang syiling atau kombinasinya yang melebihi nilai agregat maksimum dinyatakan dalam Jadual Kedua". Maknanya, adakah ini pernyataan terbuka sebab wang kertas kita tidak *mention* lagi ataupun macam mana ini dari segi pentafsirannya?

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Ya. Macam saya sebutkan tadi, syiling sudah kita tetapkan 25. Wang kertas belum lagi Tuan Yang di-Pertua. Ini sebab kita hendak dapatkan pandangan dari orang ramai dahulu. So bila sudah ada itu, kemudian kita akan masukkan sebab hendak masukkan bilangan itu kita tidak perlu datang semula ke Dewan Negaralah. Itu peraturan yang boleh ditetapkan dan Bank Negara akan masukkan bilangan tersebut apabila ia telah diberikan.

Banyak lagi ini. Sekejap ya. Pengukuhan nilai ringgit, sebenarnya saya pun sudah jawab semalam semasa dalam penggulungan di bawah Rang Undang-undang Perbekalan ini. Saya tidak berhajat untuk hendak mengulang semula. Ya, bagaimana syarikat media dan pengiklanan hendak buat kebenaran untuk menggunakan imej mata wang dalam iklan. Jadi, dia bukan hendak kata *definite no, no*. Maknanya kalau ini, perlulah memohon kepada Bank Negara dan Bank Negara akan lihat situasi.

Sekiranya hendak dibenarkan, tentunya ada beberapa syarat yang akan diberikan untuk memastikan bahawa- ya kah, seni *numismatic* yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi ialah suatu seni yang kita hendak teruskan, tetapi sudah tentu kena ada *some kind of control* dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat *probably in a nutshell*, lebih kurang saya sudah sebut. Jadi kalau tidak tersinggung mana-mana lagi yang dibangkitkan, saya mohon untuk menjawab secara bertulis. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Tuan Yang di-Pertua, mencelah sedikit. Yang Berhormat Menteri, tentang seksyen 16 itu. Penjelasan itu, ada pelanggaran subseksyen (1) dengan subseksyen (2).

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Oh, ya, ya. Sementara dia kata tidak boleh langsung, kemudian keduanya dikatakan- okey. "*Tidak seorang pun berhak untuk mendapatkan kembali daripada bank nilai (a) apa-apa wang kertas dan sebagainya.*" *No one shall* ya. Kemudian dalam subseksyen (2), "Walau apa pun subseksyen (1), bank boleh mengikut budi bicaranya membayar balik".

Jadi saya pun bukan *lawyer*, Yang Berhormat *lawyer*-lah. Nasib baik saya pun tidak *lawyer*- sampai sudah... [*Dewan ketawa*] Seksyen 16(1) menekankan bahawa tidaklah menjadi tanggungjawab BNM untuk memberi nilai gantian bagi wang yang sudah rosak ataupun cuba dirosakkan. Namun begitu, BNM mempunyai budi bicara untuk memberikan nilai gantian berdasarkan keadaan dan tahap kerosakan wang tersebut. Boleh Yang Berhormat, ya?... [*Disampuk*] Sama juga? Tidak tahulah. Ini sahajalah yang saya dapat pun [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Nanti. *What is the section?*

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: *It is 16(1) and 16(2)* Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Dalam *the English one*.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: *Page 12. Page 12 and page 13* dalam bahasa...

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: *English-nya*.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Dan *English-nya* ialah dalam...

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Sama, sama.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: *Page...*

Tuan Yang di-Pertua: *Page 12 also...* [*Membaca Rang Undang-undang Mata Wang 2019*] Ini sahaja memberi ruang kepada pihak bank untuk menentukan. Akta menyatakan secara keseluruhan, tetapi ia memberi ruang kepada bank untuk menentukan yang kedua. So, apa yang tidak jelas?

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Tuan Yang di-Pertua. Seksyen 16 subseksyen (1)...

Tuan Yang di-Pertua: Seksyen 16(1) dengan izin, *16(1) says, "No person shall be entitled to recover from the Bank...*

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Ya. *That mean 'shall not be'.*

Tuan Yang di-Pertua: *Shall not, okay.* Ini tidak ada seorang pun yang berhak menuntut. *Am I right?*

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Ya. Bank Negara, betul.

Tuan Yang di-Pertua: Akan tetapi yang kedua, dia memberi budi bicara atas *appeal* dan sebagainya.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: *I mean one section is redundant [Ketawa] (1) and (2).*

Tuan Yang di-Pertua: *No, no. Wait. Yang Berhormat, if this my understanding, if you don't put the first subsection, then everybody will have a right to claim, dengan izin. It is as of right. So, they have taken the as of right and given the right to the bank to decide, dengan izin.*

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: *So, it will open the floodgates?*

Tuan Yang di-Pertua: *No. Then is just again a matter of the consideration is up to the bank.*

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: *I think this will be challenged . I think so.*

Tuan Yang di-Pertua: *You might be challenged, but...*

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: *Will be challenge...*

Tuan Yang di-Pertua: *I think subsection (1) clearly says that they stop the floodgates. Subsection (2) is giving them- all these I am just saying, dengan izin, is giving them the budi bicara. So, if they think there is reasonable reason, the bank can decide. The bank can decide, but you cannot decide that you can- actually is not as of right.*

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: *So, as far as public is concern, when orang awam pergi ke bank untuk dapat balik wang rosak atau apa, bank will said no. Straight away no. At the one hand, same issue tetapi orang lain pergi, bank akan bagi.*

Tuan Yang di-Pertua: *Ya Yang Berhormat...*

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: *That what will happen.*

Tuan Yang di-Pertua: *Ini memberi budi bicara kepada bank kerana it can be so many reasons, dengan izin, that's why the bank is not rejecting or not entertaining. So they don't want to get into the integrity I think.*

■1640

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: *Thats what the lawyer....*

Tuan Yang di-Pertua: *That a sections, hopefully you challenge it.*

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: *I think I have to.*

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: *Izinkan Tuan Yang di-Pertua seorang engineer hendak tolong bagi penjelasan.*

Tuan Yang di-Pertua: *Boleh, boleh, boleh.*

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: *'Kalau boleh diterima.*

Tuan Yang di-Pertua: *Ini kita-kita ini bukan dalam kementerian. So kita yang cakap ini tidak payah pakai. Kementerian yang buat.*

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: *Ya betul. Saya sokong dengan apa yang disebut oleh Tuan Yang di-Pertua sebab di dalam 16(1) dia bermula dengan no person, maknanya*

orang yang membawa pergi itu dia tidak ada hak 100 *percent* untuk kita, aku bagi, mesti kamu ganti balik.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Akan tetapi dalam 16(2) *not withstanding subsection 1, the bank- now we are talking about the bank.*

Tuan Yang di-Pertua: Itulah yang kita...

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: *May used at this discretion* untuk memberikan itu. Ini pandangan seorang *engineer* Tuan Yang di-Pertua. So tidak apa. *Engineer* pun sama dengan *lawyer* yang ada dekat situ, okey.

Tuan Yang di-Pertua: Saya, Yang Berhormat, ini adalah kerana saya faham yang, *I think you also* Yang Berhormat *appreciate that the AG Chamber is going to their and put this sub section for so many other reasons.*

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Ya, dan seperti yang disebut oleh Tuan Yang di-Pertua maknanya kalau akhirnya benda ini hendak di *challenge* di mahkamah kan, *they may*, bolehlah berbuat demikian dan kita biar mahkamah untuk membuat keputusan terhadap perkara tersebut. Sekali lagi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua...

Puan Asmak binti Husin: Ada lagi. Sikit saja lagi.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Apa dia itu.

Puan Asmak binti Husin: Okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Apa dia lagi.

Puan Asmak binti Husin: Sikit saja lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Saya hendak hantar Yang Berhormat keluar dari Dewan lah. *[Ketawa]* Silakan Yang Berhormat.

Puan Asmak binti Husin: Hendak tanya itu saja. Isu patuh syariah itu. Sebab dalam...

Tuan Yang di-Pertua: Yang mana.

Puan Asmak binti Husin: Isu patuh syariah macam 12(B) ya, ada tadi saya tanya juga fasal patuh syariah sebab apabila kita jual wang dan dapat pendapatan dia ada juga isu dari sudut riba dan sebagainya. Jadi macam mana kita hendak pastikan yang tidak ada keterlibatan riba itulah. Sebab kalau dalam Islam, duit-duit itu boleh menghasilkan riba.

Satu lagi saya ada tanya juga tadi fasal 19(2) mengenai denda itu. Kalau dalam ini RM50 ribu tetapi macam hendak dilakukan penyelarasan dengan Kanun Keseksaan 489(A) di mana 489(A) denda hingga 20 tahun dan juga denda. Jadi dia ada penyelarasan itu bagaimana. Terima kasih.

Puan Hajah Sabani binti Mat: Tuan Yang di-Pertua, saya sambung sikit sajalah sebab Yang Berhormat Menteri tidak jawab tadi berkenaan *Forex* yang saya tanya itu. Saya ingat Yang Berhormat Menteri tidak jawab lagi.

Tuan Yang di-Pertua: *Forex-* apa yang ditanya ya?

Puan Hajah Sabani binti Mat: Saya tanya Tuan Yang di-Pertua berhubung dengan buat masa ini kalau kita tengok *Singapore* telah mengiktirafkan *Forex*. Begitu juga dengan Indonesia, malahan Thailand pula dalam proses. Jadi bagaimana pula dengan keadaan di Malaysia. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Pertamanya yang Yang Berhormat Senator Puan Asmak tanya tadi tentang adakah *e-wallet* patuh syariah ya. Islam membenarkan dan menggalakkan inovasi dalam hal-hal transaksi kewangan. Ini termasuk menggunakan instrumen yang inovatif bagi pelanggan menikmati pembayaran cekap dan mudah.

Sebagai contoh, pengenalan kad kredit berlandaskan syariah oleh institusi kewangan semenjak tahun 2002 berikutan meningkatnya penerimaan kad kredit sebagai instrumen pembayaran oleh orang ramai. Ini disusuli dengan pengenalan kad debit dan perbankan elektronik berlandaskan syariah. Asas kepada inovasi oleh institusi kewangan Islam ialah memastikan kontrak yang diguna pakai, urus tadbir dan penyusunan operasi dan amalan institusi kewangan mestilah selaras dan mematuhi hukum syariah.

Bagi pengendali sistem e-pembayaran termasuk pengeluar *e-wallet* yang ingin mendapatkan kepastian tentang kepatuhan syariah, mereka boleh melakukannya dengan menghantarkan borang permohonan ke BNM untuk mendapatkan kelulusan daripada Jawatankuasa Penasihat Syariah. Berdasarkan *guideline on e-money*, terdapat larangan di mana pengeluaran wang elektronik tidak boleh membayar kadar faedah atau keuntungan ke atas baki wang elektronik kepada pengguna. Ini yang dapat saya sebut.

Tentang *Forex* ini Yang Berhormat Puan Hajah Sabani, saya pun tidak berapa hendak tangkap apa yang *Singapore* buat, apa benda yang kita tidak buat. Lepas itu saya minta maaf. Jadi nanti kita bersembang dekat kafeteria lah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat kurang lebih saya sudah sentuh. Apa yang tidak tersentuh dan sebagainya nanti kalau ini kita akan jawab secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Sembang kedai kopi.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Kedai kopi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang tidak, belum jawab itu kalau ada apa-apa Yang Berhormat Menteri akan bagi secara bertulis. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua sekarang dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal 1 hingga 70 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Jadual diperintah jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang Undang-undang dilaporkan dengan tanpa pindaan; dibacakan kali yang ketiga disokong oleh Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Liew Chin Tong) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG BANK NEGARA MALAYSIA (PINDAAN) 2019

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.49 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Bank Negara Malaysia 2009 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2019 yang dicadangkan adalah bagi meminda Akta Bank Negara Malaysia 2009 [Akta 701] dengan tujuan untuk memansuhkan peruntukan tertentu yang sedia ada dan digubal semula dalam Rang Undang-undang Mata Wang 2019 yang baru kita luluskan sebentar tadi supaya wujud kesinambungan antara peruntukan-peruntukan tersebut dengan peruntukan lain yang berkaitan dengannya. Dengan makna kata Tuan Yang di-Pertua, *this is consequential*.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]: Pindaan ke atas ini tidak akan menjejaskan atau mengurangkan mandat dan kuasa Bank Negara Malaysia berkaitan mata wang termasuklah mandat Bank Negara Malaysia sebagai pengeluar mata wang tunggal di Malaysia. Saya mohon menghuraikan setiap fasal dalam Rang Undang-undang Akta Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2019. Rang Undang-undang ini mempunyai empat fasal seperti yang berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk memotong Seksyen 62, 63 dan 64 yang akan dipindahkan ke dalam Akta Mata Wang 2019 yang baru kita luluskan sebentar tadi.

Fasal 3 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 66 (A) untuk memperjelas bahawa kuasa dan fungsi bank di bawah Akta Mata Wang 2019 adalah sebagai tambahan kepada kuasa dan fungsi bank di bawah Akta 701.

■1650

Fasal 4 bertujuan untuk meminda seksyen 76, Akta 701 untuk memperjelas bahawa bank tidak boleh melakukan aktiviti-aktiviti yang disebut dalam peruntukan tersebut melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam Akta 701 dan undang-undang bertulis yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang menyokong Menteri?

Timbalan Menteri Pertahanan [Tuan Liew Chin Tong]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Bank Negara Malaysia 2009 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Oleh sebab tidak ada Yang Berhormat memberi nama untuk bahas, oleh sebab ini adalah, dengan izin, *consequential act*.

Silakan Yang Berhormat.

[Tiada perbahasan]

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab tidak ada apa yang hendak dibangkitkan, jadi saya pun tak perlu jawab apa-apalah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 4** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Liew Chin Tong) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA
(PINDAAN) 2019****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****4.53 ptg.**

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]: Saya bangun buat kali ketujuh dalam rang undang-undang pada hari ini dan saya harap semuanya tak bosan melihat muka saya dan *insya-Allah* ini yang terakhir untuk hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2019 untuk meminda Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 iaitu Akta 452 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2019 yang dicadangkan tersebut adalah bertujuan untuk, yang pertama membenarkan pemindahan sebahagian caruman KWSP iaitu caruman pekerja para suami sebagai pemberi pindahan yang memilih secara sukarela ke akaun KWSP isterinya iaitu penerima pindahan.

Kedua, mengemas kini peruntukan untuk menambah baik tabir urus dan operasi KWSP seperti berikut:

- (i) mengemas kini peruntukan keahlian lembaga dengan menambah bilangan wakil-wakil profesional dari tiga kepada lima orang dan mempunyai pengetahuan atau pengalaman dalam ekonomi atau keselamatan sosial bagi mempelbagaikan komposisi ahli lembaga;
- (ii) memasukkan peruntukan baru mengenai had tempoh 12 tahun bagi perkhidmatan ahli lembaga;
- (iii) menambah bilangan kuorum sebanyak dua orang lagi lanjutan dari penambahan dua orang ahli lembaga; dan
- (iv) memotong wakil Bank Negara Malaysia di dalam keahlian panel pelaburan dan menambah keahlian wakil-wakil profesional panel pelaburan dari tiga kepada empat orang.
- (v) membenarkan ahli yang telah mencapai umur 55 tahun untuk membuat pengeluaran hilang upaya atau pengeluaran meninggalkan negara; dan
- (vi) mengemas kini peruntukan bagi menghalang majikan yang tidak membayar caruman daripada meninggalkan negara tanpa perintah mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menghuraikan setiap fasal dalam rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini mempunyai 11 fasal seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas akta yang dicadangkan dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa untuk setiap peruntukan akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 4, Akta 452 berhubung keanggotaan lembaga dengan menambah bilangan wakil-wakil profesional daripada tiga kepada lima orang bagi mempelbagaikan komposisi ahli lembaga yang mempunyai pengetahuan atau pengalaman dalam kewangan, perniagaan, ekonomi, keselamatan sosial atau pengetahuan atau pengalaman lain yang berkaitan. Pertambahan ini akan meningkatkan jumlah keseluruhan bilangan ahli lembaga, tidak termasuk pengerusi dan ahli *ex-officio*, tidak lebih daripada 18 orang kepada tidak lebih daripada 20 orang.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 6, Akta 452 untuk memasukkan peruntukan baru mengenai had tempoh maksimum pelantikan ahli lembaga selain ketua pegawai eksekutif yang layak untuk dilantik semula tetapi tiada ahli boleh memegang jawatan bagi tempoh keseluruhan melebihi 12 tahun.

Fasal 4 bertujuan untuk mengemas kini seksyen 9, Akta 452 bagi menambah bilangan kuorum mesyuarat lembaga sebanyak dua orang lagi tidak termasuk pengerusi atau timbalan pengerusi untuk membentuk kuorum pada semua mesyuarat lembaga lanjutan dari penambahan dua orang ahli lembaga di bawah seksyen 4, Akta 452.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 18, Akta 452 dengan memotong keahlian Gabenor Bank Negara Malaysia atau wakilnya daripada panel pelaburan bagi maksud mengelakkan apa-apa percanggahan kepentingan dalam menunaikan tanggungjawabnya. Di samping itu, pindaan seksyen 18, Akta 452 merangkumi penambahan keahlian wakil-wakil profesional, panel pelaburan daripada tiga orang kepada empat orang yang berpengalaman dalam bidang kewangan, perniagaan, ekonomi dan pengetahuan atau pengalaman lain yang berkaitan.

Fasal 6 bertujuan untuk mengemas kini seksyen 39, Akta 452 bagi membenarkan ketua pegawai eksekutif untuk mengeluarkan perakuan kepada Ketua Pengarah Imigresen bagi menghalang seseorang dari meninggalkan Malaysia tanpa perlu mendapatkan perintah mahkamah jika ketua pegawai eksekutif mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa orang itu hendak atau berkemungkinan akan meninggalkan Malaysia tanpa membayar mana-mana caruman yang tertunggak dan kena dibayar di bawah Akta 452.

Fasal 7 bertujuan untuk meminda perenggan seksyen 43(8)(c), dan (d), Akta 452 bagi membenarkan mana-mana orang sama ada atau tidak orang tersebut seorang majikan atau pekerja mengikut pengertian Akta 452, memilih untuk membayar caruman bulanan. Pindaan ini antara lain bagi membolehkan suri rumah untuk membuat caruman bulanan kepada KWSP.

Fasal 8 bertujuan untuk memasukkan bahagian baru VB ke dalam Akta 452 yang mengandungi empat peruntukan baru iaitu seksyen 53C, 53D, 53E dan 53F berkaitan Program Suri Rumah ataupun program SR oleh Kerajaan Persekutuan.

■1700

Ini bagi membolehkan pemindahan sebahagian caruman KWSP iaitu caruman pekerja para suami iaitu pemberi pindahan yang memilih secara sukarela ke akaun KWSP isterinya iaitu penerima pindahan dapat dilaksanakan. Program SR diperkenalkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi mewujudkan jaringan keselamatan sosial dan memperkasa sumbangan wanita serta mengiktiraf kepentingan peranan kaum hawa termasuk suri rumah.

Pindaan di bawah fasal 8 diringkaskan seperti berikut. Seksyen 53C memperuntukkan bahawa caruman ahli kumpulan wang yang disentuh oleh pemindahan ke dalam akaun ahli kumpulan wang yang lain di bawah Bahagian VB, adalah caruman pekerja ahli kumpulan wang yang merupakan pemberi pindahan.

Seksyen 53D memperuntukkan pilihan yang boleh dibuat oleh pemberi pindahan untuk memindahkan sebahagian caruman secara sukarela ke akaun KWSP penerima pindahan. Pemindahan caruman ini adalah tertakluk kepada kriteria yang dinyatakan dalam fasal 11 mengenai Jadual Kelapan yang menerangkan perkara seperti berikut:

- (i) kriteria ahli kumpulan wang yang memilih untuk memindahkan carumannya;
- (ii) kriteria ahli kumpulan wang yang menerima caruman yang dipindahkan; dan
- (iii) kadar caruman yang akan dipindahkan.

Seksyen 53E membenarkan pemberi pindahan memohon untuk menghentikan pemindahan caruman kepada penerima pindahan jika berlaku pembubaran perkahwinan atau kematian isteri. Apa-apa amaun yang berada dalam akaun penerima pindahan sebelum tarikh permohonan penghentian pemindahan caruman diterima oleh Lembaga, hendaklah dikekalkan dalam akaun penerima pindahan tersebut.

Seksyen 53F bertujuan memberi lembaga kuasa untuk memindahkan semula mana-mana caruman yang dipindahkan secara silap termasuk apa-apa dividen ke dalam akaun ahli kumpulan wang yang telah memilih untuk memindahkan caruman tersebut.

Fasal 9 dan fasal 10 bertujuan untuk meminda subseksyen 55A(2) dan memasukkan peruntukkan baharu subseksyen 55B(3), Akta 452 bagi membenarkan ahli yang telah mencapai umur 55 tahun untuk membuat pengeluaran hilang upaya atau meninggalkan negara. Pindaan ini juga membenarkan ahli yang telah mencapai umur 55 tahun untuk mengeluarkan kesemua jumlah wang yang ada pada kreditnya termasuklah caruman di dalam Akaun Emas iaitu caruman yang dikreditkan selepas ahli mencapai umur 55 tahun tanpa

menunggu sehingga ahli tersebut mencapai umur 60 tahun bagi tujuan pengeluaran hilang upaya atau meninggalkan negara.

Fasal 11 adalah mengenai Jadual Kelapan yang disebutkan di bawah fasal 8. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Suara menyokong?

Timbalan Menteri Pertahanan [Tuan Liew Chin Tong]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang yang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 dibacakan kalai yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh.

5.04 ptg.

Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, pegawai-pegawai Kementerian Kewangan dan KWSP, saya ucapkan terima kasih kerana dapat turut serta untuk membahaskan Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2019.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita menyebut Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), ia adalah merupakan suatu perkara yang penting kepada pekerja-pekerja yang telah pun menyumbangkan tenaga dan keringat mereka apabila mereka sudah tamat berkhidmat sama ada di sektor awam ataupun swasta.

Saya menyambut baik usaha kolaborasi di antara pelbagai kementerian seperti Kementerian Kewangan, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan sebagainya. Kementerian-kementerian ini berperanan dalam melancarkan lagi pelaksanaan skim caruman suami kepada isteri terutamanya bagi menggalakkan lagi tingkat kegembiraan golongan keluarga berpendapatan M40 dan B40 yang mana ada di antara mereka mencarum di dalam i-SURI. Ini adalah satu usaha yang baik.

Saya juga bersetuju supaya hanya suami yang diberikan peluang untuk mencarum walaupun isteri bekerja. Impak dari segi sosial dan ekonomi perlu dilihat dengan jiwa yang besar. Hal ini penting kerana hak memberikan nafkah, terletak kepada suami dengan timbal balik isteri menunaikan tanggungjawab dengan bersungguh-sungguh sebagaimana yang dituntut oleh baginda Rasulullah SAW.

Dalam masa yang sama, tiada halangan bagi wanita bekerja untuk membantu suami dan terlibat di dalam urusan kemasyarakatan. Seorang suami di dalam Islam tarafnya sebagai wali, perlu diangkat dan di perkasa supaya institusi keluarga berperanan dan dihormati. Impak

lain juga, perkara ini dapat menambah sikap berhati-hati suami daripada berkahwin lebih di luar kemampuannya.

Walaupun bagaimanapun, ada beberapa perkara perlu diberikan perhatian dan dalam masa yang sama, kita tidak mahu membebankan para suami apatah lagi dalam situasi ekonomi negara yang tidak stabil dan tangga gaji masih di tahap yang sama. Saya memuji usaha agensi berkaitan dalam mendakwa majikan-majikan yang tidak mendaftar untuk mencarum dan membayar caruman bagi pekerja.

Walaupun bagaimanapun, saya ada dua situasi yang penting untuk diberikan perhatian. Pertama, wujudnya kes di mana majikan tidak membuat caruman dan pada masa yang sama, pekerja juga tidak dicarum.

Situasi kedua, wujudnya kes di mana wang caruman ditolak daripada gaji pekerja tetapi majikan tidak membuat pembayaran kepada KWSP. Soalan saya, apakah wujud satu prosedur bagi memaklumkan kepada pekerja tersebut hak dan tindakan yang boleh dilakukan oleh pekerja yang dianiaya supaya majikan tersebut boleh diambil tindakan?

Berkenaan seksyen 39, fasal 6 iaitu berkenaan langkah menghalang seseorang meninggalkan Malaysia, jika Ketua Pegawai Eksekutif mempunyai sebab untuk mempercayai mana-mana orang hendak atau berkemungkinan akan meninggalkan Malaysia tanpa membayar caruman tunggakan. Ini adalah perkara yang menarik. Namun begitu, Tuan Yang di-Pertua, saya melihat ayat ini masih samar-samar dan perlu diperjelaskan.

Sejauh manakah kita boleh tahu bahawa majikan tersebut akan meninggalkan Malaysia jika berlaku sebarang kes tunggakan? Berapakah tempoh masa yang diambil bagi seseorang Ketua Pegawai Eksekutif, bagi menghalang pergerakan majikan setelah KWSP menerima laporan majikan tidak mencarum? Apakah kementerian akan mewujudkan satu *standard operating procedure* (SOP) berasingan bagi menguruskan tindakan menghalang majikan yang tidak membayar caruman daripada keluar negara?

Jika tiada, saya ingin mencadangkan supaya kementerian, dapat mewujudkan satu SOP yang jelas tentang bagaimana seorang Ketua Pegawai Eksekutif mempunyai kuasa menghalang ini supaya fasal ini perlu jelas bagi mengelakkan wujudnya kes penganiayaan kepada kedua belah pihak sama ada majikan ataupun pekerja di kemudian hari.

Merujuk kepada Jadual Kelapan, kadar caruman yang akan dipindahkan. Saya ingin meminta pencerahan tentang nilai caruman dua peratus daripada 11 peratus ini, apakah wujud kajian khusus berkenaan kenapa kerajaan memilih dua peratus ini? Jika ada, boleh saya minta laporan bertulis daripada kementerian selepas ini?

Seterusnya berkenaan kriteria ahli kumpulan wang yang menerima caruman yang dipindahkan.

■1710

Saya ingin bertanya sekiranya suami berwarganegara Malaysia yang beristerikan bukan warganegara Malaysia. Apakah hak mereka di dalam mendapat caruman tersebut? Ini kerana dalam Jadual Kelapan hanya isteri berwarganegara Malaysia sahaja yang disebut. Perkara ini penting kerana tidak sedikit jumlah pasangan yang mempunyai isteri yang bukan warganegara Malaysia.

Berkaitan seksyen 53E, fasal 8 iaitu berkenaan penghentian pemindahan caruman kumpulan wang apabila berlakunya pembubaran perkahwinan ataupun kematian ahli yang menerima caruman yang dipindahkan tersebut.

Saya ingin meminta penjelasan apakah kementerian akan mempertimbangkan untuk mewujudkan satu dokumen tatacara yang memperjelaskan tempoh masa kerana proses perceraian ini kadang-kadang mengambil masa yang lama dan melibatkan pelbagai implikasi. Mungkin akan timbul persoalan perceraian sehingga melibatkan proses mahkamah yang panjang. Apakah pandangan kementerian dalam hal ini? Sekian, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat.

5.11 ptg.

Puan Hajah Sabani binti Mat: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucap terima kasih kerana memberi peluang dan ruang kepada saya untuk membahaskan Rang undang-undang Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2019.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan mengalu-alukan pindaan terhadap Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 ini dan antara pindaan yang disebut ialah tentang pemindahan secara sukarela dua peratus daripada caruman KWSP pekerja kepada akaun KWSP isterinya yang sah. Saya rasa ini adalah satu polisi pengumuman yang baik dan mengalu-alukannya kerana dapat mewujudkan jaringan keselamatan sosial kepada isteri. Saya juga perhatikan bahawa *bill* ini tidak melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

Selain itu, saya dapati satu pindaan yang saya rasa baik iaitu melindungi kepentingan ahli untuk mendapatkan tunggakan caruman daripada majikan. Di bawah pindaan yang dicadangkan seksyen 39 KWSP boleh mengeluarkan perakuan kepada Ketua Pengarah Imigresen tanpa perintah mahkamah jika KWSP mempunyai sebab untuk mempercayai orang itu akan atau berkemungkinan untuk meninggalkan Malaysia tanpa membayar caruman. Tahniah saya ucapkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan secara dasar untuk KWSP kerana apabila Malaysia maju ke tahap pembangunan yang lebih tinggi dan juga purata jangka hayat

hidup orang Malaysia- rakyat Malaysia jangka hayat 75 tahun iaitu lelaki dikatakan 73 tahun manakala wanita 78 tahun. Apabila umur persaraan wajib pada umur 60 tahun dan mengikut statistik ahli KWSP, 65 peratus ahli KWSP berumur 54 tahun mempunyai jumlah simpanan kurang daripada RM50 ribu. Hanya 31 peratus ahli aktif KWSP mencapai simpanan asas RM240 ribu.

Saya tidak nampak dalam pindaan ini berkaitan bagaimana pihak kementerian mengemukakan satu strategi supaya ahli-ahli KWSP boleh menabung atau menggunakan tabung KWSP mereka supaya boleh menampung sampai jangka hayat. Saya rasa itu perlu diberi perhatian serius oleh ahli-ahli lembaga dan juga pihak kerajaan memandangkan KWSP memainkan peranan yang begitu penting sebagai payung, sebagai satu tabung yang begitu penting untuk persaraan.

Saya mohon supaya KWSP perlu memandang serius terhadap ketidakcukupan simpanan persaraan ini dan menggunakan strategi-strategi supaya kita dapat melindungi ahli-ahli KWSP supaya mereka dapat bersara dengan wang yang secukupnya.

Sebelum saya mengundur diri, saya bersetuju dengan pindaan yang dilakukan terhadap akta ini dan saya mohon supaya kerajaan sentiasa mengambil berat tentang isu-isu pekerja yang berada di negara ini lebih-lebih lagi buat para isteri supaya ia dapat memberi impak yang besar kepada sesebuah hubungan kekeluargaan sekali gus melahirkan masyarakat yang harmoni dan bahagia.

Tuan Yang di-Pertua, ini sajalah untuk saya cadangkan kepada Yang Berhormat Menteri. Saya pernah terdengar desas-desus kononnya PLUS akan dijual. Untuk itu saya minta mencadangkan bahawa kalau hendak jual, tidak payahlah jual kepada syarikat asing, juallah kepada KWSP kerana dengan penjualan ini bukan sahaja dapat membantu negara malahan juga dapat membantu para pencarum KWSP. Sekian, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Silakan.

Datuk Paul Igai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan cadangan pemindahan Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 kerana inilah untuk melindungi dan menjaga keselesaan pihak pekerja bila mereka bersara.

Pengurusan KWSP mestilah diuruskan sebaik-baiknya. Ada beberapa tabung wang simpanan pekerja seumpama KWSP di negara luar ada juga menghadapi banyak masalah kerana kelemahan pengurusan.

Tuan Yang di-Pertua, nasib baiklah kita tidak ada mendengar penyelewengan dan kelemahan pengurusan KWSP kita di Malaysia. Terima kasih kepada pihak pengurusan yang sedia ada. Kita ada besar harapan juga supaya KWSP ada berjaya lebih lagi pada masa depan. Kita harap dengan cadangan menstrukturkan pengurusan dan pemindahan baru KWSP dapatlah melicinkan lagi pengurusan.

Tuan Yang di-Pertua, pada pindaan perenggan 18(1)(c), Akta 452 untuk memotong keahlian Gabenor Bank Negara Malaysia atau wakilnya daripada panel pelaburan dengan rasionalnya untuk mengelakkan konflik tanggungjawab. Soalan saya, bagaimanakah penglibatan Gabenor Bank Negara Malaysia dapat menjadi masalah?

Saya mengalu-alukan juga pemindaan perenggan 18(1)(c), 452 untuk menaikkan bilangan ahli panel pelaburan daripada tiga kepada empat. Soalan saya siapakah? Badan manakah memilih mereka? Lantikan dalam kalangan yang mempunyai luas pengetahuan, pengalaman dalam perniagaan yang berkaitan memang bagus.

Pemindaan 39(1)(a), Akta 452 untuk mengadakan peruntukan bagi langkah-langkah menghalang seorang daripada meninggalkan Malaysia kerana bahawa mereka tidak mencarum atau ada tertunggak caruman. Soalan saya juga seperti mana kedua-dua tadi bercakap, apakah tahap ataupun jumlah yang tertunggak? Berapa bulan sebelum dia akan disiasat atau tangkap?

■1720

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah sekarang sambutan suami dalam perkara menyumbang dua *percent* atau lebih kepada i-Suri setakat ini? dengan itu Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Dipersilakan Yang Berhormat Puan Siti Fatimah binti Yahaya. Silakan.

5.20 ptg.

Puan Siti Fatimah binti Yahaya: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk turut serta dalam perbahasan pada petang ini.

Saya menyambut baik pindaan pada seksyen 18 yang menambah bilangan keahlian wakil-wakil profesional, panel pelaburan dari tiga kepada empat orang yang berpengalaman. Ini adalah kerana kumpulan simpanan di dalam KWSP memberi makna yang besar kepada pencarum. Wang ini adalah jaringan keselamatan bagi mereka setelah mereka tiada bekerja lagi.

Oleh itu, adalah amat penting untuk kerajaan sebaik mungkin memastikan keputusan pelaburan yang dilaksanakan oleh KWSP adalah tepat supaya badan ini mampu memberi dividen yang tinggi dan berbaloi kepada para pencarum. Sehubungan dengan itu, saya ingin bertanya dalam keadaan ketidaktentuan ekonomi Malaysia dan dunia, apakah strategi kerajaan dalam memastikan KWSP mampu menjana keuntungan melalui pelaburan dan mampu memberi dividen tahunan sekurang-kurangnya sebanyak lima peratus setiap tahun?

Perkara kedua adalah berkaitan dengan komitmen pencarum dan majikan. KWSP mempunyai bilangan ahli seramai lebih 14 juta pencarum. Namun, hanya separuh daripada

jumlah itu yang merupakan pencarum yang aktif. Soalan saya, apakah kaedah kerajaan dalam melakukan pemantauan yang berkesan untuk memastikan setiap majikan yang mempunyai pekerja mencarum di KWSP? Berapa jumlah kes majikan yang telah dihadapkan ke mahkamah kerana kegagalan mereka untuk menjalankan kewajipan mencarum?

Perkara yang ketiga adalah berkaitan dengan pindaan kepada seksyen 53(d) yang membenarkan seorang suami memindahkan carumannya kepada isteri. Di dalam pindaan ini, suami mempunyai pilihan untuk memindahkan carumannya kepada isteri.

Saya fikir konsep pilihan ini adalah amat bertepatan dengan konsep impak di dalam Islam di samping menyempurnakan tanggungjawab suami untuk memberi nafkah kepada isteri. Cuma terdapat beberapa perkara yang ingin saya tanyakan kepada kementerian. Apakah pendirian kementerian terhadap cadangan untuk meluaskan peruntukan undang-undang ini bagi membolehkan isteri memindahkan carumannya kepada suami sekiranya isteri merupakan seorang pencarum KWSP dan suaminya tidak mencarum? Hal ini boleh berlaku apabila isteri bekerja di syarikat swasta dan merupakan pencarum KWSP manakala suami merupakan peniaga kecil-kecilan.

Seterusnya bagi kes kematian isteri, adakah pihak kementerian bercadang untuk membenarkan KWSP untuk memindahkan semula semua pindahan caruman yang telah dilakukan oleh suami kepada akaun KWSP suami yang isterinya meninggal dunia. Sekian sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya juga mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram.

5.24 ptg.

Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali, saya ingin mengalu-alukan pindaan Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 ini dilakukan dan di antara pindaan yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi. Saya rasa ini adalah satu polisi pengumuman yang baik dan mengalu-alukannya kerana dapat mewujudkan jaringan keselamatan sosial kepada isteri.

Pertama sekali, saya ingin bertanya, bagaimanakah jika berlaku pembubaran perkahwinan? Adakah seseorang ahli KWSP boleh memohon untuk menggantikan pemilihan tersebut? Apakah implikasinya penggantian pemilihan ini sekiranya pembubaran perkahwinan atau kematian isteri? Apakah ia boleh jadi diteruskan atau dipindahkan kepada akaun isteri yang baharu dalam tempoh tertentu? Saya pohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Kedua, saya hendak tanya kepada pihak kementerian, akaun manakah duit sejumlah RM500 yang diberikan oleh kerajaan akan dimasukkan, akaun satu atau akaun yang kedua?

Ataupun terdapat akaun khas yang akan diwujudkan oleh pihak kerajaan untuk inisiatif yang dilaksanakan itu?

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga, adakah kementerian mempunyai pemikiran tentang suri rumah yang juga mempunyai faktor-faktor keselamatan? Mereka harus dilindungi oleh insurans. Sekiranya betul-betul Pakatan Harapan ingin memperkasakan wanita, saya cadangkan di Dewan yang mulia ini supaya KWSP sebanyak dua peratus itu juga harus diselitkan, juga dengan skim PERKESO agar kebajikan wanita juga di perkasa.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengundurkan diri, saya pohon supaya akhirnya akta ini dapat dilaksanakan untuk memberikan maksud yang sebenar iaitu untuk memperuntukkan kadar caruman yang akan dipindahkan adalah sebanyak dua peratus daripada caruman ahli KWSP yang memilih untuk memindahkan carumannya serta membenarkan suri rumah untuk membayar caruman bulanan.

Oleh itu, saya memohon penjelasan, dan juga menyokong pindaan rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Ya Tuan Yang di-Pertua, boleh? Pendek sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Tidak boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak beri nama.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Tidak boleh lama, pendek boleh?

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Boleh rayu.

Tuan Yang di-Pertua: Pendek pun tidak boleh, panjang pun tidak boleh.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Minta juga [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi. Sebentar Yang Berhormat Senator Laksamana.

5.27 ptg.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Oleh sebab saya terpanggil Dato' Dr. Ananthan kata kalau Pakatan Harapan betul-betul bersungguh? Saya hendak masuk *put on record*, betul-betul bersungguh-sungguh Tuan Yang di-Pertua.

Malah saya hendak mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri. Setahu saya Yang Berhormat Menteri, agenda ini diperjuangkan oleh wanita. Saya tahu ketika itu, terutama sekali Datin Seri Dr. Wan Azizah melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sehingga perkara ini disokong di peringkat Kabinet. Jadi saya rasa perkara itu perlu diberi pengiktirafan.

Kedua, Yang Berhormat Menteri mungkin boleh jelaskan sedikit. Apabila berlaku pemotongan sebegini dari segi pelaksanaan, dahulu memang diperintahkan mahkamah pun

ada juga kita buat potong tetapi kita mengalami kesukaran dari segi pelaksanaan perintah-perintah tersebut. Jadi mungkin, apa persediaan kementerian? Itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid.

5.28 ptg.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya hendak menyokong Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2019. Akan tetapi sebelum itu Yang Berhormat Menteri, saya mohon beri kedudukan kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini selepas ia dipindahkan sebanyak RM4 bilion daripada akaun tersebut sebagaimana kita di maklum. Dapat? Kedudukan wang KWSP...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. Yang Berhormat, hendak menyokong selepas mengetahui kedudukan kewangan?

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Selepas sejumlah RM4 bilion dikeluarkan daripada wang KWSP.

Tuan Yang di-Pertua: Okey Yang Berhormat.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri faham. Okey, minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan untuk menjawab.

5.29 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya di dalam rang undang-undang yang kita bawa pindaan ini, ada beberapa perkara yang telah tadi kemudiannya dibahaskan. Antara menjadi inti pati dalam pindaan ini adalah sumbangan sukarela sebanyak dua peratus daripada caruman sejumlah 11 peratus yang diterima oleh suami kepada akaun isterinya.

■1730

Ataupun kalau ada isteri-isterinya, maka boleh juga sebanyak dua peratus kepada isteri yang pertama, sebanyak dua peratus kepada isteri yang kedua dan semua ini adalah sukarela. Ini berbeza Tuan Yang di-Pertua dengan skim i-Suri yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Yusmadi tadi iaitu yang mana suami carumkan- ini kalau tujuh rang undang-undang jadi macam inilah Tuan Yang di-Pertua, tidak mengapalah sudah habis sudah ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang baik pun jadi curang.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Sebanyak RM5 kepada akaun isteri, kerajaan akan *top-up* sebanyak RM40 sebulan. *That is a separate scheme* ya. Jadi, itu bagi mereka

yang bukan pekerja. Akan tetapi hendak berikan sesuatu kepada isteri supaya jaminan masa hadapan. Bagi sebanyak RM5, kerajaan *top-up* sebanyak RM40 sebulan. Ada yang tanya di dalam Dewan Rakyat, dahulu janji sebanyak RM50. Ya, tunggu sekejap jangan ke mana-mana kerana lebih RM10 itu sedang kita pertimbangkan dengan pihak PERKESO untuk ia juga menjadi pelindung seperti yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ananthan tadi. Itu PERKESO akan ambil. Jadi, oleh sebab masih ada lagi perbincangan, jadi *that extra RM10* itu sedang diperbincangkan.

Jadi, ini semua adalah skim sukarela yang tadi itu dua peratus dan kita merasakan tidak akan menghadapi masalah oleh sebab dia dengan sukarela yang cerita perintah mahkamah suruh bagi, tidak bagi apa semua itu apabila dia paksa rela. Ini yang sukarela sudah tentulah bila dia membenarkan jadi, mudah untuk KWSP melaksanakan perintah tersebut kerana dia adalah merupakan satu skim sukarela.

Kemudian juga tadi Yang Berhormat Senator Datuk Paul tanya, bagaimanakah sambutan setakat ini? Oleh sebab ia belum diluluskan lagi Yang Berhormat, selepas diluluskan nanti *Insyah-Allah* kita harap kalau Yang Berhormat Datuk Paul lgai merupakan salah seorang pencarum, kalau masih mencarum, beliaulah yang akan menjadikan orang yang pertama, bukan setakat dua peratus, mungkin lebih kepada isterinya.

Tadi juga ditanya tentang konflik Yang Berhormat, di mana konfliknya Gabenor Bank Negara dalam panel pelaburan. Gabenor Bank Negara atau wakilnya dia tidak ada dalam *main board*, tetapi dalam *board* pelaburan. Alasannya ialah Gabenor Bank Negara atau wakilnya dikeluarkan daripada panel pelaburan adalah untuk mengelakkan percanggahan kepentingan dalam polisi kewangan dan mata wang negara dan pengawalseliaan perbankan kerana KWSP mempunyai pelaburan luar negara dan juga sektor perbankan.

Jadi, sebagai *regulator*- Bank Negara adalah *regulator* adalah wajar untuk Bank Negara tidak mengambil bahagian di dalam keputusan pelaburan KWSP. Oleh sebab itu, kita cadangkan ataupun dicadangkan dalam ini supaya Bank Negara menarik diri dan meletakkan mereka yang mempunyai kepakaran dalam bidang pelaburan dan sebagainya.

Berapa ramai yang telah memilih untuk mencarum kepada isteri di bawah i-Suri yang disebutkan tadi, jumlah yang RM5 kerajaan beri RM40. Setakat 30 November 2019, seramai 138,301 orang ahli telah mendaftar di bawah program i-Suri berbanding bilangan wanita yang layak menyertai program tersebut. Kadar pendaftaran i-Suri adalah sebanyak 43 peratus jika dibandingkan dengan jumlah keseluruhan wanita di bawah data e-Kasih yang layak. Saya kena perbetulkan sini, yang layak dapat sebanyak RM5 disumbangkan oleh suami dan RM40 diberi oleh kerajaan adalah mereka yang berada di bawah data e-Kasih iaitu yang layak sebanyak 321,313 orang ahli tetapi yang sudah mendaftar baru 138,301 orang ahli *which is about 43 percent*.

Setakat Disember 2018, kerajaan telah mengkreditkan bayaran insentif berjumlah RM9.51 juta ke dalam akaun ahli untuk tahun 2018. Bagi separuh tahun pertama 2019 pula, sebanyak RM27.5 juta caruman telah dikreditkan ke dalam akaun ahli. Jumlah ini merujuk kepada insentif RM40 sebulan yang dikreditkan dalam akaun KWSP i-Suri.

Kemudian, siapakah yang mempunyai kuasa melantik ahli lembaga dan panel pelaburan? Menteri kewangan mempunyai kuasa untuk melantik ahli lembaga dan panel pelaburan di bawah seksyen 4, dan seksyen 18 dengan mengambil kira Tuan Yang di-Pertua, kepakaran-kepakaran yang ada kepada mereka. Oleh sebab itu yang ditambahkan dua lagi itu ialah mutakhir ini- kalau sebelum ini kita lihat banyak difokuskan kalau ahli profesional kepada mereka yang mempunyai kepakaran dalam bidang pelaburan dan sebagainya.

Akan tetapi mutakhir ini, oleh sebab kita mempunyai masalah yang dibangkitkan oleh sebahagian Yang Berhormat, apabila sebahagian daripada pencarum kita apabila sudah sampai ke peringkat umur, boleh mengeluarkan semua caruman mereka, tidak sampai lima tahun, simpanannya sudah habis. Jadi, kita perlu untuk melihat keselamatan jaringan sosial yang baharu yang perlu kita lihat. Jikalau di Singapura, mereka tidak membenarkan untuk pencarum ini untuk mengeluarkan semua, mereka buat *annuity scheme*.

Maknanya setahun dia boleh keluarkan selepas- umur berhenti mencarum itu dibenarkan untuk keluar *certain percentage* supaya jumlah itu boleh tahan lebih lama. Bersesuaian dengan- maknanya *average* umur rakyat Malaysia yang disebutkan tadi, lelaki berumur 73 tahun dan wanitanya berumur 78 tahun *average*-nya adalah 75 tahun. Jadi Tuan Yang di-Pertua... [Menghalakan ucapan kepada Tuan Yang di-Pertua] Agak-agak lama lagi kah Tuan Yang di-Pertua kita ini? Usia 73 tahun, dengan yang ada sekarang ini. Jadi, itu yang dibangkitkan.

Kemudian ada juga yang membangkitkan tentang kuasa yang diberikan kepada ketua eksekutif untuk memberi atau menahan mereka yang telah mungkir untuk membuat caruman, berapa banyak dan sebagainya, itu tidak penting, yang pentingnya mereka telah mungkir. Kemungkinan untuk membuat caruman telah berlaku, kalau sebelum ini kita perlu pergi ke mahkamah untuk meminta perintah daripada mahkamah untuk menahan orang ini daripada keluar negara tetapi kali ini- maknanya Ketua Eksekutif mempunyai kuasa tersebut. Dia tidak akan keluarkan siapa-siapa yang tidak mungkir pun dia bagi notis kepada Ketua Pengarah Imigresen suruh tahan. Itu tidak mungkin berlaku.

Ini bermakna, berlaku kemungkiran untuk membuat caruman kemudiannya ketua eksekutif akan memaklumkan kepada Ketua Pengarah Imigresen cukup setakat itu tanpa perlu kita pergi ke mahkamah untuk mendapat ini. Oleh sebab apa ini kita cadangkan Tuan Yang di-Pertua kerana dia telah membuktikan bahawa mereka yang ditahan daripada untuk keluar negara ini mempunyai- kita ada peratus, saya tidak ingat berapa di sini, ada pernah diberikan.

Apabila di tahan untuk keluar negara, maka dengan segera mereka ini datang dan membayar tunggakan yang sepatutnya mereka ia telah bayar sebelum ini.

Jadi, *it is effective*, ia sangat berkesan. Oleh yang demikian, kita merasakan ini patut kita jalankan dengan lebih wajar lagi dengan hanya perlu terus kepada Ketua Pengarah Imigresen tanpa perlu mendapat perintah mahkamah yang akan mengambil masa yang lama. Oleh sebab ini adalah suatu yang cukup *effective* dan berkesan.

Cuma, yang ditimbulkan Tuan Yang di-Pertua, janganlah- maknanya biarlah majikan ini mempunyai *avenue* untuk mengetahui sama ada mereka ini okey ataupun tidak. Tidak mahulah nanti sudah beli apa semua, dia pun tidak tahu kata dia di-*blacklist*. Pergi, sudah beli tiket, bawa *family* apa semua, sampai dekat kaunter Imigresen, kena tahan. Jadi, kita pun rasa tidak wajar sedemikian kalau dia merupakan seorang yang cukup *innocent* tidak tahu. Akan tetapi, buat masa ini kita boleh *check* secara *online* dengan Jabatan Imigresen.

■1740

Sebelum kita membuat keputusan untuk keluar negara dan sebagainya, kita boleh *check online*, masukkan nombor IC kita Tuan Yang di-Pertua, so dia akan keluarkan di situ sama ada kita ini dibenarkan untuk keluar negara ataupun tidak. Kalau tidak dibenarkan keluar negara, cuma yang kita tidak tahu ialah berapa jumlah kita yang tertunggak. Itu kita tidak tahu tetapi kita tahu kita tidak dibenarkan *and then* kita boleh ambil tindakan untuk pergi kepada KWSP, bertanya berapa jumlahnya dan sebagainya.

Biasanya pihak KWSP amat *accommodative* dalam hal ini. Mungkin bilangannya tertunggak itu agak tinggi. So kalau boleh beri komitmen dan bayar separuh dulu kah, boleh bincang. Pokoknya, turun berbincang dan *insya-Allah*, akan diberikan suatu *consideration* oleh pihak KWSP.

Kemudian yang dibangkitkan oleh- ya. *This is interesting*. Yang terhormat Senator Puan Siti Fatimah yang membangkitkan tentang strategi pelaburan KWSP. So antara yang hendak dilihat bukan sahaja simpanan untuk hari tua pekerja-pekerja kita itu terjamin, duit itu tidak hilang. Bahkan *expectation*-nya ialah supaya duit itu bukan sahaja tidak hilang, tetapi ia membesar dengan keuntungan yang diberikan oleh KWSP.

Jadi pelaburan KWSP adalah berpandu kepada lokasi aset strategik yang memastikan KWSP dapat mencapai objektif pelaburannya untuk memelihara dan menambah nilai simpanan ahli berlandaskan had toleransi risiko KWSP. Berdasarkan lokasi aset strategik semasa, KWSP menasaskan *allocation* pelaburan seperti berikut instrumen berpendapatan tetap – 51 peratus, ekuiti – 36 peratus, hartanah dan infrastruktur – 10 peratus, dan instrumen pasaran wang – tiga peratus.

Setakat 31 Disember 2018, KWSP melaburkan 29 peratus daripada jumlah aset pelaburan di pasaran luar negara dalam pelbagai kelas aset, mata wang dan pasaran. Pada tahun yang sama, aset pelaburan luar negara ini menjana 38 peratus daripada jumlah

pendapatan pelaburan kasar KWSP. So maknanya, luar negara ini *is more attractive* Tuan Yang di-Pertua. Sebanyak 29 peratus kita *allocate*, tetapi pulangnya adalah 38 peratus daripada *total* keuntungan yang diperolehi. Akan tetapi pelaburan di luar ini juga mereka perlu berbincang dengan Bank Negara Malaysia kerana ia ada implikasi daripada segi tukaran wang dan sebagainya dan Bank Negara akan memberikan panduan-panduan yang tertentu.

Kaedah kerajaan untuk memastikan majikan mencarum kepada KWSP ini, ini kita ada *enforcement management system* kita ataupun EMS yang mengenal pasti majikan yang gagal mencarum pada ataupun sebelum 15 hari bulan setiap bulan. Sistem akan melakukan tindakan berikut. Sistem akan *alert* kita lah. *Trigger*, cetusan majikan dan tugas diberikan kepada pasukan panggilan- *call team* untuk membuat panggilan ke atas majikan. Maknanya, tidak sampai sahaja 15 hari bulan caruman, kita akan dapat *call*. Hendak angkat atau tidak angkat *call* itu lain ceritalah tetapi kita akan *call*. Sekiranya majikan gagal membayar, notis akan dikeluarkan atas majikan. Dalam masa yang sama majikan akan ditugaskan kepada pegawai pemeriksa untuk mengambil tindakan selanjutnya.

Ketiga, pegawai pemeriksa akan mengambil pendekatan secara tindakan dalaman terlebih dahulu dengan telefon atau temu duga dan sekiranya masih tiada penyelesaian, proses penguatkuasaan secara lawatan pemeriksaan akan dijalankan. Sekiranya masih lagi gagal menjelaskan caruman, tindakan pendakwaan boleh dibuat di bawah seksyen 43(2), Akta KWSP.

Seterusnya meneruskan tindakan guaman sivil ke atas pengarah syarikat. Biasanya kalau ambil tindakan guaman sivil ini ke atas pengarah, kalau yang tadi dia masih ini, ini akan kita dapat caruman tersebut. Selain itu nama-nama pengarah syarikat yang bertanggungjawab untuk menjelaskan, akan dikemukakan kepada Jabatan Imigresen seperti yang kita sebutkan tadi. Jadi, semua tindakan ini terbukti memberi kesan yang baik kepada apa yang telah kita sebutkan tadi.

Kecukupan persaraan telah saya sentuhkan tadi. Apakah implikasi jika berlaku pembubaran perkahwinan? Adakah boleh pindah kepada isteri baru? Tanya Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ananthan. Sekiranya pembubaran perkahwinan berlaku, ahli boleh membuat pembatalan pemindahan caruman dan mendaftar baru untuk isteri baru. Jumlah pindahan yang telah dibuat kepada isteri lama akan kekal menjadi milik isteri lama. Kalau tidak, dia akan jadi buruk siku. So kekallah di situ ya. Yang baru, *hat* baru lah. *Hat* lama itu, kekal. Kalau tidak dia jadi buruk siku Yang Berhormat Senator Dr.

Kemudian, tempoh masa untuk menghalang. Secara puratanya Yang Berhormat Puan Hajah Nuridah, tempoh masa sebelum tindakan larangan keluar negara diambil adalah tiga bulan daripada tarikh caruman mulai tertunggak.

Walau bagaimanapun, majikan akan diberikan notis terlebih dahulu dan saya sebut tadi makluman yang kita dapat daripada Ahli-ahli Dewan Rakyat kita, mereka memberitahu

bahawa KWSP amat- maknanya, yang perlunya ialah kita turun untuk berbincang. Berbincang dan yakinkan mereka bahawa keculasan ataupun kemungkiran yang berlaku itu tidak disengajakan dan memberi alternatif bagaimana ia hendak dijelaskan. Biasanya *insya-Allah* akan ada jalan keluarnya di situ.

Tadi ada juga yang tanya tentang kalau isteri yang bekerja hendak beri kepada suami, sama ada suami itu menjadi suri rumah ataupun suami bekerja sendiri. Setakat ini, konsep yang kita pegang, ketua keluarga adalah suami. Jadi maknanya tanggungjawab suami untuk menjaga isteri dan termasuk untuk masa depan dan sebagainya. Jadi suami kepada isteri. Jadi yang sebaliknya setakat ini belum lagi kecuali dunia semakin berubah, suami semua duduk di rumah jadi suri rumah, itu kita tengok lain lah nanti Tuan Yang di-Pertua ya. Setakat ini, suami kepada isteri.

Tuan Yang di-Pertua: Kemungkinan besar akan berlaku.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Wanita ini lebih pandai.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Betul Tuan Yang di-Pertua. Itu tidak dinafikan di universiti, kita lihat ramai wanita. Yang ramai lelaki ialah di pusat serenti [*Ketawa*] Jadi dekat-dekat itu lah- 'universiti' dan 'pusat serenti' [*Ketawa*]

Dua peratus- saya telah sebutkan tadi.

Gagal mencarum- telah saya sebutkan tadi.

Sejauh mana KWSP tahu majikan akan keluar negara- juga telah saya sebutkan tadi. Jadi saya rasa-rasalah Tuan Yang di-Pertua, saya sudah pun sentuh...

Tuan Yang di-Pertua: Ini Yang Berhormat Menteri. Mengenai kedudukan kewangan.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Oh, RM4 bilion itu ya.

Tuan Yang di-Pertua: Sokongan bersyarat.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Sokongan bersyarat. Yang baru ya. Baru sampai. Oh, ya. Pengeluaran RM4 bilion. Sokongan bersyarat daripada Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama. Kurang pasti pertanyaan pengeluaran RM4 bilion daripada Senator merujuk kepada apa? Sebab itu saya tadi pun bila ini saya minta Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama ulang balik. Kedudukan aset pelaburan KWSP setakat suku ketiga 2019 adalah sebanyak RM894.26 bilion. Paling besar dalam negara kita dan antara skim simpanan pekerja paling besar di dunia. Tengok! Angguk semua di belakang itu... [*Merujuk kepada pegawai-pegawai di belakang*] Jadi...

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Maknanya, RM4 bilion yang dibawa lari itu tidak ada terkesan lah KWSP?

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Oh, ini.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: 1MDB.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: KWAP dengan KWSP berlainan.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Oh, *sorry, sorry* . Itu daripada KWAP Corp. Okey, okey, itu. *Sorry, sorry*. Betul, betul. Saya tersilap.

Tuan Yang di-Pertua: So, sekarang sokong kah atau tidak?

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Tidak apa. Ini ada lagi tambahan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh, tidak boleh.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Ini lain, ini lain. Saya terbaca di sini, T14 pencen, elaun bersara dan ganjaran, RM26 bilion. Saya teringat bila cerita pencen, pencen dibiayai oleh KWAP tetapi kenapa kerajaan terlalu risau untuk mengurangkan bilangan kakitangan penjawat awam oleh kerana untuk menanggung pencen sedangkan pencen ditanggung oleh KWAP.

■1750

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Terima kasih. Ini pun bersyarat juga ini, Tuan Yang di-Pertua. Okey, yang tadi *clear* ya.

Sebenarnya, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, KWSP ini, saya ingat setiap bulan caruman yang masuk kepada KWSP sehingga KWSP ini mempunyai satu cabaran yang cukup besar bagaimana wang yang dicarumkan ini kemudiannya hendak dilaburkan. Ini kerana *expectation* daripada pekerja untuk mendapat dividen yang tinggi adalah *expectation* yang cukup tinggi dan ia tidak mudah lagi dalam keadaan ketidaktentuan ekonomi dan sebagainya. Maknanya, macam saya sebut tadi, kita boleh letak banyak di luar *investment* kita yang memberi pulangan yang lebih besar tetapi ada had-had tertentu yang kita perlu lihat.

Jadi dalam hal ini, saya ingat *expectation* yang ada, sebab itu kita buat perubahan ini dengan memasukkan lebih ramai golongan profesional dalam bidang yang diperlukan untuk memastikan bahawa wang yang disimpan itu dapat memberi pulangan seoptimum mungkin mengambil kira iklim pelaburan yang ada.

Bagi menjawab soalan KWAP itu, Yang Berhormat, kita kena ingat bahawa itu merupakan sebahagian daripada dana yang kerajaan *fallout* untuk mendapatkan pulangnya untuk membiayai pencen pegawai-pegawai perkhidmatan awam yang berpencen. Ia masih dalam keadaan yang- apabila umur *average Malaysian* termasuk penjawat awam semakin meningkat, maknanya negara menua disebut istilahnya, negara menua. Saya pun hairan apa benda menua ini. Negara yang makin tua ya, penduduknya yang semakin tua yang menyebabkan kadang-kadang bilangan tahun dia menerima pencen itu lebih daripada bilangan tahun yang dia servis dengan kerajaan. Itu yang kita kena tengok balik modelnya supaya ia *sustainable*.

Setakat ini desas desus yang mengatakan macam-macam yang disebutkan itu adalah tidak benar. Kabinet tidak pernah membuat apa-apa keputusan sebaliknya melainkan status quo yang ada itu adalah diteruskan. Jadi, KWAP hanya sebahagiannya, Yang Berhormat,

tetapi kerajaan perlu melihat dalam keadaan yang berubah sekarang ini, umurnya dan sebagainya, untuk memastikan kerajaan mempunyai dana yang cukup untuk memastikan bahawa tanggungjawab untuk membayar pencen kepada pegawai yang telah berpencen itu akan dapat berlaku dengan sebaiknya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja yang dapat- kalau yang tidak tersentuh, sekali lagi, saya mohon untuk kita menjawabnya secara bertulis. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 11** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, dan disokong oleh Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Liew Chin Tong) dan diluluskan]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti usul yang disetujukan pagi tadi, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 19 Disember 2019.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.56 petang]